



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS**

**PENGGAL PERTAMA**

**MESYUARAT KEDUA**

---

**SHAH ALAM, 05 JULAI 2013 [ JUMAAT ]**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 09.30 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B. Tuan Iskandar bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Sallehen bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Dr. Halimah binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)  
**(Timbalan Speaker Dewan Negeri)**

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)  
Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)  
Y.B. Tuan Dr. Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)  
Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)  
Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha (Taman Medan)  
Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)  
Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)  
Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Haji Shafiei (Sri Muda)  
Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)  
Y.B. Tuan Hasbullah bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)  
Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)  
Y.B. Puan Noor Hanim binti Ismail (Seri Serdang)  
Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)  
Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)  
Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)  
Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)  
Y.B. Tuan Razaly bin Hassan (Dusun Tua)  
Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)  
Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib (Taman Templer)  
Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)  
Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)  
Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah (Bangi)  
Y.B. Tuan Lee Chin Cheh (Kajang)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datok)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin bin Lias  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Haji Idrus  
K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Tuan Sulaiman bin Abdul Razak  
S.M.S., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Tuan Jakiran bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimaton Saadiah binti Bohan  
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki bin Haji Abdul Malik P.J.K.  
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif (Dengkil)

## **TIDAK HADIR**

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Amirudin bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Datuk Haji Johan bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)  
**(menunaikan Umrah)**

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)  
**(menunaikan Umrah)**

## **TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman, DPMS., SIS.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Suliman bin Abd Rahman, A.M.S., P.P.T.  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Puan Noor Asdiana binti Abd Kadir  
**Ketua Penolong Setiausaha**

Puan Mazian binti Manan  
**Penolong Setiausaha**

Puan Noor Diana binti Razali  
**Penolong Setiausaha**

Encik Zawawi bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha**

Puan Siti Salbiah binti Masri  
**Penolong Pegawai Tadbir**

Puan Siti Salina binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

Encik Ismail bin Habib  
**Bentara**

Encik Mohd Saiful Nizam bin Hasmawi  
Encik Hairuddin bin Omar  
**Penolong Bentara**

Puan Noor Syazwani binti Abd Hamid  
Puan Hajah Noridah binti Abdullah  
**Pelapor Perbahasan**

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**Dewan dimulakan pada jam 09.30 pagi**

**SETIAUSAHA DEWAN** : *Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat hari ke-6 bagi Mesyuarat Ke-2 Persidangan Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor ini yang ke-13 dimulakan dengan bacaan doa.

**I. DOA**

**TUAN SPEAKER** : Baiklah, selamat pagi semua. Saya mempersilakan Setiausaha Dewan untuk meneruskan aturan urusan mesyuarat pada pagi ini.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan urusan mesyuarat seterusnya ialah pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Klang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Tuan Speaker, soalan 87.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KLANG)**

**TAJUK : KOMPLEKS ISLAM BERSEPADU**

87. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Bila dan di manakah Kerajaan Negeri akan membina tiga buah Kompleks Islam Bersepadu ?
- b) Berapakah kos keseluruhan yang akan dibelanjakan?
- c) Apakah ciri-ciri pusat pendidikan dan pusat komuniti yang terdapat dalam kompleks tersebut?

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI** : Puan Speaker, terima kasih kepada Hulu Klang. Hulu Klang ingin bertanya berkaitan dengan Kompleks Islam Bersepadu, bila dan di mana Kerajaan Negeri akan membina 3 Kompleks Islam Bersepadu. Buat masa sekarang kita belum menentukan dari segi lokaliti berhubung kait dengan Kompleks Islam Bersepadu. Namun ada beberapa kecenderungan masjid-masjid yang sedang dalam perancangan untuk dinaiktarafkan sebagai Kompleks Islam Bersepadu yang antaranya melibatkan masjid di Alam Impian dan juga masjid di Telok Gadong yang akan menyebutkan ataupun akan masukkan Kompleks Bersepadu dalam

pembinaannya. Yang kedua berhubung kait dengan kos keseluruhan ini belum dapat ditentukan lagi dan bergantung pada keperluan pembinaan bagi setiap kompleks tersebut. Dan yang ketiga ialah apakah ciri-ciri pusat pendidikan dan pusat komuniti yang terdapat dalam kompleks tersebut? Kompleks yang dirancang itu akan menggabungkan pusat pendidikan daripada peringkat pra hingga ke KAFA Menengah. Ia juga dirancang supaya merangsang kepada penyertaan belia wanita dan remaja dalam lingkungan masjid seperti bukan sekadar pendidikan tetapi juga gelanggang futsalnya, dewan serba guna dan sebagainya.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Hulu Klang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Ya, apakah syarat-syarat bagi pihak kerajaan untuk mempertimbangkan permohonan dari DUN contohnya Hulu Klang menaik taraf masjid yang aktif yang berbagai-bagai aktiviti dan kemudahan untuk dinaiktarafkan sebagai Pusat Islam Bersepadu.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI** : Antara yang keutamaan yang boleh jadi kita akan berikan ialah di melihat kepada keperluan untuk mendirikan tempat ibadah bagi kawasan-kawasan yang tertentu kerana kepadatan penduduk dan keluasan yang sesuai dan ia juga mempunyai keperluan yang tinggi terhadap masjid ataupun masjid sebagai tempat ibadat sebagai satu tempat yang berguna dalam lingkungan dalam tempat sembahyang tapi di luar di lingkungan di perkarangan masjid itu sendiri.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Apa pandangan pada Yang Berhormat EXCO , saya lihat berkaitan Masjid Negeri itu, kawasannya agak luas, kalau dataran anak muda jika disediakan dalam kawasan Kompleks Masjid Negeri.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI** : Masjid Negeri sendiri sebenarnya telah menjadi pusat komuniti dan kompleks yang besar yang bukan sekadar dalam masjid yang mempunyai ruang dewan yang besar yang boleh guna pelbagai guna dan juga diberi peluang untuk *kiosk* perniagaan di luar perkarangan masjid. Namun belum ada apa-apa perancangan di tempat yang luas di perkarangan masjid kerana tempat itu biasanya kita guna untuk *parking* kenderaan yang tidak dapat menampung jumlah besar terutama pada hari Jumaat dan pada hari-hari yang kemuncak yang ada program yang besar di Masjid Negeri. Namun saya fikir untuk mencadangkan tentang beberapa item penting untuk dilaksanakan di perkarangan luar masjid itu boleh dibincangkan.

**TUAN SPEAKER** : Kuang, tidak hadir. Soalan 89 telah dijawab bersekali dengan soalan nombor 22. Rawang, tidak hadir. Meru, tidak hadir. Sungai Air Tawar.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK** : Terima kasih Tuan Speaker.  
Soalan nombor 92.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK  
(SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : KOMPLEKS ISLAM BERSEPADU**

92. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah hala tuju pembangunan desa sejak lima tahun pentadbiran Pakatan ?
- b) Apakah dasar dan program lima tahun ke hadapan?
- c) Bagaimanakah masyarakat desa dapat menikmati arus kemajuan Selangor?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : *Bismillahir rahmanir rahim* . Puan Speaker, Sungai Air Tawar membangkitkan tentang isu pembangunan desa, kemajuan desa jadi perkataan kemajuan desa ini hanyalah baru kita utarakan bukan dan dulunya dipanggil sebagai pembangunan luar bandar. Hala tuju pembangunan desa sejak lima tahun pentadbiran Pakatan. Lima tahun yang lepas kita telah gunakan sektor pertanian dan sektor-sektor yang terlibat dengan kampung-kampung dan seterusnya sebagai satu usaha memajukan dan membangunkan Negeri Selangor. Tapi kita dapati inisiatif ini tidak menyelesaikan satu masalah utama iaitu menentukan peningkatan penambahan pendapatan masyarakat di pinggir bandar dan juga di kampung-kampung yang kita anggap sebagai masyarakat desa. Oleh sebab itulah kita sekarang telah cuba untuk menguruskan satu program pembangunan desa secara keseluruhannya. Bagaimana dia akan menepati menikmati manifesto Kemajuan Negeri Selangor ? Sudah tentulah ukuran utama kita ialah dalam masa 3 tahun perancangan kita akan membuat perangkaan yang menunjukkan peningkatan pendapatan berkapita masyarakat dalam kumpulan desa itu meningkat.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK** : Soalan tambahan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Air Tawar.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK** : Soalan tambahan berbunyi apakah perancangan Kerajaan Negeri Selangor dengan tanah PKPS di tengah-tengah utara Sabak Bernam yang telah diambil daripada lot-lot...

**TUAN SPEAKER** : Sungai Air Tawar, yang itu soalan spesifik ya. Sungai Air Tawar, soalan pokok tu *general*. Secara am jadi tak boleh tanya soalan macam itu. Boleh ya.



**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK** : Okey , terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Soalan seterusnya Telok Datuk, tidak hadir. Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Tuan Speaker, soalan nombor 94.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI  
(SRI MUDA)**

**TAJUK : TANAH REVOLUSI HIJAU**

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Huraikan secara terperinci perancangan Kerajaan Negeri di kawasan terlibat untuk 5 tahun akan datang kerana masalah pembinaan kilang haram kian meruncing.
- b) Apakah pelan bagi mengatasi masalah kebakaran di situ?
- c) Perincian jumlah pemohon tanah pertanian di kawasan terlibat dan kenapa hingga kini masalah tanah bertindih belum diselesaikan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Sri Muda, Yang Berhormat Sri Muda membangkitkan soalan tanah revolusi hijau di Kampung Johan Setia Daerah Klang. Sebenarnya saya telah menyemak di Pejabat Daerah Klang, sebenarnya tak ada perancangan terperinci. Sebenarnya ada satu perancangan yang cuba mengubah tanah revolusi hijau ini menjadi satu kawasan Halal Hub yang dibuat secara komersial oleh pengusaha swasta yang akhirnya tidak dapat dilaksanakan dan kerajaan sendiri tidak mahu menjalankan usaha pengambilan tanah untuk melaksanakan projek tersebut kerana projek itu dikatakan hanya mementingkan pembangunan hal tanah bukan pembangunan Halal Hub dan kedua kita juga telah mengadakan perbincangan tentang bagaimana menyusun semula tanah di Johan Setia tersebut. Satu cadangan awal ialah membersihkan semua tanah itu dan ditanam dengan kelapa sawit supaya tidak terdapat kebakaran di sana-sini dan ini pun tidak kita lakukan. Permohonan tanah, kajian kita menunjukkan lebih daripada 40% daripada mereka yang mendapat hak tanah revolusi hijau di Johan Setia adalah mereka yang tidak tinggal di sana, ada kalanya tidak tahu tanah mereka di mana, itu yang berlaku.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI** : Puan Speaker, saya ingin mengemukakan soalan tambahan pada Kerajaan Negeri memandangkan kawasan itu

besar dan dulu ada program ataupun projek untuk Halal Hub jadi apabila Kerajaan Negeri tidak meneruskan ataupun tidak memberikan kebenaran untuk meneruskan Program Halal Hub tersebut jadi terdapat mereka yang membeli tanah-tanah di kawasan itu, masih ingat ialah kawasan industri walhal ia adalah kawasan pertanian. Jadi masalah kita di kawasan itu ialah penambakan tanah secara haram, jadi apakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memecahkan satu untuk industri, satu untuk pertanian bagi memberi ruang kepada mereka yang telah pun membeli tanah-tanah di kawasan yang terlibat, terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Sri Muda adalah sangat penting kita akan mengadakan satu usaha supaya Majlis Perbandaran Klang membuat perancangan apa yang kita nak gunakan tanah tersebut. Dengan perancangan tersebut kita boleh tentukan sama ada kawasan itu ialah kawasan untuk industri ataupun untuk perindustrian. Jadi dengan cara itu dengan perancangan tersebut kita boleh memberitahu pengguna-pengguna tentang kegunaan tanah-tanah tersebut dan juga menentukan urusan niaga tanah tersebut berasaskan kepada kawasan perancangan tanah-tanah.

**TUAN SPEAKER** : Taman Templer, tidak hadir. Bukit Melawati.

**Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH** : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Soalan nombor 96.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH  
(BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : MANIFESTO PROGRAM RAKYAT MISKIN**

96. Manifesto Pakatan Selangor di PRU ke-12 iaitu menjalankan program bagi membolehkan rakyat miskin terutamanya petani dan nelayan mendapatkan pendapatan yang lebih tinggi di atas garis kemiskinan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Nyatakan status pelaksanaan manifesto ini?
- b) Berapakah bilangan mereka yang mendapat manfaat?

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI** : Puan Speaker, terima kasih kepada Bukit Melawati. Bukit Melawati bertanya berkenaan program rakyat miskin, namun soalan ini merujuk kepada pendapatan petani dan nelayan. Jadi nyatakan status pelaksanaan manifesto yang telah digariskan dalam pilihan raya yang lalu. Status manifesto Pakatan Rakyat adalah sedang dalam pelaksanaan di mana program-program yang dijalankan oleh Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan dan Jabatan Veterinar adalah program

yang berterusan di bawah Program Pembangunan Ekonomi Nelayan Petani dan Penternak.

Dan soalan yang kedua adalah ingin penjelasan berkaitan dengan bilangan mereka yang telah mendapat manfaat. Pelbagai program telah dilaksanakan di bawah program pembangunan ekonomi nelayan, petani dan penternak antara program yang dijalankan untuk menambah pendapatan petani adalah pembangunan komuniti berasaskan aset. Menjadi fokus utama Kerajaan Negeri pada tahun ini. Konsep ini penting dalam usaha pembangunan lestari di mana keupayaan dapat berlaku dengan penglibatan aktif pemimpin dan penduduk menggunakan aset setempat secara maksimum. Program ini memberi pengiktirafan khusus kepada pemimpin tempatan yang memainkan peranan sebagai pemangkin pembangunan individu dan komuniti di kawasanya. Ia juga merupakan satu strategi ke arah peningkatan hasil padi. Oleh itu beberapa siri latihan telah diberikan kepada Ahli Jawatankuasa Komuniti di kawasan tumpuan dengan penekanan kepada kemahiran, kepimpinan, kemahiran berfikir dan juga pendedahan kepada konsep pembangunan komuniti berasaskan aset *base community development*. Melalui program ini seramai 429 petani telah menanam padi menggunakan kaedah ini dan melibatkan keluasan 647 hektar. Penggunaan kaedah ini dapat mengurangkan kos pesawah sehingga 40% berbanding kos menggunakan kaedah penanaman secara konvensional dan pesawah yang terlibat berjaya meningkatkan pengeluaran hasil dari 6.9 metrik tan sehektar pada musim pertama 2011 kepada 7.5 metrik t an sehektar pada musim pertama 2012. Pengurangan kos dan peningkatan hasil membantu meningkatkan pendapatan pesawah. Namun selain pengurangan kos dan pengalaman pertanian yang mesra alam program ini mampu menjana purata pendapatan tambahan sebanyak RM2,000.00 sebulan untuk petani dan pesawah yang terlibat sehingga 2012 dianggarkan sebanyak RM337,590.00 pendapatan dijana hasil jualan produk *natural farming* yang dinamakan Sri Anak, Sri Bunga, Sri Buah. Sehingga tahun 2013 sebanyak 6 pusat komuniti pertanian lestari *natural farming* yang telah ditubuhkan di kawasan Barat Laut iaitu yang pertama Seri D9, Parit 9 Sungai Leman, Sabak Bernam. Yang kedua, Seri D1, Parit 1 Banat, Sabak Bernam. Yang ketiga, Seri D Dorani, Parit 2 Sungai Haji Dorani, Sabak Bernam. Keempat Seri D5, Simpang Sungai Nipah, Sabak Bernam. Kelima, Seri D Nipah, Sungai Nipah 2, Sabak Bernam. Yang keenam, Seri Kencana, Sungai Burong, Kuala Selangor.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat Sabak. Masa menjawab sudah habis. Minta berikan jawapan bertulis kepada Yang Berhormat Bukit Melawati.

Soalan seterusnya Sungai Pelek.

**Y.B. PUAN LAI NYUK LAN** : Terima kasih Puan Speaker. Soalan no. 97.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN  
(SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : USAHA MENINGKATKAN SEKTOR PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN.**

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan sektor pertanian, penternakan dan perikanan di DUN Sg. Pelek?.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI** : Terima kasih kepada Sungai Pelek. Sungai Pelek bertanya berkaitan apakah usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan sektor pertanian, penternakan dan perikanan di DUN Sg. Pelek. Antara program pertanian yang dilaksanakan di DUN Sg. Pelek adalah Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan di Ulu Chuchuh di mana TKPM ini berkeluasan 100 hektar dengan jumlah peserta seramai 22 orang. TKPM ini mengeluarkan hasil tanaman umbi dan sayuran di mana pengeluaran hasil pada tahun 2012 adalah 1448 metrik tan dengan nilai RM2.17 juta. Aktiviti pertanian lain pula adalah projek pemulihan dan penanaman semula dusun buah-buahan seperti durian, longan dan kelapa dengan keluasan 60 hektar, dan peserta seramai 50 orang di sekitar kawasan Bagan Lalang, Pekan Sg. Pelek dan Kg. Labu Lanjut. Projek tanaman pitaya turut diusahakan di DUN ini melibatkan keluasan 40 hektar dengan 30 orang peserta. Bagi industri hiliran berasaskan pertanian, terdapat 3 kumpulan pengembangan wanita (KPW) dan 53 orang pengusaha industri asas tani dibimbing untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup melalui perusahaan kerepek, makanan ringan, kraf dan bakeri.

Manakala usaha-usaha yang dilakukan dalam sektor perikanan di DUN Sungai Pelek adalah projek ternakan udang laut dan perikanan tangkapan. Pengeluaran udang laut di DUN Sg. Pelek menyumbang kepada jumlah pengeluaran terbesar dalam sektor akuakultur di Daerah Sepang. Selain itu terdapat juga pengusaha akuakultur yang menggunakan teknologi moden dalam ternakan ikan spesies tempatan dan spesies luar kita menggunakan sistem RAS *Re-Circulating Aquaculture System* pada tahun 2012 sistem ini telah menyumbang kepada jumlah pengeluaran sebanyak 0.41 metrik tan.

**TUAN SPEAKER** : Bukit Antarabangsa.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Soalan 98.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHAMED AMIN BIN ALI  
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK : GOLONGAN MISKIN BANDAR**

98. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah gagasan Kerajaan Negeri untuk membantu dan mengurangkan peratusan golongan miskin bandar dan apakah Kerajaan bercadang untuk meneliti semula kriteria Paras Garis Kemiskinan (PGK) yang digunakan oleh Kerajaan Negeri.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN :** Dengan izin Puan Speaker, terima kasih kepada Bukit Antarabangsa. Soalan Bukit Antarabangsa adalah berhubung dengan golongan miskin bandar walaupun berulang kali dah beritahu dalam dewan yang mulia ini saya menyambung balik. Kerajaan Negeri dalam usaha untuk membela nasib tak kira miskin di negeri Selangor dengan mewujudkan banyak lagi program-program yang bersesuaian mengikut keperluan individu dan keluarga. Paras garis kemiskinan sebenarnya yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri adalah RM1,500.00 walaupun di pusat adalah RM750.00 sahaja. Sementara itu program-program yang ditawarkan oleh pihak Kerajaan Negeri adalah seperti Program Bantuan *Blue Print* Membasmi Kemiskinan, Program Kemahiran Teknikal yang merangkumi Kolej Inpens iaitu di mana kanak-kanak dan keluarga miskin yang tidak dapat melanjutkan pelajaran dapat ditanggung oleh kerajaan melalui melanjutkan pelajaran mereka di Kolej Inpens. Begitu juga dengan bantuan kesihatan. Yang diberi dari *STANDCO* kesihatan, begitu juga program bantuan niaga, program mikro kredit, program bantuan kerja-kerja dan Pakej *MIMBAR Cleaner*. Dalam pada itu tidak dilupakan juga Lembaga Zakat Selangor juga memainkan peranannya yang besar dalam membantu dalam membasmi kemiskinan. Dalam pada itu terutama dalam *STANDCO* Kemiskinan kami mengadakan Program *Blue Print* untuk pembasmian kemiskinan di mana sasaran *group* adalah di bawah gaji RM1,500.00 ke bawah dan objektif kami adalah untuk menyalurkan bantuan berupa peralatan ataupun mesin yang diperlukan berdasarkan jenis perusahaan perniagaan yang sedang dijalankan supaya meningkatkan pendapatan mereka melalui program-program begini sasaran adalah dalam sementara sekarang dalam *Blue Print* adalah seperti penjahitan, perniagaan makanan, kraf tangan dan industri kecil. Syarat permohonan sedia ada adalah pendapatan kurang daripada RM1,500.00, bermastautin tetap di negeri Selangor dan juga telah memulakan perniagaan. Statistik penerima program bantuan *Blue Print* pembasmian kemiskinan di negeri Selangor adalah seperti di Petaling dari tahun 2009 hingga 2012 adalah seramai 672, di Klang 385, Gombak 297, Sepang 241, Kuala Langat 470, Hulu Langat 248, Hulu Selangor 759, Kuala Selangor 850, Sabak Bernam 3,868 dan anggaran purata penerima mengikut pecahan kaum adalah Melayu 89.9%, India 8.3% dan Cina adalah 1.8%. Jawapan ini juga merangkumi kepada jawapan 110 dan 151. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Soalan tambahan. Bukit Antarabangsa.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Terima kasih Yang Berhormat Puan Speaker. Kemiskinan bandar ini merupakan satu fenomena baru dalam sesebuah negara ataupun negeri yang maju. Selain daripada upaya ataupun inisiatif yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri saya ingin bertanya apakah Kerajaan Negeri juga merangka satu program khusus untuk mencipta pekerjaan di bandar atau dengan izin *Urban Employment Creation* sebagai contoh satu upaya atau inisiatif untuk

memperkukuhkan sektor mikro keusahawanan ini ataupun *micro enterprise*. Terima kasih.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN** : Dengan izin Puan Speaker, tidak dinafikan fenomena ini berlaku kepada semua bandar khususnya selepas pemesatan ekonomi dan peluang pekerjaan membuat ramai menarik ke bandar dan ia berlanjutan menjadi penghijrahan yang besar-besaran dan tertumpu pada kawasan seperti luar bandar atau pinggir bandar, dalam bandar sendiri ada kewujudan kesempitan kehidupan memaksa mereka melalui satu penderitaan ekonomi yang dahsyat. Dalam pada masa yang terdekat walau pun tidak ada rancangan khusus di bawah *STANDCO* Kemiskinan tapi kami setelah bincang lanjut dengan pegawai-pegawai yang di *STANDCO* Kemiskinan dan juga di bawah kerajaan prihatin akan berlaku seperti yang telah saya katakan lalu akan berlaku rombakan besar-besaran mungkin kita akan buat *Blue Print* Pembasmian Kemiskinan ini akan dirombak balik dan akan dikaji dengan keadaan semasa untuk membolehkan ia memberi manfaat yang lebih baik kepada semua nanti. Terima kasih.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG** : Soalan tambahan Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG** : Terima kasih Puan Speaker. Memandangkan angka-angka yang telah dinyatakan oleh Y.B. EXCO adalah tidak lebih 1,000 bagi setiap kawasan yang dinyatakan tadi. Jadi saya ingin nak tanya sama ada Kerajaan Negeri ada apa-apa pelan untuk menjadikan Negeri Selangor negeri kemiskinan sifar dan juga sama ada tempoh masa telah ditetapkan oleh pelan strategi yang telah dirangka termasuk *Blue Print* yang telah dinyatakan oleh Y.B. EXCO tadi. Terima kasih.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN** : Terima kasih Teratai. Sebenarnya tidak ada sasaran untuk zero kemiskinan. Masih tidak ada sasaran yang ditetapkan. Tapi adalah hasrat Kerajaan Negeri untuk melihat semua rakyatnya melepasi paras garis kemiskinan iaitu RM1,500.00 ke atas. Dalam pada itu adalah diakui bahawa *Blue Print* yang telah ditetapkan yang diguna pakai adalah telah dirangka pada 2004. Sudah tiba masanya untuk kita untuk merombak. Sebab itu tadi saya dah beritahu tadi perlu dikaji balik dengan keadaan semasa supaya memberi manfaat yang lebih besar dan sesuai dengan keadaan semasa. Itu rangka yang saya beritahu. Dan tidak ada khusus kepada DN-DN di mana apabila kita melihat kembali pembasmian kemiskinan adalah bukan tertumpu pada sesuatu DN sahaja ia lebih kepada keseluruhan rakyat Negeri Selangor ia akan bergantung pada permohonan dari tempat masing-masing. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Dusun Tua.

**Y.B. TUAN ROZALY BIN HASSAN** : Terima kasih Puan Speaker. Soalan saya no. 99.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN  
(DUSUN TUA)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN SUKAN DAN EKONOMI DI KALANGAN BELIA**

99. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan tindakan yang telah dilaksanakan dan perancangan masa depan kerajaan negeri untuk meningkatkan pembangunan sukan dan ekonomi di kalangan belia di negeri Selangor.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Tuan Speaker, Dusun Tua ingin mengetahui berkaitan dengan tindakan dan juga yang telah dilaksanakan dan juga perancangan masa depan kerajaan negeri berkaitan dengan pembangunan sukan dan ekonomi di kalangan belia. Beberapa tindakan atau pun program telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri dalam meningkatkan pembangunan sukan dan ekonomi di kalangan belia adalah seperti yang akan saya nyatakan ini pertama dengan membentuk budaya sukan dan memantapkan integrasi nasional menerusi penglibatan masyarakat secara menyeluruh dan pencapaian kecemerlangan di peringkat antarabangsa. Yang kedua dengan menggalakkan badan-badan sukan dan bukan kerajaan atau pun (NGO) dan swasta mewujudkan persekitaran yang sesuai bagi membangunkan industri sukan. Ketiga mempertingkatkan pengeluaran produk dan perkhidmatan sukan untuk penggunaan tempatan dan eksport. Keempat meningkatkan pembangunan dan penyelidikan yang berkaitan dengan produk dan perkhidmatan sukan melalui penyediaan insentif yang sesuai. Yang kelima mempertingkatkan pemasaran dan promosi produk dan perkhidmatan sukan tempatan. Yang keenam mempertingkatkan pelancongan sukan melalui lebih banyak penganjuran acara di peringkat antarabangsa.

Sebenarnya buat masa ini negeri Selangor mempunyai produk jenama sukannya yang di sebut SUKSESS yang mana walau pun mungkin daripada segi promosinya tidaklah begitu hebat dan pengeluarannya juga pengeluaran produknya juga tidak begitu menonjol tetapi saya melihat bahawa sesuatu perlu dilakukan seperti penjenamaan semula dan sebagainya yang mana secara tidak langsungnya akhirnya ia juga ini akan memberi peluang kepada belia-belia kita daripada sudut ekonomi dan sukan. Perancangan masa depan Kerajaan Negeri dalam meningkatkan pembangunan sukan dan ekonomi di kalangan belia di negeri Selangor iaitu dengan usaha kerajaan untuk meletakkan sukan sebagai industri yang berperanan dalam memberikan impak kepada pertumbuhan ekonomi di samping menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar negara. Perancangan pertumbuhan sektor industri yang relevan dalam sukan secara komprehensif dan menyeluruh termasuk aktiviti mengkomersialkan produk dan perkhidmatan, menjadikan bidang sukan sebagai satu kerjaya, mewujudkan peluang pekerjaan, memperkasakan bidang sukan bagi tujuan menjana pendapatan dan memberi pulangan kepada pelaburan dalam bidang ini. Dan perkembangan industri sukan akan dapat mengubah pendekatan sukan tidak hanya bergantung kepada bantuan dan sokongan kerajaan semata-mata, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Jeram.

**Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO** : Terima kasih Tuan Speaker, soalan No. 100.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(JERAM)**

**TAJUK : BIASISWA MENTERI BESAR**

100. Manifesto PRU-13 kerajaan negeri mahu melancarkan biasiswa Menteri Besar bagi pelajar ijazah lanjutan melalui terbitan bon negeri untuk membentuk sebuah Bank Pemikir Negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Bagaimanakah konsep dan mekanisme pelaksanaan biasiswa ini?
- b) Apakah bentuk biasiswa yang ditawarkan negeri sebelum ini?

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : Terima kasih kepada Puan Speaker dan Jeram. Jeram menyebutkan tentang Manifesto PRU-13 di mana kerajaan negeri mahu melancarkan biasiswa Menteri Besar bagi pelajar ijazah lanjutan melalui terbitan bon. Jeram mahu tahu konsep dan mekanisme pelaksanaan biasiswa ini dan apakah bentuk biasiswa yang ditawarkan negeri sebelum ini. Untuk makluman Jeram suatu pasukan kerja di bawah EXCO Pendidikan tinggi telah pun diwujudkan untuk tujuan merancang dan mendetailkan pelaksanaan biasiswa ini dan ia Manifesto PRU-13. Tapi konsep dasar biasiswa Menteri Besar ini saya mahu berkongsi bersama semua Ahli Yang Berhormat untuk makluman Jeram dan Ahli Yang Berhormat, kerajaan Pakatan Rakyat Selangor telah menetapkan hala tuju Selangor 2025 iaitu untuk menjadi Selangor Negeri Idaman, Maju, Sejahtera dan Berkeadilan. Di antara teras utama untuk mencapai visi tersebut ialah Pembangunan Modal Insan. Ini telah dimulakan dengan pelancaran projek Jejak Ilmuwan pada 2008 bertujuan untuk menjejaki atau mengenal pasti dengan izin *full* ilmuwan yang sedia ada dan bidang kepakaran mereka, sekali gus menyedarkan mereka tentang kepentingan sumbangan mereka kepada masyarakat melalui program Merakyatkan Ilmuwan. Masa yang sama program jejak program ilmuwan ini juga mengenal pasti pelajar berpotensi yang diprogramkan sebagai Tunas Ilmuwan bertujuan untuk dibangunkan sebagai bakal ilmuwan yang mempunyai produktiviti, daya maju dan daya saing. Sebagai modal insan penyumbang utama kepada tercapainya nanti visi Selangor yang saya sebutkan tadi.

Kemuncak daripada usaha kembar projek jejak ilmuwan ini ialah keperluan mengilap dengan izin *full* ilmuwan muda khususnya dalam bidang kritikal dan vital yang memastikan tercapainya tamadun unggul di Selangor ini seperti yang saya sebut di



dalam visi kerajaan Selangor, hala tuju Selangor 2025 dan memastikan pembangunan lestari bahkan melonjakkan bagi melonjakkan pendapatan. Bertambah baik kualiti hidup, memastikan rakyat sentiasa harmonis dan menjadikan rujukan dunia luar, maka biasiswa Menteri Besar ini telah dikenal pasti sebagai salah satu cara untuk memastikan mereka yang mempunyai potensi IQ tinggi, Insya-Allah akan bersama di dalam Negeri Selangor ini. Yang kedua biasiswa yang ditawarkan sebelum ini ialah MBI atau Menteri Besar Selangor Perbadanan dengan kerjasama kerajaan Selangor, Anak-anak Syarikat telah menubuhkan tabung pendidikan Anak-anak Syarikat dan Badan-badan Berkanun Kerajaan Selangor pada tahun 2012. Ini diberi untuk warga kerja dan anak warga kerja syarikat yang memenuhi syarat kelayakan untuk melanjutkan pelajaran ke universiti tempatan untuk kursus Sarjana Muda, Sarjana dan juga PhD, selain daripada pinjaman biasiswa yang telah wujud sebelum ini, terima kasih.

**Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Jeram.

**Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO** : Terima kasih Puan Speaker. Berikutnya saya hendak bertanya adakah sebarang agihan atau pun keistimewaan bagi peluang-peluang biasiswa ini bagi golongan pelajar bumiputera yang mungkin dalam golongan yang mundur atau latar belakang keluarganya, terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : Seperti yang saya sebutkan tadi Jeram yang tujuan biasiswa Menteri Besar ini adalah untuk bidang yang khusus. Bermakna sesiapa yang mempunyai potensi di dalam bidang kritikal untuk mencapai satu tahap yang diletakkan dalam visi itu tadi Insya-Allah akan diambil perhatian. Maknanya kalaulah bumiputera itu memang Insya-Allah ramai sudah tentulah mereka akan layak. Jadi ini Insya-Allah kita akan adil untuk semua dan bumiputera sudah tentu tidak akan ketinggalan.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Terima kasih Puan Speaker. Memandangkan negara-negara maju seperti Singapura menarik *talent* dengan izin daripada seluruh Asean untuk mengembangkan *talent full* dengan izin adakah biasiswa ini akan terhad kepada anak Selangor atau pun akan dikembangkan kepada seluruh warga Malaysia atau pun *International* juga dengan izin.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : Terima kasih kepada Bukit Gasing, ah kepada Bukit Gasing. Seperti yang saya katakan tadi ini yang sebutkan tadi adalah konsep dasar. Pasukan kerja di antara intelektual-intelektual sedang memikirkan secara terperinci program ini. Dan di antara yang telah disebutkan oleh Bukit Gasing ini sudah tentu akan diambil kira, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Kuala Kubu Baharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG** : Terima kasih Puan Speaker, soalan No, 101.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : MASALAH PENCEMARAN KILANG**

101. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah sistem pemantauan Jabatan Alam Sekitar bagi mengatasi masalah pencemaran kilang-kilang di Hulu Selangor memandangkan JAS tidak mempunyai cawangan di daerah Hulu Selangor?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Terima kasih Kuala Kubu Baharu. Puan Speaker soalan ini berkenaan tentang sistem pemantauan Jabatan Alam Sekitar di Hulu Selangor. Penyelesaian masalah dan isu-isu pencemaran dan penguatkuasaan ke atas punca-punca pencemaran yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Sekeliling 1974 di kawasan Daerah Hulu Selangor dilaksanakan oleh Cawangan Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor yang berpejabat di Taman Perindustrian Batu Caves. Cawangan ini bertanggungjawab untuk memantau isu-isu pencemaran yang berada di bawah bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar di Daerah Gombak dan Daerah Hulu Selangor. Selain daripada itu, Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor di Shah Alam juga akan memantau dan menjalankan penguatkuasaan ke atas premis-premis yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar iaitu kilang kelapa sawit, kilang getah asli dan premis kemudahan pengolahan serta pemerolehan kembali buangan terjadual.

**TUAN SPEAKER** : Kajang.

**Y.B. TUAN LEE CHIN CHEH** : Puan Speaker soalan 102.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LEE CHIN CHEH  
(KAJANG)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN BANDAR**

102. Rangkaian sistem pengangkutan LRT dan MRT telah dikembangkan dalam Negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah kerajaan negeri Selangor bercadang dan bersetuju menggariskan kawasan berhampiran dengan stesen LRT dan MRT sebagai kawasan berkepadatan tinggi?
- b) Sekiranya benar, adakah kerajaan negeri Selangor telah menyediakan garis panduan yang perlu dipatuhi oleh kerajaan-kerajaan tempatan untuk membuat susulan pindaan pelan rancangan tempatan (*Local Plan*)?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KIM** : Puan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Kerajaan Negeri amat menggalakkan pembangunan berasaskan transit atau *transit orientED development* di negeri Selangor. Di dalam rancangan struktur negeri Selangor turut mencadangkan dasar khusus bagi memastikan pelaksanaan pembangunan berasaskan transit dapat dicapai. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor sedang menjalankan kajian khas kawasan berpotensi CBD (*Central Business District*) di Selangor dengan memberi fokus di kawasan-kawasan stesen berasaskan *real* sedia ada dan yang telah komited. Kawasan-kawasan yang berhampiran dengan pusat CBD ini boleh dicadangkan untuk kepada yang tinggi atau menerapkan konsep pembangunan padat *compact city*. Dengan penyediaan kemudahan-kemudahan utama dan sokongan yang mencukupi. Setelah kajian berpotensi di CBD ini disiapkan dan dipersetujui di peringkat kerajaan negeri, Pihak Berkuasa Tempatan bolehlah menyelaras dan memperincikan melalui rancangan tempatan masing-masing.

**TUAN SPEAKER** : Gombak Setia.

**Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN** : Puan Speaker soalan No. 103.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN  
(GOMBAK SETIA)**

**TAJUK : SYABAS DAN PENGURUSAN AIR**

103. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah geran Bantuan kepada usaha menyaman SYABAS oleh rakyat?
- b) Apakah pihak kerajaan negeri mengenal pasti tindakan-tindakan SYABAS yang melanggar perjanjian konsesi dan boleh menyebabkan terbatalnya konsesi tersebut?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Puan Speaker, Gombak Setia membangkitkan dua perkara mengenai Syabas dan Pengurusan Air. Soalan yang pertama adakah terdapat Geran Bantuan kepada usaha menyaman Syabas oleh rakyat. Jawapannya ialah kerajaan negeri Selangor telah menyediakan peruntukan Geran Bantuan kepada usaha yang telah dibuat oleh rakyat untuk menyaman Syabas jika dia tidak menjalankan

perkhidmatan yang terbaik. Justeru itu mana-mana individu yang bercadang untuk menyaman SYABAS perlulah mengemukakan permohonan geran tersebut kepada kerajaan negeri. Soalnya yang kedua apakah pihak kerajaan mengenal pasti tindakan-tindakan SYABAS yang melanggar perjanjian konsesi dan boleh menyebabkan terbatalnya konsesi tersebut. Konsesi yang sepatutnya dipenuhi oleh SYABAS jelas diperuntukkan dalam perjanjian konsesi 2004 di samping itu Syabas juga terikat dengan terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam lesen pembekalan yang telah dikeluarkan oleh kerajaan negeri Selangor. Sepanjang tempoh berkuat kuasanya perjanjian konsesi SYABAS terdapat beberapa tindakan terhadap laku Syabas yang telah dikenal pasti sebagai menjurus kepada pelanggaran perjanjian konsesi.

Antara tatalaku yang paling ketara ialah kegagalan SYABAS mencapai *target* penurunan *non revenue water* atau pun dipanggil kehilangan hasil air seperti mana yang termaktub dalam perjanjian konsesi. Dalam perjanjian konsesi tersebut SYABAS sepatutnya menurunkan penurunan *non revenue water* kepada 20% pada tahun 2011. Dan buat masa ini *non revenue water* atau kita kehilangan hasil air ialah melebihi 33%. Kerajaan Negeri Selangor telah juga menyarankan kepada kerajaan persekutuan untuk memberi kebenaran kepada kerajaan negeri Selangor bagi mengambil alih pengurusan dan operasi SYABAS atas alasan tindakan dan tatalaku SYABAS telah melanggar terma dan syarat yang diperuntukkan oleh perjanjian konsesi. Namun saranan ini tidak dijawab oleh kerajaan persekutuan. Justeru itu kerajaan negeri Selangor berpandangan penyelesaian ke atas SYABAS hanyalah boleh dicapai dengan memuktamadkan penyusunan semula industri perkhidmatan air di bawah modal holistik yang sememangnya telah terbukti sebagai penyelesaian ke atas semua masalah pengurusan bekalan air secara komprehensif dan dapat menjamin pengurusan air yang mengutamakan tahap kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan serta memperkukuh integriti. Dan modal-modal ini telah, sudah dilakukan di Penang, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Soalan tambahan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Permatang.

**TUAN SPEAKER** : Permatang

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Y.A.B. Dato' Menteri Besar saya nak minta penjelasan sama ada tindakan menyediakan geran untuk rakyat ataupun mana-mana individu untuk menyaman SYABAS sama ada itu satu tindakan terbaik atau betul sedangkan Kerajaan Negeri yang boleh melakukan tindakan menyaman sekiranya ada berlaku pelanggaran mana-mana terma di antara pihak SYABAS dan pihak Kerajaan Negeri jadi, apakah itu satu tindakan yang tepat

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Puan Speaker perkara yang dibangkitkan oleh Permatang, Kerajaan Negeri tidak boleh menyekat seseorang itu menyaman mereka yang tidak memberikan apa yang dijanjikan iaitu *consumer relation* apa yang dipanggil kalau seseorang itu tidak memberikan janjinya dan pengguna boleh ada kuasa untuk membuat tindakan antara tindakan-tindakan undang-undang jadi oleh sebab itu, untuk

supaya penggalakan seperti *wistle blowing* penggalakan untuk menentukan pengguna diberikan peluang itu Kerajaan Negeri tidak mencampuri hal tersebut tetapi hanya menyediakan peruntukan geran bantuan guaman ini salah satu daripada usaha reformasi Kerajaan Negeri dalam menggalakkan rakyat membangkitkan isu-isu yang mereka penting bahawa mereka tidak mendapat keadilan dari kerja-kerja yang dilakukan

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Boleh satu lagi Puan Speaker

**TUAN SPEAKER** : Soalan tambahan

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Terima kasih Y,A,B, Menteri Besar, rujuk pula kepada NRW, apa sebenarnya kesan kepada pihak SYABAS apabila berlakunya pembekuan oleh Kerajaan Negeri menyebabkan penggantian paip-paip dijalankan oleh pihak pemegang konsesi.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih, Permatang yang mendapat *briefing* dari pihak Puncak Niaga, dan SYABAS tentang perkara ini tapi untuk ini Kerajaan Selangor telah bersetuju untuk memberikan peluang kepada SYABAS untuk menjalankan pembaikan supaya dia dapat mengurangkan apa yang dipanggil kehilangan hasil air *none revenue water* dari RM784 juta yang diberikan kepada SYABAS perbelanjaan tersebut hanya 32 peratus daripada jumlah perbelanjaan itu digunakan untuk menyelesaikan masalah kehilangan hasil air yang lain mengikut Audit Negara digunakan untuk membeli kereta dan juga memperbaiki pejabat-pejabat yang tak ada dengan *none revenue water* jadi soalan Permatang yang menyatakan apakah Kerajaan Negeri telah mengambil peluang kepada SYABAS untuk menyelesaikan ada tapi peluang itu tidak digunakan sepenuhnya untuk menyelesaikan masalah ini,

**TUAN SPEAKER** : Soalan 104 telah dijawab bersekali dengan soalan 22, soalan 105 telah dijawab bersekali dengan soalan 7, soalan 106 telah dijawab bersekali dengan soalan 16, Lembah Jaya

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Puan Speaker,

**TUAN SPEAKER** : Ya Sekinchan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Peraturan 24 (2) saya nak ambil alih soalan dari Lembah Jaya, soalan 107

**TUAN SPEAKER**: Ya Silakan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(LEMBAH JAYA)**

**TAJUK: CYBER CAFE**

**Y.B. DATO' TENG CHANG KIM** : Puan Speaker, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan, mengambil tindakan penguatkuasaan secara berterusan bagi memastikan pusat kafe siber mematuhi peraturan dan syarat lesen, premis kafe siber yang tidak berlesen terutama yang melibatkan aktiviti perjudian akan dikenakan tegas termasuk tindakan sitaan dan penutupan premis, keberkesanan terhadap tindakan penguatkuasaan yang diambil adalah premis berlesen yang tidak mematuhi peraturan dan syarat lesen akan dibatalkan lesen mereka manakala premis yang tidak berlesen akan dikenakan kompaun secara tidak langsung pewujudan premis yang tidak berlesen ini dapat dikurangkan dan seterusnya masalah gejala sosial dapat dikawal premis yang telah diambil tindakan namun ianya masih terus beroperasi kerana aktiviti dijalankan oleh premis-premis yang tidak berlesen ini akan mampu memberi pulangan yang menguntungkan meskipun ianya berisiko tinggi dan sering menghadapi sitaan pemilik premis masih mampu untuk membayar kompaun atau denda, barang sitaan yang disita oleh PBT boleh diambil semula bila kompaun telah diselaraskan dengan undang-undang kecil PBT,

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Puan Speaker

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Soalan tambahan, terima kasih saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, Sungai Pinang apakah penguatkuasaan kita, mempunyai keupayaan untuk menjalankan penguatkuasaan tersebut, keupayaannya terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Terima kasih, Yang Berhormat Sekinchan, Puan Speaker sebenarnya ada dua masalah di sini kerana seperti yang saya sebutkan tadi dari segi kelemahan undang-undang itu, yang membenarkan pemilik ataupun pengusaha kafe siber ini menuntut semula barangan yang disita jika selepas dibayar kompaun dan ini perlu dipertingkatkan ini bererti Kerajaan akan mengkaji untuk menaikkan denda dan juga mungkin mengenakan sekiranya mungkin mengenakan hukuman lebih berat seperti hukuman penjara, dan ini akan dikaji dan keduanya kelengkapan yang diberikan kepada penguatkuasa perlu dikaji dan ini telah pun dirangkakan dalam pelan tindakan lima tahun yang telah pun saya maklumkan pada dewan ini semalam tetapi saya dalam ucapan saya semalam itu telah pun tidak menyebut satu perkara iaitu Kerajaan Negeri juga akan mempertimbangkan untuk meningkatkan peralatan keselamatan kepada penguatkuasa kita kerana peralatan untuk keselamatan penguatkuasa kita seperti tidak mencukupi buat masa ini tetapi jenis peralatan yang akan dibekalkan masih dalam kajian sementara itu juga untuk memastikan untuk menaikkan moral kerja dan juga kemegahan kerja penguatkuasa dan juga kakitangan pihak berkuasa tempatan ini dalam pelan tindakan ini tak pun juga akan mengkaji untuk menaik taraf ataupun mempertingkatkan kebajikan yang akan diberikan kepada kakitangan di PBT termasuk penguatkuasa iaitu mungkin akan dipertimbangkan apa tu tawaran kontrak kerja mereka dan juga untuk bonus persembahan yang berdasarkan pada persembahan mereka, jadi ini akan dilihat

dengan lebih menyeluruh supaya kecekapan penguatkuasa dan kakitangan Kerajaan di PBT ini dapat dipertingkatkan terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Taman Templer

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL LATIB** : Puan Speaker, ada dimaklumkan bahawa siber kafe walaupun yang berlesen menjalankan aktiviti *online* jadi adakah keupayaan di peringkat PBT mengesahkan perwujudan itu ataupun hanya di peringkat PDRM sahaja.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KIM** : Puan Speaker, dalam syarat-syarat yang telah pun dikenakan dalam proses permohonan lesen untuk siber kafe ini telah pun disahkan bahawa *software* tertentu yang disyaratkan oleh pihak PBT untuk digunakan supaya ia dalam proses penguatkuasaan PBT dapat mengesan sama ada mereka telah pun menghubungi laman web yang menjalankan perjudian tapi dari segi penguatkuasaan disebabkan bilangan kafe siber yang banyak dan juga disebabkan kekurangan dari segi penguatkuasaan bilangan penguatkuasa maka mungkin ada sedikit kelemahan di sini tetapi PBT sentiasa cuba mencari jalan memperbaiki perkara ini termasuk juga kita akan melihat kepada proses kerja seperti yang saya sebutkan tadi menaikkan semangat kakitangan kita termasuk penguatkuasa termasuk menjalankan tugas mereka termasuk juga memperlengkapkan peralatan bagi memastikan keselamatan mereka apabila mereka menjalankan kerja penguatkuasaan dan ini aspek yang akan dilihat dengan serius dalam pelan tindakan lima tahun pihak Kerajaan Negeri.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Soalan tambahan, Puan Speaker

**TUAN SPEAKER** : Kota Anggerik

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Mungkinkah kerajaan untuk merampas premis-premis apa ni perniagaan digunakan untuk aktiviti ini setelah beberapa kali memberi saman, kompaun, kita cadang kita rampas premis tersebut

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Ya Puan Speaker seperti yang saya sebutkan tadi pihak Kerajaan Negeri akan mengkaji untuk menaikkan hukuman ke atas mereka yang tidak mematuhi peraturan yang ada menjalankan operasi ini secara tanpa lesen ada yang dengan lesen tetapi mematuhi syarat-syarat jadi, telah pun saya sebutkan tadi bahawa kita akan memikirkan daripada soal menaikkan kompaun, menaikkan denda mungkin mengenakan hukuman penjara dan juga termasuk kemungkinan untuk merampas harta sekiranya mereka meneruskan operasi tanpa lesen ini supaya tindakan ini lebih berkesan daripada sekarang kalau kita kenakan kompaun dan kemudian barang di sita boleh dikembalikan kelihatan tidak berkesan jadi itu perlu kajian meneliti kerana ianya melibatkan perampasan harta pemilik premis tersebut, terima kasih

**TUAN SPEAKER** : Permatang

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Puan Speaker, soalan 108

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK  
(PERMATANG)**

**TAJUK : MANIFESTO BIMBINGAN PERNIAGAAN**

**Y.B. PUAN DR. DORAYAH BINTI ALWI** : Puan Speaker, Permatang ingin bertanya tentang jumlah program keusahawanan dan program yang dilatih jumlah program keusahawanan yang telah dilaksanakan sepanjang tempoh 2010 sehingga 2012, adalah di bawah 7 kategori iaitu pertama, dana Industri Kampung, Dana Satu Kampung Satu Produk, kursus dan motivasi penerima dana, promosi produk usahawan di bawah Skim Perusahaan Kecil Sederhana dan Dana Industri Kampung, Kursus Keusahawanan Pemantauan Dana Industri dan Selangor Ria Agro Fest, jadi keseluruhan program keusahawanan dilaksanakan adalah sebanyak 430 tentang bilangan usahawan dan bakal usahawan yang telah dilatih sepanjang program ini adalah terbahagi kepada dua iaitu Seminar Usahawan, yang mana dilaksanakan di peringkat Daerah, Peringkat PBT, peringkat Kontraktor, Siswazah UniSel, PKNS dan Belia sebanyak 6,162 dan kursus yang kedua Kursus Keusahawanan yang mana di bawah kategori menerima Dana IKS sebanyak 515 pelajar Inspens dan UniSel, Kursus Rancangan Perniagaan, Kursus Usahawan Siswazah, Kursus Ternakan Air Tawar, Kursus Train of Trainers, Seminar Menimba Khazanah Pengalaman Bisnes, Kursus Teknik Pembungkusan Berkualiti di SIRIM, Program GoHalal, Program Usahawan Automotif, Kursus dan Latihan Teknologi Reka Bentuk Pembungkusan, dan Pelabelan, Kursus Kepentingan Amalan Perkilangan Yang Baik dan Kepentingan Pensijilan Halal, Seminar Halalan Toyiban keseluruhannya adalah 1,544 bermakna keseluruhan bilangan usahawan yang telah pun mengikuti program-program ini adalah sebanyak 7,706 orang

(b) latihan yang diberikan adalah dalam bentuk ceramah dan kursus sehubungan dengan itu, kejayaan sesuatu latihan dinilai berpandukan jumlah penyertaan dan kehadiran, bagi program yang tidak melibatkan latihan Dana Industri kampung, Promosi Produk Usahawan, Lawatan di Premis Keusahawanan dijalankan sekali setahun, hasil daripada lawatan dan temu duga yang dijalankan para peserta berpuas hati dan terdapat peningkatan penambahan pendapatan sebanyak 30 ke 40 peratus walau bagaimanapun rekod dalam bentuk dokumen bagi peningkatan ini tidak dapat dikemukakan oleh penerima bantuan dan peserta kerana kebanyakan mereka adalah perusahaan industri kampung yang tidak mempunyai buku penyata aliran tunai dan penyata bank.

**TUAN SPEAKER** : Soalan 109 telah dijawab bersekali dengan soalan 73, Taman Medan

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Soalan saya 110, tapi sebenarnya Puan Speaker, Y.B. EXCO telah menjawab berserta dengan soalan 98.



**TUAN SPEAKER** : Baiklah, Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Puan Speaker, soalan No. 111.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN  
(TANJONG SEPAT)**

**TAJUK: USAHA KERAJAAN SELANGOR DALAM MEMBANTU  
MENINGKATKAN EKONOMI MASYARAKAT KAMPUNG**

111. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah usaha kerajaan Selangor dalam membantu meningkatkan ekonomi masyarakat kampung?
- b) Apakah program-program yang telah, sedang dan yang akan dilaksanakan?

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Puan Speaker, terima kasih kepada Tanjung Sepat di atas soalan yang ingin bertanya berkaitan dengan apakah usaha kerajaan Selangor dalam membantu meningkatkan ekonomi masyarakat kampung. Pada ketika ini kerajaan negeri Selangor sedang merangka satu dasar iaitu pembangunan desa bersepadu dan mampan. Ini bertujuan bagi meningkatkan pendapatan penduduk di samping mewujudkan nilai kepunyaan penduduk bagi sesuatu kampung tersebut. Jadi program ini dimasukkan dalam program pembangunan desa yang sedang dirangka.

Yang kedua, apakah program-program yang telah, sedang dan yang akan dilaksanakan. Perkara ini masih di peringkat awal di mana segala kajian sedang dilakukan di peringkat dan akar umbi dan memastikan segala perjalanan berhubung perkara ini berjalan seperti yang dilaksanakan mengikut perancangan yang telah dibuat. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri Selangor telah melakukan pelbagai usaha bagi membantu meningkatkan ekonomi masyarakat kampung. Antara usaha yang telah dilakukan ialah Skim Mikro Kredit Selangor (Skimsel), program Mikro Kredit Miskin Bandar (MIMBAR). Pada masa akan datang dalam pelaksanaan projek pembangunan desa di peringkat pertama akan diadakan bengkel yang akan dihadiri oleh ketua kampung, Setiausaha JKKK wakil wanita dan juga Ahli-ahli Dewan Negeri kawasan tersebut untuk mereka memahami tentang konsep sebenar pembangunan desa yang kita, kerajaan negeri akan bawa.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Puan Speaker, soalan 112.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : TANAH UNTUK INSTITUSI PENDIDIKAN**

112. Manifesto Pakatan PRU-13 mahu memperuntukkan tanah untuk pembinaan sekolah agama rakyat, SJKC dan SJKT.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah bilangan sekolah tersebut yang masih perlu dibina mengikut keperluan semasa?
- b) Apakah mekanisme penyediaan tanah yang diperlukan?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Puan Speaker, Sungai Burong membangkitkan isu tanah untuk institusi pendidikan. Berapakah bilangan sekolah tersebut yang perlu dibina mengikut keperluan semasa. Sebenarnya pihak Kementerian Pelajaran memfokuskan kepada pembinaan sekolah kebangsaan yang dapat diikuti oleh semua kaum sesuai dengan tujuan perpaduan kaum. Jadi buat masa ini saya telah meminta supaya kerajaan Kementerian Pelajaran memberikan kepada kerajaan negeri semua kawasan-kawasan dalam perancangan Kementerian Pelajaran yang perlu mendapat tanah daripada kerajaan negeri kerana perancangan pendidikan secara keseluruhannya adalah di bawah jagaan Kementerian Pelajaran.

Untuk sekolah-sekolah kerajaan dibina di atas tanah serahan pemaju kepada Pihak Berkuasa Negeri dan dipohon oleh pemilikan oleh kerajaan pelajaran melalui Pusat Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Dan perkara-perkara ini sentiasa berlaku dan setiap minggu EXCO Negeri telah memberikan kelulusan kepada sekolah-sekolah yang ada kalanya sudah dibina, bukan pula baru nak dibina, sudah dibina untuk diberikan kelulusan.

**TUAN SPEAKER :** Balakong.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE :** Terima kasih Puan Speaker, soalan saya nombor 113.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE  
(BALAKONG)**

**TAJUK: POLISI KOMUNITI**

113. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah berkemungkinan kerajaan negeri mengusahakan dan memperluaskan “Polis Komuniti” yang dibiayai kerajaan negeri sebagai inisiatif bagi membanteras jenayah yang semakin membimbangkan? Sila nyatakan dengan terperinci perancangannya.

**Y.B. DATO’ TENG CHANG KHIM** : Puan Speaker, soalan ini akan dijawab bersekali dengan soalan 179. Pelaksanaan Pasukan Keselamatan Kejiranan atau *Community Policing* adalah baru dilaksanakan bermula pada bulan April 2013. Pasukan ini diwujudkan di semua kampung tradisi, kampung baru, kampung bagan, kampung tersusun dan komuniti India di negeri Selangor yang dipantau oleh Pejabat Daerah dan Tanah mengikut kawasan masing-masing. Sebagai langkah awal setiap kampung diberikan peruntukan sebanyak RM5,000.00 setahun bagi pelaksanaan program ini.

Objektif utama penubuhan Pasukan Keselamatan Kejiranan dengan ini *Community Policing* di peringkat kampung ini adalah bagi membantu pihak Polis Diraja Malaysia untuk mengurangkan kadar jenayah di kawasan luar bandar di negeri Selangor. Di samping itu, pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya juga telah melaksanakan program Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ) yang ditubuhkan di peringkat *Resident Association* dengan izin RA dan Rukun Tetangga (RT), pihak MPPJ telah memperuntukkan sebanyak RM350,000.00 bagi 70 PKKPJ yang telah mendapat kelulusan pada tahun 2013.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Soalan tambahan Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Rawang ingin bertanya sama ada peranan *policing* akan diperluaskan pada taman perumahan sebab memandangkan sebenarnya kadar jenayah ini juga agak meningkat diintegrasikan dalam jawatankuasa bandar selamat di bawah PBT ini.

**Y.B. DATO’ TENG CHANG KHIM** : Buat masa ini program *Community Policing* dengan izin akan diperluaskan mengikut kemampuan Pihak Berkuasa Tempatan masing-masing kerana ia melibatkan kos yang tinggi dan sementara itu juga pihak kerajaan negeri telah pun mengarahkan Pihak Berkuasa Tempatan supaya menggunakan dan mengajikan lebih ramai lagi Penguat kuasa untuk membantu pihak polis membuat rondaan seperti yang telah pun dijanjikan. Ini adalah setakat yang dapat dilakukan oleh PBT mengikut kemampuan kewangan mereka.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE** : Tambahan

**TUAN SPEAKER** : Balakong.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE** : Terima kasih Puan Speaker. Saya nak bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, memandangkan kegagalan pihak kerajaan Barisan Nasional untuk membanteras jenayah, adakah kemungkinan pihak kerajaan negeri

Selangor yang kaya ini boleh menyalurkan sedikit sebanyak dana untuk memperluaskan skim ini di PBT-PBT yang kurang berkeupayaan dari segi kewangan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Pihak PBT memberi kewangan mereka sendiri dan apa yang kerajaan negeri lakukan sekarang ini adalah untuk membantu kawasan-kawasan kampung tradisi, kampung bagan dan sebagainya seperti ini apa yang telah disebutkan. Jadi ini melibatkan kos yang tinggi, sebab itu dia memerlukan perancangan yang lebih teliti dan kita akan melihat keadaan dari segi semasa ke semasa.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Soalan tambahan Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Kalau permohonan PBT untuk polis bantuan telah lulus, adakah kerajaan negeri akan memberi sokongan kewangan atas penubuhan polis bantuan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM**: Puan Speaker, setakat ini hanya PBT yang memberi kemampuan kewangan yang telah pun membuat permohonan untuk mendapat polis bantuan. Jadi bagi mereka yang tidak ada kemampuan itu, kita akan lihat juga mengikut kes, *case by case* dengan izin.

**TUAN SPEAKER** : Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Terima kasih Puan Speaker, soalan saya 114.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : PENGURUSAN BANGUNAN**

114. Banyak masalah pengurusan rumah kos rendah dihadapi oleh Jawatankuasa Pengurusan Bangunan JMB. Ketiadaan kewangan dan kemahiran mengurus bangunan di kalangan penduduk, gagal memastikan pengurusan yang baik.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah cara penyelesaian terbaik bagi mengatasi masalah di atas oleh semua pangsapuri kos rendah khususnya?

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Terima kasih kepada Taman Medan. Puan Speaker, perkara atau soalan yang dibangkitkan oleh Taman Medan sebenarnya telah saya jawab semasa saya menggulung semalam dan saya jawab sekali iaitu apakah cara-caranya di mana kerajaan dapat membantu akan JMB yang ketiadaan

kewangan dan ketiadaan kemahiran untuk mengurus bangunan. Ada di antara perkara-perkara yang kita lakukan adalah kerap diadakan bengkel-bengkel ataupun diadakan kursus-kursus atau seminar ataupun himpunan di mana kita membimbing akan jawatankuasa JMB-JMB tersebut. Selain daripada itu ada program-program contohnya program ceria ataupun program baik pulih negeri berkebajikan untuk membantu JMB ataupun penduduk membaik pulih kemajuan mereka bagi yang kos rendah dan juga kos sederhana rendah. Kita juga ada kempen seperti kempen pangsapuri, kita bersih, ceria dan harmoni dan juga kempen anti vandalisme untuk kita memastikan bahawa pangsapuri kita berada dalam keadaan yang sempurna.

Selain daripada itu juga telah dilancarkan dan akan 5 tempat, 5 kawasan pangsapuri akan dilaksanakan pada tahun ini dan 25 pada tahun hadapan iaitu Program Seroja atau Skim Keselamatan Kejiranan Pangsapuri Negeri Selangor. Tetapi apa yang penting sekali adalah sekiranya berlaku pertelingkahan di antara penduduk dan JMB ataupun JMB bersama dengan agensi-agensi terutamanya SYABAS atau TNB, kita ada satu jawatankuasa timbang tara seperti satu tribunal iaitu dipanggil sebagai Jawatankuasa Prihatin di mana segala pertelingkahan atau masalah akan dirujuk kepada jawatankuasa tersebut di mana ianya akan diselesaikan atau satu keputusan akan diperolehi dan akan disahkan di mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor sebagai satu keputusan yang perlu dipatuhi oleh semua pihak.

Selain daripada itu, kerajaan negeri sentiasa menjadi orang tengah atau fasilitator apabila berlaku pemotongan air, pemotongan elektrik di mana kerajaan negeri selalunya merundingkan supaya pembayaran dapat dilakukan oleh penduduk dengan kadar ansuran. Ini selalu dilakukan di antara kerajaan negeri dan juga agensi-agensi yang terlibat. Terima kasih.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Pandamaran.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG :** Terima kasih Puan Speaker. Saya difahamkan dalam banyak rumah kos rendah terdapat tiada JMB ataupun JMB yang ada pertikaian mengakibatkan tiada pengurusan yang dapat dijalankan dan ada kes PBT juga telah mengambil alih kuasa pengurusan. Jadi dalam kes tersebut apakah rancangan kerajaan negeri untuk mengatasi ataupun membantu penduduk-penduduk mengatasi masalah itu kerana ini sekiranya ada pertikaian mungkin tidak dapat diselesaikan dalam masa yang terdekat. Itu sahaja

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Dua perkaralah. Pertama adalah berlaku pertikaian tidak dapat menubuhkan JMB. Perkara kedua adalah tidak ada orang yang nak menjadi jawatankuasa, apabila dipanggil mesyuarat maka tak ada orang yang turun, jadi tidak dapat dibentuk jawatankuasa. Dalam akta apa yang berlaku adalah COB ataupun Pihak Berkuasa Tempatan terpaksa atau mesti *step in* dengan izin untuk melantik agen, agen untuk menguruskan tempat tersebut dan banyak tempat memang Pihak Berkuasa Tempatan telah melantik agen untuk menguruskan

tempat itu. Dan apabila ini berlaku, selalunya COB memainkan peranan yang aktif untuk memastikan bahawa pengurusan masih berjalan walaupun kadangkala penduduk tidak peduli langsung untuk membantu ataupun tak kisah langsung tetapi perlu ada satu agen pengurusan untuk menguruskan sesuatu kawasan. Saya nak mengucapkan tahniah kepada semua COB yang bekerja keras walaupun kadangkala mereka dimaki oleh penduduk, dihambat oleh penduduk untuk memastikanlah bahawa tempat-tempat yang tak ada JMB masih terurus dengan baik, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Apakah tindakan kerajaan terhadap pemaju yang melepaskan tanggungjawab mereka kepada JMB kerana semasa pengurusan bangunan itu di bawah pemaju ada tunggakan-tunggakan yang belum diselesaikan. Jadi dipersetujui apabila JMB mengambil alih, mereka yang akan bertanggungjawab daripada tarikh pengambilalihan pengurusan bangunan itu sahaja tetapi banyak cases, banyak kes-kes yang berlaku pemaju terus melepaskan tanggungjawab mereka kepada JMB.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Mengikut akta 663, yang diwartakan pada tahun 2007, dalam masa 1 tahun iaitu pada 2008, Jun 2008, semua pemaju kena lepaskan pembangunan mereka kepada JMB. Mereka kena panggil mesyuarat agung, kalau mereka tak panggil mesyuarat agung mereka tak lepas dan mereka boleh didakwa di mahkamah sehingga RM20,000. Tetapi, masalahnya adalah apabila mereka lepaskan dua perkara. Satu adalah hutang-hutang yang masih belum dilunaskan. Adakah hutang-hutang yang belum dilunaskan itu adalah kerana penduduk tidak bayar akan dia punya caj-caj. Ataupun adakah hutang-hutang itu adalah akibat daripada tanggungan pemaju. Jadi perkara itu perlu kita teliti sebab kita kena ambil *case by case*, dengan izin. Sama ada hutang tu, penduduk, sebab kadangkala contohnya hutang SYABAS. SYABAS apabila dia *release* ataupun dilepaskan kepada JMB, JMB akan mendapat satu nilai hutang, bebanan hutang yang tinggi tetapi selalunya pemaju kata bahawa hutang ini adalah kerana pihak penduduk tak bayar bil air. Tetapi ada juga penduduk yang mendakwa bahawa bil air ini bukan tanggungan penduduk sebab ia digunakan masa *construction* dulu kononnya. Itu dengan izin. Jadi, dalam perkara sedemikian, kita kena ambil *case by case* lah. Untuk makluman pihak Yang Berhormat, bahawa semalam saya ada bangkitkan bahawa mereka yang tidak membayar caj *maintenance*, ataupun penyelenggaraan, kerajaan negeri membantu JMB untuk mendakwa, mendakwa pemilik-pemilik yang tegar untuk di *charge*, didakwa di mahkamah. Selain daripada penduduk, ataupun pemilik yang tegar yang di *charge* di mahkamah, ini bawah Seksyen 23, Akta 663. Di bawah Seksyen 5 Akta 663, kita juga telah membawa ke mahkamah. Pemaju-pemaju yang tak panggil mesyuarat agung JMB yang pertama, jadi bermakna bukan kita sahaja tegas terhadap pemilik yang tak bayar caj tetapi pemaju juga kita ambil ataupun agen pengurusan atau pemaju juga akan dibawa ke mahkamah sekiranya dia tidak melaksanakan tanggungjawab mereka. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB** : Tuan Speaker, soalan 115.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK** : **AYAM ENZIM**

115. Pelbagai laporan dan dakwaan dalam isu ayam enzim atau ayam hormon dibangkitkan oleh orang ramai di Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah sikap dan pendirian Kerajaan Negeri terhadap isu ini?
- b) Jabatan atau agensi manakah di bawah Kerajaan Negeri yang ditugaskan untuk menyiasat isu ini?
- c) Apakah langkah-langkah yang telah atau sedang diambil untuk mengesahkan/menafikan pelbagai dakwaan dalam isu ini?

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI** : Terima kasih kepada Tuan Speaker, terima kasih kepada Hulu Kelang. Hulu Kelang, sensitif dengan laporan-laporan dakwaan berkaitan dengan isu ayam enzim ataupun ayam hormon yang dibangkitkan oleh masyarakat di negeri Selangor. Jadi persoalannya ialah apakah sikap dan pendirian Kerajaan Negeri terhadap isu ini. Kerajaan Negeri membantah dengan keras dan sentiasa berusaha menghalang penggunaan enzim atau hormon dalam pemeliharaan ayam. Pendirian ini diambil bagi menjamin keselamatan makanan atau *food safety* dan kesihatan rakyat negeri ini. Gejala-gejala ini secara terang-terangan telah melanggar akta binatang 1953, semakan 2006, Akta Makanan 1993, Akta Racun 1997 dan beberapa peraturan kerajaan yang lain. Soalan yang kedua, penjelasan terhadap jabatan atau agensi manakah di bawah kerajaan negeri yang ditugaskan untuk menyiasat isu ini. Jabatan yang ditugaskan untuk menyiasat isu ini adalah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor dengan bantuan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia ataupun MAQIS dan Makmal Kesihatan Awam Veterinar di Salak Tinggi Selangor. Soalan yang ketiga ialah, penjelasan apakah langkah-langkah yang telah ataupun yang sedang diambil untuk mengesahkan ataupun menafikan pelbagai dakwaan dalam isu ini. Langkah-langkah yang telah ataupun yang sedang diambil untuk menafikan pelbagai dakwaan melalui isu ini adalah, pertama, kenyataan akhbar yang telah dibuat oleh Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia yang menafikan ayam daging di pasaran tempatan diberi makanan tambahan dengan enzim khinzir. Sehingga kini, ayam daging tempatan disahkan sihat untuk dimakan kerana pemantauan sering dilakukan oleh Jabatan Perkhidmatan

Veterinar. Perakuan ini juga disokong dalam akhbar yang sama oleh Profesor Dr. Zulkifli Idrus, pakar ternakan ayam yang juga Pengarah Pusat Pengurusan Pendidikan Universiti Putera Malaysia. Yang menyatakan pemberian enzim, khinzir atau suntikan lain tidak digunakan di Malaysia kerana kosnya yang mahal kerana harus diimport dari negara luar.

Yang kedua, sehingga kini, Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah menguji beribu-ribu sampel yang diambil secara rawak daripada pusat-pusat penyembelihan dan loji-loji pemprosesan, kontena-kontena daging ayam import dan pasar-pasar, sebagai tindakan proaktif untuk mencegah ayam enzim atau ayam hormon, memasuki pasaran tempatan. Setakat ini tiada kes ayam enzim atau ayam hormon direkodkan. Pihak jabatan ini juga telah memusnahkan semua bekalan ayam yang melanggar peraturan-peraturan lain seperti mengandungi mikrob berbahaya, mengandungi *residue drug veterinar*, berkontaminan dengan *pesticide* dan logam berat serta memusnahkan produk yang ditambah *additive* berbahaya. Ketiga, Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah membuat pemerhatian ke atas banyak ladang ayam dan mendapati tempoh pemeliharaan ayam daging di negeri ini, pada ketiga ini adalah 35 hingga 42 hari. Itu satu tempoh pemeliharaan yang normal. Ini bertentangan dengan hipotesis menggunakan enzim atau hormon. Tempoh pemeliharaan dapat dipendekkan kepada 28 hingga 30 hari sahaja. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat Sabak. Masa menjawab telah habis.

**Y.B. TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB** : Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB** : Ya, isu ini amat sensitif pada umat Islam, adakah, saya dimaklumkan oleh Dato' Mufti bahawa belum ada fatwa khususnya di peringkat Nasional dan juga negeri Selangor. Tetapi pihak Mufti boleh mengeluarkan, menimbang beberapa fatwa sekiranya ada kerjasama. Setakat ini, apakah kerjasama yang telah diwujudkan di antara jabatan-jabatan di bawah kerajaan negeri dengan Pejabat Mufti.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI** : Saya berkeyakinan bahawa Jabatan Mufti akan sentiasa menerima laporan daripada semua pihak dalam perkara-perkara yang membabitkan kepada kesalahan-kesalahan yang ada pelanggaran dari sudut syarak. Jadi, sekiranya ada laporan yang khusus, yang tepat berkaitan dengan adanya penggunaan enzim ataupun ayam hormon berkaitan perkara yang dilarang oleh syarak, maka ia akan juga dirujuk kepada Pejabat Mufti untuk mendapatkan hukum, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sg. Panjang.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHIDI**: Terima kasih Tuan Speaker, soalan 116.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ  
(SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK: HAB HALAL**

116. Manifesto PRU-13 Pakatan Selangor berhasrat menubuhkan sebuah Hab Halal dan pengeluaran 'Persijilan Halal Negeri Selangor'

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah visi dan matlamat penubuhan Hab Halal ini?
- b) Apakah manfaat sosioekonomi untuk rakyat?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Puan Speaker, soalan ini dijawab bersekali dengan Soalan 163 daripada Hulu Kelang yang bertanya tentang Halal Hub Selangor.

Pelaksanaan *Halal Hub* adalah satu agenda jangka panjang dan ia memerlukan masa untuk dilaksanakan. Usaha pelaksanaannya telah dimulakan dan ia dijangka akan beroperasi sepenuhnya dalam tempoh 5 tahun. Satu kertas cadangan sedang dirangka berkenaan penubuhan Halal Hub dan akan dibawa ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Satu jawatankuasa khas di bawah Jawatankuasa Tetap Sains, Teknologi dan Inovasi juga telah ditubuhkan dan jawatankuasa ini akan mengkaji keseluruhan aspek pelaksanaan secara holistik termasuk soal-soal teknikal seperti lokasi bersesuaian juga ia sama ada diletakkan di bawah kerajaan negeri secara langsung ataupun di bawah MBI. Antara visi dan matlamat *Halal Hub* adalah Hab Halal adalah untuk menjadi sebuah hab yang unggul bagi menawarkan perkhidmatan yang menyeluruh berhubung kait dengan industri halal juga berkaitan perkara-perkara persijilan halal di Selangor khususnya, dan seluruh dunia amnya. Antara matlamat penubuhannya adalah mewujudkan urusan industri halal yang profesional dan berwibawa, penyelesaian masalah pengeluaran pensijilan halal, pemiawaian kaedah dan proses pengeluaran sijil halal, latihan kepada para pegawai yang terlibat dengan pensijilan. Penyelidikan berhubung dengan kaedah dan proses, mewujudkan kesedaran terhadap kepentingan makanan dan barangan halal, mewujudkan pangkalan data dan *e-learning* berkenaan barangan halal serta menjana pendapatan kepada kerajaan negeri. (b) matlamat sosioekonomi untuk rakyat, penubuhan Hab Halal ini akan menjana pendapatan kepada negeri dan rakyat. Secara tidak langsung, ia akan menambah peluang pekerjaan dan menambahkan dan melahirkan usahawan-usahawan berkaitan industri halal melalui pembangunan *Halal Hub* ini, ia dapat memberikan peluang perdagangan dan perniagaan bukan sahaja sebagai pengeluar malah usahawan Muslim boleh turut menceburkan diri sebagai pemasar, pemborong, pengedar, peruncit, pembekal dan juga sebagai penyedia makanan halal, biarpun bersaiz kecil. Barangan halal adalah barangan yang suci, bersih dan menjamin kesihatan. Permintaan dan pasaran barangan halal adalah sangat tinggi..

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Tuan Speaker, ada soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Biar Yang Berhormat habiskan dulu baca jawapan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Lama sangat.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Jumlah industri makanan halal yang diperlukan oleh negara Malaysia adalah dianggarkan 57.2 bilion setahun. Manakala barangan bukan makanan seperti sabun, shampoo, ubat gigi, kosmetik, farmaseutikal dan lain-lain berjumlah 11.4 bilion menurut *research* daripada Unisel. Dan ini tidak termasuk penghasilan *ingredient* halal yang berteknologi tinggi seperti enzim, gelatin dan sebagainya yang permintaannya jauh mengatasi bekalan. Sudah tiba masanya Selangor menjadi juara di dalam hal ini kerana sekarang ini, 40% daripada permohonan sijil halal di Malaysia datangnya daripada Selangor. Dan proses pensijilan yang dilakukan oleh JAKIM kini telah diserahkan kepada JAIS. Kerajaan negeri akan membantu JAIS dalam menyelesaikan masalah ini. Sekian.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Sg. Panjang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Saya cuma nak tanya, jangkaan lokasi *Halal Hub* ini adakah *Halal Hub* ini akan bersifat *on the management base*, dengan izin ataupun satu hentian setempat? Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Kita sedang merangka dan sedang mendapatkan lokasi dan ini akan dibawa dalam satu kertas cadangan akan dirangka dan akan dibawa dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

**Y.B. TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB**: Ya, terima kasih Y.B. Speaker, ni..EXCO. Bahkan, soalan saya belum dijawab. Soalan saya, adakah projek ini dikendalikan terus di bawah jabatan kerajaan ataupun di bawah MBI?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Terima kasih Hulu Kelang. Ia belum lagi dapat dipastikan setelah dibawa, kertas cadangan ini dibawa pada Mesyuarat Kerajaan Negeri, barulah kita dapat memutuskan. Dan saya lebih suka sekiranya ia diletakkan di bawah kerajaan negeri secara langsung. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Kg. Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN**: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya yang ke 117.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KG. TUNKU)**

**TAJUK: DASAR PENGURANGAN KADAR CUKAI TAKSIRAN KEPADA  
PEMILIK PETAK PANGSAPURI KOS RENDAH**

117. Kerajaan telah melaksanakan Dasar Pengurangan Kadar Cukai Taksiran Kepada Pemilik Petak Pangsapuri Kos Rendah pada tahun 2012.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa banyak unit rumah yang telah menerima manfaat ini mengikut PBT sehingga sekarang?
- b) Adakah cara ini telah membantu mengurangkan tunggakan bayaran caj penyelenggaraan dan *sinking fund* di kalangan pemilik rumah pangsa kos rendah? Apakah statistiknya?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Tuan Speaker, berdasarkan statistik daripada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor, berikut, bilangan unit rumah yang telah menerima manfaat pelaksanaan dasar pengurangan kadar cukai taksiran kepada pemilik petak pangsapuri kos rendah mengikut PBT sehingga 30 April 2013. Pihak Berkuasa Tempatan, MBSA, jumlah pemilik tuntutan RM2542, MBPJ, 5, nilai RM74.40, MPK, 46, nilai RM607.43, MPSJ, 95, RM1923.53, MPAJ, 1300 unit, nilainya RM46,242.95, MPS, 27 unit, nilai RM460, MPKJ, 170 unit, nilainya RM2446.92, MPSP, 14 unit, nilainya RM194.70. Jumlah pemilik tuntutan 1813 dan jumlah nilainya RM54,491.98. Pelaksanaan pengurangan cukai taksiran kepada pemilik pangsapuri kos rendah tidak membantu dalam menangani masalah bagi mengurangkan tunggakan bayaran caj penyelenggaraan dan *sinking fund* di kalangan pemilik pangsapuri kos rendah. Kedua-dua maksud pembayaran adalah berbeza di mana cukai taksiran adalah untuk tujuan perkhidmatan perbandaran secara menyeluruh manakala caj penyelenggaraan adalah bagi bayaran penyelenggaraan harta bersama sahaja. Tiada statistik caj tunggakan caj penyelenggaraan dan *sinking fund* pangsapuri kos rendah, berikutan unit Pesuruhjaya Bangunan dalam kemas kini data dan kelewatan pihak pengurusan pangsapuri mengemukakan laporan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Mengapakah syarat pemberian potongan cukai pintu taksiran kepada pemilik petak pangsapuri kos rendah ini mensyaratkan mesti tuan pemiliknya menduduki unit itu? Tidak diberikan, maknanya kepada semua. Mesti dituntut.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Ya. Tujuan matlamat untuk memberi pengurangan adalah untuk meringankan beban penduduk yang memiliki pangsapuri kos rendah sekiranya pemiliknya memberi kemampuan dan tidak duduk di situ lagi dan mendapat keuntungan daripada sewa dan tidak patut sekiranya kita memberikan pengurangan cukai tafsiran ini, ini adalah rasional.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Kinrara

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Puan Speaker, Ada pihak-pihak tertentu yang selalu mengelirukan orang awam membawa penilaian semula hartanah adalah sama dengan kenaikan kadar cukai tafsiran. Jadi apakah tindakan yang akan ambil oleh di Negeri untuk memberi penjelasan kepada orang awam? Terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Ini soalan yang tiada kaitan dengan soalan pokok.

**TUAN SPEAKER** : Baiklah, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masa pertanyaan telah pun tamat dengan ini saya menanggungkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya sambungan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tambahan 2013.

**TUAN SPEAKER** : Saya buka untuk perbahasan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tambahan 2013, dipersilakan Yang Berhormat Permatang untuk menyambung perbahasan.

**Y.B. TUAN SULAIMAN B. ABDUL RAZAK** : Yang Berhormat Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat terima kasih memberikan saya menyambung ucapan semalam. Ahli-ahli Yang Berhormat semalam dalam hujahan awal saya ada menjelaskan dan mengimbas perbelanjaan-perbelanjaan Negeri Selangor bermula dari tahun 2008 hingga tahun 2012 yang memperlihatkan berlakunya defisit belanjawan negeri yang boleh saya simpulkan berada di bawah 15% pada keseluruhannya. Namun pada persidangan kali ini permohonan untuk menambah perbelanjaan awal dalam sidang yang pertama ini memperlihatkan bahawa memperuntukkan yang begitu besar yang dipohon yang berjumlah RM761,440,000 ini membawa peratusan kepada 46.7% daripada jumlah keseluruhan tambahan yang dimohon. Dan ini menjadikan jumlah belanjawan rugi pada tahun 2013 akan berjumlah sebanyak RM2 bilion 391 juta 440 ribu. Jumlah ini melibatkan pertambahan di bawah maksud B04 Perbendaharaan Negeri Selangor sebanyak RM622,440,000 maksud B06 Caruman Kumpulan Wang Pembangunan dan Hutan sebanyak RM76 juta dan maksud B29 Perbendaharaan Negeri, Perbelanjaan Am sebanyak RM60 juta. Puan Speaker saya nak merujuk kepada maksud B04, saya ingin menyentuh peruntukan tambahan sebanyak RM622.44

juta di bawah maksud B04 Perbendaharaan Negeri dan jumlah 60 juta di bawah maksud 29 Perbelanjaan Negeri, Perbelanjaan Am.

Pertama, Saya ingin jelaskan kepada Dewan ini bahawa pertambahan sebanyak RM165 juta ataupun 10.12% bagi menampung bayaran program air percuma 20 meter padu bagi bulan Januari hingga Disember 2013. Iaitu berjumlah 105 juta daripada maksud B04 dan 60 juta daripada maksud B29. Saya ingin melontarkan pertanyaan ini kerana mengapa jumlah besar ini tidak diambil kira di dalam bajet 2013 yang lalu sebab apabila saya merujuk kepada taklimat pembangunan negeri Selangor ini bahawa peruntukan-peruntukan mengenai bekalan air percuma ini sudah dapat ditengok, dilihat, trendnya daripada 2008. Jadi persoalannya kenapa tidak dimasukkan pada tahun 2013 yang lalu? Bukankah anggaran bayaran ini telah diketahui lebih awal oleh berdasarkan pengalaman-pengalaman yang lalu yang boleh saya nak sikit sorot ke belakang yang mana pada tahun lebih kurang anggarannya RM68.67 juta pada tahun 2008. Saya ambil angka genaplah Puan Speaker kemudian diikuti dengan RM131.46 juta pada 2009, RM136.2 juta pada tahun 2010, RM140.74 juta pada 2011 dan RM146 juta pada 2012. Maknanya *trend* ini sudah dapat dilihat dan perbelanjaan ini sepatutnya sudah dimasukkan di dalam perbelanjaan pada tahun 2013. Atau persoalan saya apakah perbelanjaan ini sengaja dikeluarkan sewaktu pembentangan perbelanjaan 2013? Kerana mungkin kalau dimasukkan di peringkat awal belanjawan pada 2013 maka dasar bajet berimbang sudah tentu tidak dapat dipertahankan atau dibentangkan oleh pihak kerajaan negeri. Kerana perbelanjaan 165 juta daripada hasil negeri pada waktu itu. Kalau itulah niatnya di manakan integriti dan ketulusan Kerajaan negeri yang Y.A.B. selalu sebut mengenai kebolehan dan keupayaan kita membelanjakan perbelanjaan secara bajet berimbang.

Yang Kedua saya pun bersetuju dengan pandangan daripada Kampung Tengku mengenai RM413.2 juta pinjaman kepada Kumpulan Darul Ehsan Berhad bagi tujuan mengambil alih Kumpulan Hartanah Selangor ataupun KHSB. Saya ingin lontarkan, ini kerana saya ingin persoalkan apakah rasionalnya dan tujuan pengambilan tersebut, yang ini saya minta ada penjelasan. Dan kemudiannya saya ada mengikut saya ada lihat kepada laporan daripada *Business News* pada 24 Februari 2013 KEDB telah membuat surat tawaran pada 14 Februari 2013 untuk mengambil alih RM 254,592.576 juta ataupun RM56.57 juta saham di dalam KHSB yang bernilai RM193.46 juta. Pada harga 76 sesaham iaitu 10.14 % di atas aset bersih sesaham bernilai 69 sen pada 31 Disember 2011. Tawaran ini dibuat melalui Kumpulan Perangsang Selangor Berhad ataupun KPS, yang merupakan syarikat induk atau pun syarikat Holding kepada KCHB. Perjanjian pembelian ini, pembelian saham ini telah ditandatangani pada 29 April saya sekali lagi bersetuju dengan Kampung Tengku yakni lima hari sebelum PRU 13 dilangsungkan pada 3 Mei 2013. Dan berikutan dengan muktamadnya perjanjian pembelian tersebut, saham KCHB naik sehingga 5.5% ataupun RM0.35 sen kepada RM0.67 sen pada jam 9.30 pagi pada 30 April 2013 pada hari Selasa sebanyak RM6.02 juta saham diniagakan dengan nilai RM21.07 juta. Jadi apakah rasionalnya dalam keadaan *Caretaker Government* pilihan raya akan diadakan lagi 5 hari pengundian tapi urusan niaga ini dibuat oleh Kerajaan Negeri.

Soalannya sekali lagi kepada kerajaan apakah rasionalnya atau tujuan sebenar pengambilan tersebut dibuat pada waktu yang tersebut? Bilakah cadangan pengambilan itu dibuat dan proses tersebut dimulakan? Sebab dalam dewan ini kita belum dengar lagi ada pembentangan mengenai cadangan pengambilalihan, apakah tarikh selesai perjanjian pembelian tersebut pada 29 April 2013 iaitu lima hari sebelum pilih raya 2013 sama ada ia secara kebetulan atau sebaliknya. Inilah persoalan-persoalan yang perlu diperjelaskan? Mengapakah pengambilan saham tersebut dibuat secara tergesa-gesa walaupun kerajaan sedar bahawa keputusan ini menyebabkan defisit belanjawan akan bertambah sebanyak 430 juta ataupun 25.33% daripada belanjawan asal. Dan bertentangan dengan dasar bajet berimbang, saya lontarkan ini kerana mengapa Y.A.B. Menteri Besar sendiri sanggup mengorbankan prinsip belanjawan berimbang yang pernah diluluskan dalam bajet kita yang lepas. Apakah keadaan begitu mendesak saya ingat Y.A.B. Menteri Besar lebih maklum tentang keadaan ini *wallahualam*.

Bilakah tarikh pembayaran dibuat oleh kerajaan negeri kepada KEDB? Bilakah pula tarikh dibuat oleh KDEB kepada KPSB? Pinjaman sebanyak RM413 juta KDEB adalah khusus untuk mengambi alih KCHB. Ini sebagai persoalan yang pokok yang saya nak utarakan. Tetapi jumlah belian saham KHSB yang dibeli hanya 193.446 juta, saya sekali lagi bersetuju dengan Kampung Tunku. Mengapa KHSB harus meminjam sebanyak RM413 juta sedangkan jumlah yang diperlukan hanya 136.46 juta. Ada lebihan sebanyak RM219.45 juta apa tujuan dan penggunaan pinjaman yang lebih ini kepada KDEB. Dan bagaimanakah soalannya berapa lamakah tempoh pembayaran balik pinjaman ini akan dibuat oleh KHSB kepada Kerajaan Negeri. Dan dewan juga perlu dimaklumkan berapa kadar faedah yang perlu dikenakan kepada KDEB. Selaras dengan prinsip ketulusan dan tadbir urus yang baik sukacita jika YAB Menteri Besar sendiri memberikan penjelasan mengenai persoalan-persoalan berkenaan.

Ketiga, mengenai pinjaman RM80 juta kepada PKNS bagi tujuan pengambilalihan tanah Majlis Bandaraya MPPJ, untuk pembangunan Datum I-City, saya tidak tahulah mungkin kebetulan, pandangan saya dengan Kampung Tunku nampak sama kami tidak ada janji pun, tak buat *homework* sama tapi kita mendapat subjek yang sama. Soalannya mengapa PKNS tidak menggunakan sumber dalaman kewangan sendiri untuk membeli kerana PKNS mempunyai kedudukan kewangan yang baik. Apakah pentingnya PKNS terpaksa membeli semata-mata untuk projek mega Datum I-City sedangkan PKNS mempunyai banyak tanah. Kita tahu PKNS ada mempunyai tanah di Bangi, di Shah Alam untuk membina rumah-rumah mampu milik kepada rakyat.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat 2 minit lagi.

**Y.B. TUAN SULAIMAN B. ABDUL RAZAK** : Termasuk yang semalam ke?

**TUAN SPEAKER** : Ya dah kira semalam dah.

**Y.B. TUAN SULAIMAN B. ABDUL RAZAK** : Tuan Speaker, sikit lagi, bagilah peluang mungkin tak ramai yang bahas, bagilah saya habis sikit lama buat *homework*, saya tidak mengambil perbahasan waktu titah ucapan itu sebab nak ambil peluang ini.

Keempat RM24.24 juta pinjaman kepada Majlis Subang Jaya, itu juga satu yang perlu kita perlihat mengapa MPSJ perlu melaksanakan projek-projek tersebut sedangkan tiada peruntukan untuk itu dan terpaksa pula MPSJ meminjam kepada Kerajaan negeri, apa tujuan. Apakah tujuan kalau boleh kita nak minta YAB Menteri Besar senaraikanlah apa tujuan ataupun projek-projek yang terlibat di atas permohonan MPSJ ini. Tuan Speaker, Saya membangkitkan persoalan-persoalan ini untuk mendapat penjelasan daripada Y.A.B. untuk melihat ketulusan dan ketelitian serta kebertanggungjawaban Kerajaan Negeri di dalam membuat urus tadbir yang baik sebagaimana sentiasa kita sebut di dalam Dewan ini. Dan semasa membentangkan bajet Y.A.B. Ijok pada masa 2013 mendakwa kerajaan mempunyai kemampuan mentadbir dengan telus, berhemah berbelanja, mengamalkan pengurusan kewangan secara berhemah. Rakyat mungkin terpengaruh dan memuji kewibawaan dan kebijaksanaan kerajaan negeri. Tetapi rakyat negeri Selangor bukan sahaja mempunyai mempercayai ketulusan dan kebolehan bajet tersebut tetapi mempunyai harapan yang besar. Bahawa kerajaan negeri akan mempertahankan bajet berimbang tersebut dengan peruntukan pertambahan sebanyak RM792 juta atau defisit bajet sebanyak RM46.7 juta rakyat Selangor mungkin dan kita dalam dewan juga akan rasa tertipu dan terkeliru dengan kerajaan negeri. Saya mohon penjelasan, berdasarkan persoalan-persoalan yang telah saya bangkit saya nak membuat rumusan yang pertama kerajaan tidak membuat kajian, siasatan dan analisa yang begitu teliti dan terperinci secara menyeluruh bajet 2013 sehingga terlepas pandang perbelanjaan-perbelanjaan penting seperti bayaran air percuma yang wajib dimasukkan di dalam anggaran perbelanjaan negeri, Kedua, kerajaan

**TUAN SPEAKER** : Minit yang terakhir ya, Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN SULAIMAN B. ABDUL RAZAK** : Sikit lagi Tuan Speaker bagilah peluang.

**TUAN SPEAKER** : Minit yang terakhir, sebab yang lain pun nak berucap jua.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Saya gulunglah. Gulung kena bagilah Tuan Speaker. Kalau tak gulung karang tergantung. Ok, dalam Dewan yang mulia ini, kerajaan negeri telah memohon supaya Dewan meluluskan bajet sebanyak RM761 juta. Sebahagian besarnya telah dibelanjakan pun. Tidak dapat dinafikan bahawa kebanyakannya adalah untuk kepentingan rakyat dan untuk kelicinan pentadbiran kerajaan. Bagi kami, mewakili Barisan Nasional saya telah bangkitkan beberapa persoalan dan teguran yang sepatutnya diberikan jawapan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya pun nak tanya juga kepada rakan-rakan di pihak kerajaan, apa pandangan, pendirian ahli-ahli Yang Berhormat daripada Pakatan Rakyat, daripada Bukit Antarabangsa, Kampung Tunku, apakah yang ahli-ahli Yang Berhormat akan berdiam diri kerana disiplin parti? Mengikut atau bersetuju sepenuhnya apa sahaja yang dibuat oleh kepimpinan kerajaan negeri dan parti. Walaupun bajet ini bukanlah

bajet yang berimbang dan sentiasa dimegah-megahkan oleh ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini atau dengan penuh kesedaran dan tanggungjawab. Ini yang saya nak lihat, kesedaran dan tanggungjawab, mengakui kesilapan, kecuaiian semasa menyediakan bajet 2013. Kita tak boleh nak katakan sebab kita manusia. Sehebat mana pun kita, barangkali kita boleh terlepas pandang. Sebab itu kita berikan pandangan dan teguran mengenai perkara ini dan atau .....

**TUAN SPEAKER** : Ayat terakhir ya Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : ..... atau diam membisu tanpa sebarang teguran dan kritikan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Tuduhan.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Ini bukan tuduhan Sekinchan. Jadi, saya mohon kepada rakan-rakan kita dalam Dewan ini untuk memberikan pandangan-pandangan yang lebih baik atau pun saya mohon kepada rakan-rakan daripada kerajaan boleh mencadangkan menolak sebahagian daripada cadangan atau pun keseluruhan. Saya yakin kalau pun ditolak oleh kerajaan Barisan, berikan cadangan, pandangan dan sebagainya. Saya yakin dengan mandat 2/3 Enakmen ini pasti juga akan diluluskan oleh Dewan ini. Namun, kita minta kepada ..... nak mencelah? Mohon mencelah? Jadi saya berharap melalui Pakatan Rakyat juga sama-sama melihat perkara ini dan saya menyeru kepada kerajaan supaya menilai semula supaya bajet tambahan RM46 juta ini bukan yang terakhir. Saya percaya dalam sidang bajet yang akan datang pasti akan ada lagi permohonan. Kalau itu dipohon, hari ini RM46.7 juta defisit, apakah nanti akan menjadi lebih daripada yang akan ada? Kalau.....

**TUAN SPEAKER**: Ok, habiskan ya?

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK**: ..... Ok saya gulung. Kalau 15% bajet. Permohonan bajet tambahan sebagaimana 2008 hingga 2012 kita boleh terima, itu wajar. Kalau di bawah 20%, itu boleh dipertimbangkan dan layak dilulus tapi kalau dah di bawah 50%, ini sangat luar biasa. Saya ingat ini cukup membimbangkan dan kalau *trend* ini diteruskan dalam bajet yang akan datang dimohon lagi, mungkin lebih daripada 50% bajet kerajaan negeri dan ini merupakan defisit yang sangat besar.

Tuan Speaker, saya ucap terima kasih dan wakil Barisan Nasional, kami tidak bersetuju pun dengan cadangan atau pun Enakmen ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER**: Yang Berhormat Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB**: *Bismillahir rahmanir rahim*. Terima kasih Timbalan Speaker. Untuk tujuan Perbekalan Tambahan, pada pandangan saya bukan hanya perlu dinilai dari segi objektif, rasional dan justifikasi tetapi juga dari segi kecekapan, penggunaan dan pelaksanaan. Saya ingin menarik perhatian tentang penggunaan B06 di mana peruntukan sebanyak RM79 juta disalurkan kepada dua (2)



jabatan. B12 sebanyak RM76 juta, B13 sebanyak RM73 juta, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Pengairan dan Saliran. Isu yang ingin saya bangkitkan di sini ialah tentang kecekapan penggunaan kerana bagi JKR sebanyak 38 projek diagihkan dan bagi JPS 5 projek diagihkan. Nilai projek daripada RM200,000.00 hingga ke RM5 juta setiap satu.

Dari segi pengalaman yang penggunaan kecekapan ini telah dinilai dengan tiga (3) perkara yang telah dibangkitkan dalam sidang Dewan yang mulia ini :-

1. Dari segi penggunaan Geran Selangorku yang bernilai RM300 juta. Dalam Dewan ini, Dato' Menteri Besar telah menjawab penggunaan RM300 juta itu hanya setakat ini, RM200 juta sama ada penggunaan atau pun telah di *commit* untuk digunakan. Jadi berbaki RM100 juta masih belum digunakan dana kan dibawa dalam belanjawan 2014. Persoalannya, isu kecekapan. Hanya 67% cekap dan ini adalah tidak memuaskan pada pandangan saya.
2. Projek kecil RM500,000.00 di setiap DUN yang melibatkan 56 DUN bernilai RM28 juta. Projek untuk membina Dataran Anak Muda. Projek digunakan untuk membuat projek-projek kecil di bawah apa yang dinamakan oleh ADUN dilaksanakan oleh UPEN dan Pejabat Daerah. Daripada maklumat yang sampai pada saya, projek-projek ini pada keseluruhannya tidak begitu memuaskan. Bahkan, audit perlu dilakukan untuk menyatakan tahap pencapaian penggunaan sebanyak RM28 juta ini.
3. Projek Dataran Anak Muda yang bernilai RM200,000.00 setiap satu di setiap DUN melibatkan 56 DUN yang bernilai RM11.2 juta. Sekali lagi prestasinya tidak begitu memuaskan kerana masih terdapat banyak atau pun beberapa lagi kawasan DUN yang tidak dilaksanakan projek ini. Jadi, persoalan saya yang menjadi kekhawatiran saya. Kita boleh di sidang Dewan yang mulia ini meluluskan satu jumlah tambahan Perbekalan tetapi dari segi kecekapan penggunaannya itu. Jadi, saya tidak dapat bertolak ansur selain daripada pihak kerajaan memberi jaminan bahawa penggunaan kecekapan 100% dapat dilaksanakan terutamanya apabila ia melibatkan 38 projek di bawah JKR dan 5 projek di bawah JPS.

Saya boleh menyokong dengan penuh kesedaran dan kefahaman. Pertambahan ini sekiranya pihak kerajaan boleh meningkatkan prestasi kecekapan penggunaan dan pelaksanaan. Yang keduanya ingin saya sentuh dalam Perbekalan Tambahan ini adalah tentang Program Air Percuma 20 meter padu pertama. Bagi maksud B04 Perbendaharaan Negeri, RM83 juta dipohon untuk penggunaan bagi tujuan air percuma bagi Julai hingga Disember 2013 dan RM22 juta bagi bulan Mei hingga Jun 2013. Bagi maksud B29 Perbendaharaan Negeri, Perbelanjaan Am melibatkan RM60 juta yang telah dibayar bagi bulan Januari dan Mei 2013. Ini bermakna bagi seluruh tahun 2013, jumlah penggunaan bagi Program Air Percuma berjumlah RM165 juta iaitu 21.7% daripada keseluruhan Perbekalan Tambahan.

Apa isu yang ingin saya timbulkan di sini adalah dana ini disalurkan melalui KDEB. Jadi, persoalannya dalam laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2010, satu teguran telah dibuat, telah dirakamkan dalam laporan Ketua Audit Negara bahawa kaedah pelaksanaan program ini yang dilakukan melalui sebuah syarikat adalah tidak wajar tetapi sepatutnya dilaksanakan terus sebagai program di bawah kerajaan. Jadi, persoalan saya adalah sejauh manakah perkara ini telah dijelaskan, telah diselaraskan dan telah dibaiki kalau berlaku kesilapan atau pun ketidakselarasan dengan apa yang disarankan oleh Ketua Audit Negara. Adakah penyaluran dana bagi Program Air Percuma 20 meter padu ini bertujuan merupakan sebahagian daripada strategi penstrukturan semula aktiviti industri air di mana kemudiannya wang ini akan dipulangkan kembali kepada kerajaan negeri secara langsung mahu pun melalui ekuiti. Jadi, kita mahu penjelasan kerana keyakinan rakyat tentang apa yang disalurkan ini menggambarkan ketelusan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Bagi saya jika wang ini akan dipulangkan kepada kerajaan negeri, maka bukan hanya RM517.44 juta yang diperuntukkan kepada KDEB melalui RM413.2 juta, PKNS RM80 juta dan MPSJ RM24.24 juta merupakan pinjaman. Bahkan, keseluruhan maksud B14 iaitu RM622.44 juta adalah pinjaman. Saya mentafsirkan demikian. Sekiranya saluran peruntukan bekalan air ini akhirnya ia akan disalurkan kembali kepada kerajaan negeri melalui ekuiti atau pun bayaran kemudian jangka panjang. Maka seluruh peruntukan RM622.44 juta ini adalah pinjaman yang berbentuk jangka pendek dan jangka panjang. Jadi kesimpulan awal, sekiranya seluruh maksud B04 adalah pinjaman, maka 81.7% Perbekalan Tambahan ini adalah merupakan pinjaman jangka panjang dan jangka pendek. Betul? Kira cekap juga Hulu Kelang ya? Maka ia tidak membebankan kerajaan, maka oleh kerana itu boleh disokong.

Isu yang mungkin ditimbulkan, yang menimbulkan kekusaran di kalangan pihak pembangkang adalah tentang Perbekalan sebanyak RM413.2 juta pinjaman kepada KDEB. Tujuannya adalah untuk membeli saham KHSB, Kumpulan Hartanah Selangor Berhad. Bagi maksud B04, jumlah ini merupakan 66.4% iaitu satu agihan yang bukan sahaja besar tetapi sangat besar. Tapi Hulu Kelang melihat justifikasinya begini. Ia mempunyai objektif yang cukup fokus. Sebagai mantan Pengerusi JPABAS yang telah meninjau dan mengadakan Pendengaran Dalaman kepada beberapa buah anak syarikat di bawah KHSB, KDEB, Perangsang dan sebagainya. Kami mendapat maklum bahawa tujuan asal, matlamat asal KHSB adalah untuk membina, membantu membina rumah mampu milik di bawah SAP, Shah Alam *Property* dan *Brisdale*. Namun, beberapa tahun selepas itu, selepas penubuhannya, matlamat ini telah tersasar. Matlamat ini tidak dipenuhi. KHSB sebagai syarikat awam telah dijadikan sebagai satu *platform* yang tidak lagi menjaga kepentingan rakyat Selangor. Bahkan, saham individu dalam syarikat KHSB dalam pegangan awam dikuasai oleh golongan yang memiliki kabel politik terutamanya daripada pihak kerajaan pada masa itu dan pembangkang pada hari ini dan .....

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat Hulu Kelang, Kampung Tunku minta penjelasan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Saya ingin bertanya pada Yang Berhormat Hulu Kelang, apakah nama parti politik yang memerintah pada masa itu?

**TUAN SPEAKER** : Bukan Pakatan Pembangkang ya?

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Saya tidak perlu menjelaskan perkara yang sudah jelas. Kemungkinan.....

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Tuan Speaker?

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Boleh minta penjelasan, Tuan Speaker?

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat Permatang dan Sekinchan. So, Hulu Kelang nak bagi kepada siapa?

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Dua-dua. Yang Berhormat Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Terima kasih Hulu Kelang. Biarlah boleh membuat apa juga andaian tetapi kalau pemilikan-pemilikan itu melalui proses yang betul, proses yang tak ada dari segi kesalahan dari segi peraturan kewangan dan sebagainya tak adalah jadi masalah. Orang yang memperoleh itu pun mempunyai keupayaan untuk membayar saham-saham yang ditawarkan. Apa pendapat Yang Berhormat?

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB**: Pendapat saya dalam kehidupan ini ada perkara yang berkaitan dengan undang-undang, ada yang berkaitan dengan moraliti dan akhlak. Jadi kalau nak ikut undang-undang, undang-undang itu ciptaan manusia boleh dipinda, boleh dibuat sebagainya dan tidak ada justifikasi. Tetapi dari segi moral, dari segi akhlak adalah kalau umat Islam itu ada asas yang kuat, yang kalau bercanggah dengan agama, maka bercanggahlah dengan agama. Jadi, kita kaitkan juga apa isu ini dengan pegangan saham yang ada kaitan dengan .....

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Minat penjelasan sedikit. Tadi, saya masih

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Y.B. Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Y.B. Hulu Kelang tadi mengatakan itu ada unsur-unsur yang jelas itu tadi saya tak berapa jelas sebab mungkin ada yang jelas tapi Sekinchan tak jelas. Saya minta perincian betul-betul tadi. Perincian betul-betul. Saya tak jelas.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Ya. Yang jelasnya kabel politik itu berkaitan dengan UMNO / Barisan Nasional. Terima kasih. Jadi, oleh kerana itu, KDEB terpaksa memantau KHSB melalui satu lagi *public asset company* (dengan izin) iaitu KPS (Kumpulan Perangsang Selangor Berhad) dan ini tidak berkesan kerana

berlapis-lapis. Jadi, dengan itu saya dengar bahawa KDEB akan distrukturkan selaras dengan menjadikannya sebagai *vehicle* ataupun syarikat induk untuk mengendalikan penstrukturan semula air di negeri Selangor dengan fokus kepada empat bahagian iaitu dengan izin *KDEB Land, KDEB property management, KDEB water* dan *KDEB waste*. Jadi, badan induk yang akan mengambil alih KHSB fokus dan kemudian dengan pembelian saham awam dalam KHSB, maka KHSB akan lebih fokus untuk memainkan peranan asal dalam bidang *property management*.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Mencelah sikit Tuan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Y.B. Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Saya ada berapa minit lagi?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ya?

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Saya ada berapa minit lagi?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Kita boleh bagi sikitlah tambahan sekiranya memberikan izin kepada Permatang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Saya bagi izin pada sahabat saya.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Hulu Kelang ini bagi jawapan bagi pihak kerajaan ni. Sepatutnya kerajaan yang menjawab ni. Fokus-fokus ni saya ingat, Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Saya nak berikan justifikasi kenapa saya akhirnya akan menyokong.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Kerajaan belum jawab lagi tu (nak sokong tu).

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Jadi, bagi saya tindakan ini wajar walaupun digemparkan oleh pihak pembangkang sebagai tidak wajar. Bagi saya, KDEB mempunyai prioriti yang jelas, KHSB mempunyai prioriti yang jelas dan kemungkinan sekiranya *KDEB land* setelah KHSB menjadi milikan penuh KHSB akan melaksanakan tiga aktiviti utama iaitu pemantauan langsung akan dijalankan dengan lebih berkesan, *control* (dengan izin) kawalan penuh berlaku dan ketiga yang penting sekali adalah untuk menjaga kepentingan rakyat negeri Selangor. Bagi saya inilah justifikasi yang menjadikan tidak ada yang lebih *urgent* (dengan izin) tidak ada lebih segera yang perlu disegerakan selain daripada pihak kerajaan. Negeri Selangor memperuntukkan bekalan tambahan untuk membolehkan KHSB dibeli sepenuhnya oleh KDEB dan KDEB menggerakkan seluruh aktiviti perniagaan KHSB. Jadi, dengan

jaminan bayar balik oleh KDEB kepada kerajaan dengan jaminan kawalan KDEB terhadap milikan-milikan KHSB lebih berkesan dengan objektif penyelesaian masalah yang terbeban kepada kerajaan Pakatan Rakyat oleh kerajaan UMNO / BN sebelum ini, maka Hulu Kelang menyokong. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Y.B. Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Sekinchan juga ingin turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan No.1 2013 di mana sejumlah RM761,440.000 telah diperuntukkan dan saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini di mana apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat daripada Permatang yang saya nampak sampai sekarang (penggal kedua) pun masih tak berapa matang lagi khususnya dalam angka-angka yang dikemukakan. Kita menerima bagi pihak kerajaan yang menerima banyak teguran dari pihak pembangkang. Sedia kita mendengar selaras dengan konsep *check and balance* di mana peranan pembangkang ini kita hargai termasuk kita nak angkat kedudukan ketua pembangkang Sungai Burong yang bijaksana. Namun begitu, saya rasa kesal angka-angka yang diberi ada sebahagiannya tidak betul, mengelirukan Dewan, memesongkan Dewan. Sebaliknya angka adalah kutipan daripada yang diwar-warkan oleh Y.B. Bukit Antarabangsa. Dan tadi, saya menyokong penuh rakan bijaksana saya daripada Hulu Kelang (Y.B. Hulu Kelang) di mana beliau telah memperincikan daripada peruntukan perbekalan tambahan yang diminta oleh kerajaan melalui Dewan yang mulia ini di mana daripada RM761,440,000

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Boleh Yang Berhormat?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Y.B. Sekinchan, Permatang minta laluan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Ok.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Sekinchan kata saya mengelirukan Dewan dari segi angka, tolonglah beri angka yang mana? Sebab apa yang saya bagi berdasarkan apa yang diunjurkan. Saya membaca contoh macam rekod mengenai air percuma. Saya biasa baca berdasarkan apa yang diperuntukkan dan juga yang kenyataan sebenar. Jadi, peratusan yang dibuat pun peratusan yang sebenar. Jadi saya rasa, saya tak ada mengelirukan apa-apa. Jadi, kalau boleh Sekinchan kena beri jelaslah yang mana saya kelirukan. Saya pun berhak untuk tahu.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Permatang. Maksud saya ini mungkin salah tafsir dengan maksud Y.B. Permatang. Maksud saya apa yang kita belanjakan, apa yang kerajaan negeri minta daripada sejumlah RM761,440,000 ini adalah untuk sebahagiannya 81% iaitu RM517juta ini adalah untuk pinjaman (wang ini pinjam saja). Kita duit banyak baru boleh pinjam. Kalau duit tak ada? Terpaksa pinjam dengan Pusat. Terpaksa pinjam dengan Pusat seperti negeri-negeri Johor (saya contoh. Contoh sajalah. Kebetulan Barisan Nasional). Seperti Johor, Negeri Sembilan, Melaka itu mereka kena pinjam. Selangor tak pinjam dan Selangor pinjam kepada anak

syarikat. Bantu anak syarikat duit 81% daripada jumlah tadi. Ini satu buktinya kekuatan keupayaan kewangan negeri Selangor ditadbir urus oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar. Tahniah dan syabas. Ini perkara yang saya nyatakan dalam Dewan yang mulia ini. Maka dengan itu, daripada angka-angka yang kita nampak tadi menunjukkan bahawa kita memang ahli-ahli Dewan sama ada kerajaan atau pembangkang, kita mengambil perhatian. Pinjaman ini bagaimana kewajarannya dipinjam. Adakah pinjaman ini nanti

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Mohon mencelah.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : akan dibayar balik atau tidak.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Tuan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Y.B. Dengkil, minta mencelah.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Oh Dengkil, hari ini *handsome* sikit. Ok, bagi.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Y.B. Sekinchan terima kasih. Saya nak tanya pendapat Y.B. Sekinchan. Walaupun tadi dah diterangkan berkenaan dengan pinjaman dan sebagainya, apakah pandangan / pendapat Y.B. Sekinchan tentang perbelanjaan berimbang yang diwar-warkan oleh kerajaan negeri Selangor? Terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Yang Berhormat daripada Dengkil yang mengemukakan soalan tersebut. Soal belanjawan berimbang ini, ini berdasarkan perkembangan semasa di mana pada ketika itu unjuran kita memang berimbang dan apabila ada keperluan dan kerajaan mempunyai wang yang lebih di mana kutipan yang penting kutipan hasil itu, kalau hasil itu ada boleh kita belanjakan mengikut kesesuaian masa. Kita sedia maklum sering kali orang luar, ahli-ahli pembangkang dan sebagainya selalu tuduh kerajaan negeri kedekut, tak nak belanja. Tak nak belanja kononnya. Rizab banyak, simpanan banyak, tak nak belanja. Sekarang kita baru *start* ni. Anjakan paradigma nak belanja sikit lebih. Ini ada macam-macam tuduhan pula.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Mohon penjelasan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Ini yang saya kesal.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sekinchan bagi laluan atau tidak?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Ha? Cukuplah, cukup, cukup, cukup. Takut masa tak cukup. Nanti dulu.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Penjelasan Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Nak?

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Penjelasan satu.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Nak juga? Oh nak juga. Bagilah.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Ok. Masalahnya dalam berimbang kita sebut tadi, dalam Bajet 2013 yang kita luluskan bersama pada bulan 12 dahulu sepatutnya saya ambil contoh tadi. Saya memetik mengenai bayaran air RM105 juta. Sepatutnya itu sudah dimasukkan dalam Bajet 2013 yang lalu. Itu kita dah tahu dah. Itu wajib bayar, tapi tak dimasukkan. Sebab kalau dimasukkan pada waktu itu, bajet tidak menjadi berimbang kan? Jadi, ok.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Y.B. Permatang yang cukup prihatin terhadap bajet berimbang ini. Soal air RM105 juta ini. Ini mungkin Permatang keliru sikit, tidak faham cara pentadbiran pengurusan Y.A.B. Dato' Menteri Besar. Kita menjangkakan pada ketika itu, kita menjangkakan. Kita tahu RM105 juta (tinggal-tinggal sifir macam ini senang saja). Yang Amat Berhormat lagi pandai kira. Tapi, soalnya pada ketika itu kenapa tidak dimasukkan sepenuhnya kerana kita menjangkakan penstrukturan air ini boleh disiapkan lebih awal (mungkin bulan 3, mungkin bulan 4) berdasarkan kerjasama yang diberikan oleh Barisan Nasional yang dipimpin oleh Dato' Sri Najib.

Saya hairan di dalam Dewan yang mulia ini, saya nak nyatakan satu perkara yang baik (asalnya baik) untuk rakyat negeri Selangor, kita nak struktur air supaya rakyat negeri Selangor dapat air yang murah dan dijamin masa depannya, tak dibebani dengan harga yang mahal dan industri dapat disusun dengan baik. Tapi tidak disokong oleh Barisan Nasional pada ketika itu menyebabkan ditangguh, tangguh, tangguh, tangguh (berkali-kali tangguh). Akhirnya kita tidak dapat perkiraan yang sebenar. Dan sekarang kita dah tahu. Oleh kerana memandangkan pilihan raya dan sebagainya, tertangguhlah masanya dan kita adakan bajet tambahan. Ini antara teknikal sahaja. Tapi yang pentingnya (pokoknya) Y.B. Permatang, pokoknya duit ada. *Kase'* (dengan izin). *Kase'*. Fulus tu ada (duit tu ada ya).

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Bahasa apa itu?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Bahasa Tamil (India) sikit. Duit itu ada. Maksudnya fulus kena ada dan Selangor

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Saya ingat jawa tadi.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** *orak ngomong jowo*. Selangor ini kita ada duit. Yang penting itu penting. Kalau tak ada duit, susah. Ini saya nak bagi tahu (nak jelaskan) kepada Yang Berhormat daripada Permatang. Walau bagaimanapun, saya ucap terima kasihlah dia *concern* dengan angka-angka. Dah. cukup, cukup, cukup perhatian. Dan seterusnya saya ingin katakan dalam pemberian air percuma ini, kita belanja dan saya harap kali ini sampai ke akhir RM105 juta ini kita belanja, kita dapat selesai pada

tahun ini penstrukturan air. Kalau air, kerajaan pusat ok. Kita ketepikan politiklah. Inilah lepas pilihan raya pun. Dan lepas. Lima tahun lagi, lama lagi. Jadi kita fikirkan bagaimana kita nak angkat kebajikan rakyat pada hak rakyat di paling atas sekali. Jadi sama-sama kita gembelngkan tenaga demi rakyat negeri Selangor. Rakyat di Permatang rakyat kita (rakyat negeri Selangor), rakyat di Sekinchan, rakyat di seluruh negeri Selangor rakyat kita. Marilah kita membuat sesuatu yang baik supaya kita tinggalkan sejarah untuk anak cucu kita. Penstrukturan air siap di bawah Pakatan Rakyat dan Permatang juga turut serta. Ini yang kita hendak. Permatang kurang setuju kalau apabila ada. Setuju ya?

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Dato' Najib berjiwa besar, sebab itu bagi jawapan balas kepada Menteri Besar.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Ha.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Setuju la tu.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Setuju ok. Kalau Permatang setuju, syukur alhamdulillah lah. Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Dan saya ingin menyentuh sedikit tentang pembangunan yang daripada JKR. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, banyak perbelanjaan yang disalurkan ke dalam JKR, tetapi ada satu perkara yang ingin saya nyatakan di Dewan yang mulia ini di mana terdapat satu jalan di Sekinchan Jalan Parit 5, eh Tali Air 5 yang 5 kilometer sebelum ini kerajaan telah naik taraf, melebarkan 3.8 kilometer. Dia ada *miss* sikit. Pada 1.2 kilometer tersasar, duit dah cukup ketika itu, kita ambil maklum (tahu). Tapi sekarang dah lama dah. Dan saya minta perhatian Dewan yang mulia, Y.A.B. Dato' Menteri Besar 1.2 kilometer itu eloknya kalau dalam masa terdekat dapat disambung supaya *complete* 5 kilometer. Kalau tidak nanti takut Sungai Panjang nak jadi hero, pergi sana ambil gambar pula macam-macam. Ini biasa kerja Sungai Panjanglah. Saya tahu. Tak apa.

Dan seterusnya, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang pinjaman-pinjaman kepada anak syarikat itu. Saya harap Yang Amat Berhormat dapat jelaskan berapa peratus faedah kita boleh dapat, berapa lamanya tempoh yang kita pinjam. Ini antara apa faedahnya kepada rakyat di negeri Selangor. Ini yang rakyat nak tahu saja. Tak ada apa-apa termasuk Kuang. Kuang mana tahu walaupun Kuang semalam tak datang. Dengar cerita kurang sihat, tak apa lah. Tidak sihat hari ini? Syukur alhamdulillah sihat kawan saya ya. Yang pentingnya duit itu digunakan selaras dengan konsep ketelusan (satu). Yang kedua, *value for money*. *Value for money*. Kalau itu *value for money*, tak ada masalah kita luluskan. Ini prinsip rakan-rakan kita dalam Dewan yang mulia ini.

Dan seterusnya saya juga ingin menarik perhatian tentang caruman kewangan yang ada diperuntukkan sebanyak RM79juta untuk pembangunan hutan ini. Ini juga satu perkara yang ingin saya sentuh. Kita sedia maklum di dalam Dewan yang mulia ini, sejak 5 tahun yang lalu (2008 hingga sekarang), kerajaan negeri sudah tidak mengizinkan mana-mana aktiviti lesen diberikan untuk pembalakan di mana-mana pun



hatta walaupun balaknya sebesar mana pun, kita tetap tidak berganjak dengan balaknya dan tidak memberi lesen untuk di balak (untuk penebangan dan sebagainya). Dan ini dasar untuk kita memulih alam sekitar dan sebagainya supaya kawasan hijau di negeri Selangor kekal berada lebih daripada 30%. Ini yang kita tidak berganjak demi anak cucu kita ada kehijauan. Ada kehijauan. Walau bagaimanapun, saya nak tahu kegunaan RM79 juta ini. Walaupun kita tak dapat hasil cukai daripada pembalakan (dah berhenti pembalakan), tetapi kita masih memperuntukkan sebesar RM79 juta untuk hutan ini dan saya nak tahu secara lanjut. Nanti saya minta penerangan apabila digulung. Y.A.B. Dato' Menteri Besar, apa kegunaan untuk hutan ini? Kita tak dapat duit dari hutan, kita kena salur banyak duit kepada hutan. Nak tahu hutan ini kita nak jaga, apa yang dijaga dalam hutan ini. Ini antara perkara-perkara yang Sekinchan cukup ambil berat tentang permasalahan tersebut.

Dan seterusnya, saya juga ingin nyatakan dalam Dewan yang mulia ini pada masa-masa akan datang perbelanjaan bajet belanjawan negeri Selangor ini kita boleh perincikan dengan betul-betul supaya setahun paling banyak (sekali. Mungkin sekali bajet tambahan dikemukakan) dan saya juga harap oleh kerana rizab simpanan kita semakin bertambah sehingga 2.8, maka sudah sampai masanya duit itu (sebahagiannya) dikeluarkan untuk kegunaan infrastruktur prasarana yang mana hendak ditingkatkan termasuk memperkasakan pembangunan desa seperti apa yang digerakkan baru-baru ini oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar. Rakyat menunggu. Rakyat lihat bagaimana persembahan dan prestasi Pakatan Rakyat kerajaan yang mereka sokong 44 kerusi ini, mereka yakin kalau kerajaan dapat jaga duit dengan baik, duit semakin banyak dan rakyat semakin mendapat kebajikan dan prasarana semakin elok, infrastruktur semakin dinaiktarafkan saya yakin Pakatan Rakyat di negeri Selangor akan terus mendapat dokongan / sokongan yang kuat daripada rakyat. Paling kurang untuk 6 penggal yang akan datang. Insya-Allah. Sekian saja. Terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker. Rawang ingin turut serta dalam perbahasan untuk Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan Tambahan dengan merujuk, menyentuh beberapa aspek. Yang pertama berkenaan B04 Perbendaharaan Negeri. Rawang ingin bertanya, kita fahamkan, program air percuma yang telah disalurkan dan peruntukan yang diberikan tetapi apakah kerajaan negeri bercadang untuk memperbaiki paip-paip yang telah usang memandangkan sekarang kita kurang pasti bilakah penstrukturan air dapat dijayakan sepenuhnya. Tetapi kalau mengikut jawapan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tadi NRW sekarang di negeri Selangor sebenarnya amat tinggi. Kalau ikut sasaran asalnya sepatutnya 20% tetapi kita nampak NRW sekarang keadaan semasa adalah 33%. Seperti di Rawang khasnya kampung-kampung yang telah lama melebihi 10 tahun banyak aduan diterima berkenaan dengan paip bocor dan keadaan paip yang usang. Dan sama ada satu sistem yang terkini ataupun teknologi yang terkini yang kita *mapping* dengan izin *mapping* paip-paip yang di bawah tanah ini supaya

apabila kerja-kerja penyelenggaraan jalan ataupun projek-projek yang dijalankan tiada juga paip yang kita didapati bocor sebab pihak kontraktor tidak tahu adanya utiliti ini di bawah tanah tersebut. Ini yang ingin Rawang sentuh tentang air percuma.

Yang kedua berkenaan dengan pinjaman kepada anak syarikat khususnya kepada PKNS. Kita sedia maklum PKNS adalah antara anak syarikat yang mempunyai prestasi pencapaian yang terbaik dalam anak-anak syarikat. Kalau ikuti laporan berita yang diberikan yang saya baca, PKNS mencatat keuntungan sebanyak RM300 juta pada tahun 2012. Jadi apakah rasionalnya kerajaan negeri memberi pinjaman kepada PKNS memandangkan syarikat ini mempunyai kekuatan kewangannya sendiri. Yang kedua, adakah ini memberi satu *president* dengan izin bahawa kerajaan negeri memberi ataupun *involve* dalam *business* anak-anak syarikat ini yang mana kita, polisi kerajaan negeri Selangor adalah jelas untuk meminimumkan penglibatan kerajaan negeri dalam aktiviti-aktiviti perniagaan ini.

Dan akhir sekali Rawang ingin menyentuh tentang B06 Caruman Kepada Kumpulan Wang Pembangunan. Rawang ingin menarik perhatian terhadap satu juga projek yang tersenarai dalam caruman ini iaitu kerja bagi menaik taraf jalan negeri B27 Jalan Rawang Batang Berjantai Fasa 2 dari persimpangan bandar Country Home ke sempadan daerah Kuala Selangor. Difahamkan peruntukan yang diberikan adalah satu juta tetapi ini adalah jauh, jauh daripada anggaran laporan yang diberikan oleh JKR Negeri Selangor. Saya ingin, untuk makluman Dewan yang dihormati sekalian, kalau mengikut laporan atau pun kajian yang dibuat oleh JKR Negeri Selangor, sepanjang jalan untuk B27 ini yang juga merupakan jalan negeri dari jambatan atas NKVE lepas Rawang TOL yang sekarang kita nampak dalam projek pembangunan naik taraf Fasa I di bawah Kerajaan Persekutuan sebanyak 1.6 km. Tetapi untuk makluman semua kalau kita tidak naiktarafkan, jambatan yang merupakan *bottom net* dengan izin yang menyambungkan Rawang TOL dengan bandar Country Home ini kita tidak akan selesaikan secara efektif isu kesesakan lalu lintas yang telah lama tertangguh untuk jalan ini. Dari jambatan atas NKVE sahaja selepas Rawang TOL yang menghubungkan sampai Kuala Selangor adalah sepanjang 22.4 km. Kalau ikut anggaran kos yang diperlukan adalah RM400 juta termasuk 4 jambatan yang perlu dibina. Tetapi jambatan utama yang merupakan *bottle neck* itu lebih kurang memerlukan 35 juta. Jadi saya nampak memang peruntukan yang diberikan adalah tidak cukup. Dan *volume traffic* yang menggunakan jalan tersebut kalau ikut anggaran adalah 15,400 kenderaan satu hari dan kalau ikut anggaran jajaran trafik kenaikan 8% memang kalau ikut dengan pembangunan pesat yang sekitar *Country Home* ini ataupun di kawasan Rawang ini memang tidak keadaan jalannya sekarang, ada sekarang memang tidak dapat menampung. Jadi kalau ikut kategori dalam laporan JKR jalan ini sebenarnya dalam keadaan Kelas F, maksudnya *maintenance* yang amat terendah, jauh daripada kapasiti jalan yang boleh menampung kapasiti kenderaan memang jauh tersasar. Jadi saya harapkan kalau boleh Yang Amat Menteri Besar sendiri pun pernah berkunjung ke kawasan tersebut untuk merasmikan satu pasar raya AEON dan juga kawasan-kawasan berkenaan. Jadi Yang Amat Berhormat sendiri juga nampak keadaan jalan di situ dan saya mohon kalau boleh ditambahkan peruntukan untuk sekali gus menyelesaikan kesesakan jalan lalu-lintas ini. Kalau kerajaan negeri Selangor boleh

peruntukan RM300 juta untuk membuat jambatan ketiga untuk Klang, saya mohon juga peruntukan digunakan untuk jambatan yang pertama di Rawang ini supaya kita boleh selesaikan masalah kesesakan lalu-lintas di kawasan yang berkenaan. Sekian sahaja, saya menyokong Enakmen Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan Tambahan untuk ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang Berhormat Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG** : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Terima kasih kerana mengizinkan saya turut serta dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbelanjaan Pembekalan Tambahan Pertama 2013 ini. Pertama sekali saya di sini menyokong apa yang telah dikatakan oleh Sekinchan dan juga Rawang berkenaan bagi B04 iaitu pinjaman yang telah diberikan kepada syarikat-syarikat anak negeri Selangor iaitu nombor satu sama ada faedah dikenakan ke atas pinjaman yang diberikan. Yang kedua ialah PKNS yang seperti mana Dewan yang mulia ini sedia maklum yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh apakah alasan bagi kerajaan negeri Selangor untuk memberi pinjaman kepada satu syarikat yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh.

Bagi item yang ketiga di bawah B04 ini adalah berkenaan dengan projek-projek yang diluluskan kepada MPSJ pada 20 Februari 2013. Saya ingin nak tanya kerajaan Selangor bahawa apakah alasan bagi pinjaman yang telah diberikan kepada MPSJ sedangkan bagi PBT-PBT yang lain terdapat permohonan peruntukan yang telah dipanjangkan kepada kerajaan negeri Selangor.

Bagi B06 pula, bagi item yang pertama yang mana peruntukan telah dipanjangkan untuk membaiki pulih dan menyenggara cerun seluruh Selangor. Saya ingin tanya bahawa sama ada peruntukan ini cukup untuk menampung, untuk membaiki pulih dan menyenggara cerun Selangor dengan anggaran RM1.6 juta sahaja memandangkan kes kematian 3 orang mangsa telah berlaku di Ukay Perdana yang berlaku kebelakangan ini. Bagi Item yang ketiga pula adalah berkenaan peruntukan tambahan sejumlah 2 juta untuk memasang lampu jalan dan lampu isyarat seluruh Selangor. Saya ingin nak tanya bahawa sama ada bagi kerajaan Selangor ada apa-apa pelan untuk memasang lampu jalan atau lampu isyarat yang lebih berteknologi hijau seperti lampu LED dan sebagainya dengan menggunakan peruntukan tambahan ini. Sama ada dengan peruntukan tambahan ini adalah cukup untuk kerja-kerja memasang lampu jalan dan lampu isyarat seluruh Selangor ini.

Bagi Item yang kelima pula, berkenaan dengan anggaran perbelanjaan RM5.3 juta bagi pengambilan balik tanah. Saya nak tanya bahawa di manakah tanah ini yang kita atau kerajaan negeri Selangor ingin nak ambil alih dan apakah tujuan pengambilan balik tanah-tanah yang dicadangkan itu.

Bagi Item yang ke sembilan iaitu berkenaan dengan perbelanjaan yang disalurkan sejumlah RM2 juta bagi membina jalan sambungan Fasa ke 4 *missing link* bagi B15/B20 saya ingin tanya di Dewan yang mulia ini bahawa terdapat banyak mesin link

yang perlu untuk disambungkan semula sama ada kerajaan negeri Selangor ada pelan tindakan atau pelan strategik untuk menyambung balik mesin link yang di tempat lain yang di seluruh negeri Selangor ini. Lepas itu secara keseluruhannya, saya nampak bahawa terdapat peruntukan tambahan yang telah dicadangkan untuk menaik taraf jalan-jalan di tempat-tempat seperti di daerah Petaling dalam Item yang ke 17 dan selainnya. Jikalau dibandingkan dengan PBT-PBT lain, saya ingin nak tanya apakah rasional bagi kerajaan negeri Selangor untuk mencadangkan peruntukan tambahan untuk daerah-daerah yang nampaknya kedudukan kewangan yang lebih kukuh. Bagi maksud B20 bagi sejumlah peruntukan 3 juta juga yang telah dikehendaki untuk perbelanjaan bagi B13 kepada Jabatan Pengairan dan Saliran. Saya nak tanya Dewan yang mulia ini bahawa apakah alasan atau rasional untuk meluluskan atau mengemukakan cadangan perbelanjaan tambahan kepada JPS bagi kelima-lima item dan bukannya untuk kerja-kerja menaik taraf sistem saliran di Sungai Pencala atau Sungai Kayu Ara yang mana telah berlaku beberapa kali, yang mana tebing bagi sungai, tebing Sungai Pencala dan Sungai Kayu Ara ini telah berlaku dalam beberapa tahun yang lepas ini. Jadi saya di sini menyeru supaya kerajaan negeri Selangor pada masa akan datang sekiranya boleh mengemukakan suatu anggaran atau anggaran perbelanjaan dengan maklumat-maklumat yang lebih terperinci supaya bagi Yang Berhormat, Y.B.-Y.B. di Dewan ini dapat mengetahui apakah alasan dan rasional bagi rang undang-undang terutama sekali bagi peruntukan tambahan ini. Jadi di sini saya dengan sukacitanya menyokong usul bagi Rang Undang-undang ini, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Terima kasih Yang Berhormat Teratai. Yang Berhormat Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Terima kasih Tuan Speaker, Bukit Gasing pun ingin turut serta dengan perbahasan hari ini. Bukit Gasing ingin merujuk kepada peruntukan B04 Perbendaharaan Negeri di mana pinjaman telah dicadangkan kepada KDEB dan PKNS di bawah Rang Undang-undang ini. Bukit Gasing ingin bertanya pada hari ini, adakah KDEB dan PKNS ini mempunyai kemampuan untuk buat pinjaman daripada institusi swasta seperti bank ataupun *bond market* dengan izin dan jika begitu mengapa kerajaan negeri mengambil pendekatan untuk membuat pinjaman daripada wang kerajaan ataupun peruntukan kerajaan kepada syarikat-syarikat anak kerajaan ini. Mungkin kerajaan negeri boleh beri penjelasan tersebut seperti Teratai yang tanya, *interest rate* dengan izin yang akan di caj oleh kerajaan negeri terhadap kedua-dua anak syarikat ini. Adakah dia berbeza dengan apa yang akan di caj oleh *open market* dengan izin jika mereka dapat pinjaman daripada bank dan mungkin adakah *interest rate* yang akan dicajkan oleh kerajaan negeri ini akan menyamai apa yang akan dicaj oleh di luar supaya hasil negeri dapat dipertingkatkan dan akan jadi tahap yang paling memuaskan.

Saya juga ingin tertarik dengan peruntukan RM24 juta kepada Majlis Perbandaran Subang Jaya bagi projek-projek yang telah diluluskan. Saya ingin bertanya ataupun memberi cadangan di sini bahawa untuk Pihak Berkuasa Tempatan bahawa kerajaan negeri bukan memberi satu pinjaman tetapi memberi satu geran *outright grant* dengan izin kepada PBT-PBT ini. PBT-PBT mungkin selain daripada Majlis Perbandaran

Petaling Jaya bukannya kaya sangat, kadang-kadang ada terdapat kekangan dari segi kewangan yang menyebabkan mereka datang kepada pihak kerajaan negeri pada awalnya untuk mendapatkan bantuan kewangan. Jika kita membebaskan mereka dengan membayar semula saya ini mungkin tidak berapa wajar dan saya ingin mencadangkan bahawa ia ditukar kepada sistem geran. Saya yakin kalau PBT ini mempunyai kewangan yang secukupnya mereka tidak akan datang kepada kerajaan negeri untuk bantuan kewangan

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Bukit Gasing saya minta sambung selepas rehat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 12.00 tengah hari, dengan itu saya menangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari )**

( Dewan disambung semula )

( Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat )

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Dewan disambung semula. Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Sebelum kami berehat, Bukit Gasing membawa dua *point* kepada perbahasan ini iaitu berkenaan dengan keupayaan kerajaan-kerajaan GLC ini (PKNS dan KDEB) untuk mendapat pinjaman daripada institusi swasta dan apa-apa kadar faedah jika mereka memperolehi *loan* tersebut daripada institusi swasta dan juga Bukit Gasing memberi saranan kepada pihak kerajaan supaya membuat pemberian secara geran kepada PBT-PBT yang memerlukan bantuan kewangan dan bukan secara pinjaman. Dan isu yang ketiga yang Bukit Gasing dan isu terakhir yang ingin bawa pada perbahasan ini ialah isu perbelanjaan defisit atau tidak secara keseluruhan. Bukit Gasing faham bahawa untuk tiga tahun yang lepas ini (2010, 2011 dan 2012), walaupun terdapat *supplementary budget* (dengan izin) terdapat keseluruhan pendapatan kerajaan negeri pada tahun tersebut melebihi perbelanjaan kerajaan negeri. Bukit Gasing mengucapkan tahniah kepada kerajaan negeri untuk menguruskan kewangan dengan terbaik untuk mencapai keadaan tersebut. Tapi Bukit Gasing ingin tanya dengan pertambahan bajet 2013 ini, adakah kerajaan negeri pada 2013 dijangka mendapat bajet keseluruhan perbelanjaan defisit ataupun seimbang atau seimbang. Mungkin penjelasan ini boleh membantu Dewan dan juga rakyat Selangor untuk ketahui sama ada perbelanjaan lebihan ini sesuai atau tidak pada hari ini.

Bukit Gasing juga berharap bahawa program-program dan projek-projek yang disenaraikan ini memang akan membawa manfaat yang banyak kepada penduduk-penduduk negeri Selangor dan projek ini dilaksanakan dengan secepat mungkin walaupun kerana bajet ini diluluskan agak lewat (ini dah suku ketiga), bahawa harap projek dapat dilaksanakan dalam tahun ini dan bukan tidak dapat dilaksanakan sebab mungkin proses tender dan apa itu harap tidak terlewat. Itu sajalah perbahasan Bukit Gasing untuk petang ini. Terima kasih.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Tuan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Terima kasih kepada Bukit Gasing. Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Terima kasih Tuan Speaker kerana mengizinkan Damansara Utama untuk membahar Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan. Saya ada hanya beberapa soalan terutamanya tentang kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar tentang pinjaman kepada KDEB. Terlebih dahulu saya menyokong keputusan kerajaan negeri untuk membantu KDEB mengambil alih KHSB sebagai satu keputusan yang bijaksana dari segi komersial kerana nilai tanah yang dipegang oleh KHSB adalah jauh lebih tinggi daripada syer. Tetapi, saya ada beberapa soalan sebab pinjaman ini

RM432 juta iaitu adalah 25% bajet tahunan kita orang, dan juga 15% rizab negeri. So, ini memang kita kena belanja dengan lebih teliti.

So, soalan pertama adakah pinjaman yang dicadangkan kepada KDEB 100% untuk mengambil alih KHSB? Soalan kedua, apakah tempoh bayaran dan faedah? Soalan ketiga, adakah *payment term* (dengan izin) yang dikenakan kepada KDEB dapat mendesak KDEB untuk menyusun semula KHSB memandangkan KHSB sekarang adalah syarikat yang mengalami kerugian. Nombor empat, apakah sebab-sebab untuk kerajaan negeri yang telah mengenakan kadar faedah yang sama terhadap GLC dan PBT apabila GLC merupakan organisasi keuntungan manakala PBT adalah menggunakan pinjaman untuk memanfaatkan rakyat tanpa keuntungan? Adakah lebih wajar untuk mengenakan kadar faedah yang lebih rendah kepada PBT berbanding dengan GLC atas alasan tersebut?

Nombor lima, memandangkan kerajaan negeri sekarang dalam usaha untuk mengambil alih syarikat-syarikat GLC untuk penyusunan semula, saya sokong *that* usaha itu tetapi saya mencadang bahawa laporan kewangan tahunan syarikat GLC dikemukakan di laman-laman web mengikut standard syarikat-syarikat Bursa Saham Kuala Lumpur. Nombor enam, ini berkenaan dengan kawasan saya. Saya difahamkan sebagai seorang ADUN pertama (penggal pertama), saya difahamkan bahawa perbelanjaan bekalan adalah untuk perkara-perkara segera. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memohon jasa baik Yang Amat Berhormat dan kerajaan negeri untuk mengambil kira masalah tebing sungai yang terhakis di kawasan saya sebab keadaan sekarang sedang membahayakan penduduk-penduduk di tebing sungai iaitu Sungai Kayu Ara dan Sungai Penchala. Ini jugalah perkara yang kena disegerakan. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Ya? Nak berbahas ke? Ya, dipersilakan.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE** : Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Timbalan Speaker. Terima kasih saya diberi peluang untuk berbahas dalam anggaran perbelanjaan bekalan tambahan pertama ini. Pada mulanya, saya mempunyai beberapa soalan-soalan yang ringkas dan berharap pihak kerajaan ambil perhatianlah. Ok. Untuk kawasan Balakong di Pekan Batu 11, kami mempunyai sebahagian jalan-jalan yang di bawah penyelenggaraan JKR dan kawasan tersebut sering mengalami masalah kesesakan lalu lintas dan berharap untuk kerja-kerja yang akan datang berharap pihak JKR akan ambil kira masalah-masalah tersebut. Selain daripada itu, di kawasan Balakong mempunyai dua sungai iaitu Sungai Langat dan Sungai Balak di mana penyelenggaraan oleh pihak JPS kurang memuaskan dan ini menyebabkan banjir kilat sering berlaku. Dan saya pernah difahamkan oleh pihak JPS bahawa mereka menghadapi masalah untuk membersihkan sungai kerana isu permit.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Ya Tuan Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ya, Sungai Pinang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Peraturan Tetap.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Duduk dahulu Balakong.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Ya. Rang Undang-undang Perbekalan ini tidak menuntut janji kes. Saya rasa keluar tajuk ke atas kedua-dua isu JKR dan JPS. Terkeluar dari tajuk utama.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ya, fokus kepada apa yang disentuh di dalam perbekalan tambahan ya. Kerana perbahasan hanya boleh tertakluk kepada apa yang dibentangkan di dalam perbekalan tambahan.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE** : Ok. Minta maaf. Jadi, kalau demikian saya hanya ada satu *point* saja untuk saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan kerana saya faham untuk disiplin kewangan memang harus dikenakan faedah ke atas pinjaman kepada PBT. Walau bagaimanapun, saya ingin mencadangkan supaya kadar faedah yang dikenakan ke atas PBT harus lebih rendah daripada kepada GLC kerana pihak PBT tidak mempunyai sebarang keuntungan kerana PBT hanya melaksanakan tanggungjawab sebagai kerajaan tempatan manakala GLC merupakan satu badan ataupun syarikat yang akan mempunyai keuntungan untuk membiayai tanggungjawab-tanggungjawab kewangan, tanggungjawab-tanggungjawab kerajaan negeri supaya kerajaan negeri dapat mengagihkan keuntungan kepada rakyat negeri ini dengan lebih adil dan saksama. Itu saja perbahasan saya. Terima kasih.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Mohon mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Bukit Gasing ingin mencelah.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Adakah Balakong juga merasa PBT tidak mempunyai kewangan yang cukup untuk bidang tugas yang amat luas dan mungkin kewangan negeri boleh membantu PBT untuk melaksanakan tugas-tugas tersebut?

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE** : Saya setuju bahawa PBT tidak mempunyai kewangan yang mencukupi untuk melaksanakan kerja-kerja ataupun projek-projek yang lebih besar, tetapi saya pun tidak bersetujulah sekiranya diberi tanpa apa-apa faedah untuk memastikan kewangan

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ya, Seri Andalas ingin mencelah.



**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Kalau begitu, setujukah Balakong kalau kita naikkan *assessment* RM10 tiap-tiap rumah di negeri Selangor sekarang?

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE** : Kalau isu *assessment* itu saya rasa kita boleh buat kajian dululah. Pihak kerajaan kena buat kajian dulu sebelum buat keputusan. Ini bukannya setakat saya setuju atau tidak. Kajian yang terperinci harus dikemukakan sebelum kadar cukai taksiran dinaikkan. Jadi, itu sajalah perbahasan saya.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Peraturan mesyuarat. Peraturan mesyuarat 87.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ya, Kampung Tunku. Kejap ya, Peraturan Mesyuarat.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Peraturan mesyuarat, keputusan Tuan Speaker berkenaan dengan sebarang perkara tafsir dalam mana-mana jua Peraturan Tetap ini atau berkenaan dengan kelaziman atau dalam muktamad kecuali jika ada usul menentang keputusan Tuan Speaker. Tuan Speaker dari satu masa ke satu masa boleh mengeluarkan petua-petua berkenaan dengan perkara-perkara ini. Saya ingin minta petua daripada Tuan Timbalan Speaker tentang perbahasan di peringkat dasar ini di mana di dalam rang undang-undang ini ada disebut tentang B masuk B6 – caruman kepada kumpulan wang pembangunan negeri sebanyak RM79juta yang menyentuh hal yang berkenaan dengan Jabatan Kerja Raya dan juga Jabatan Pengaliran dan Saliran. Saya ingin bertanya, adakah perkara-perkara ini boleh dibahas dalam peringkat dasar ini atau tidak?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ya Yang Berhormat, selagi mana perkara tersebut ada disebut di dalam Rang Undang-Undang Perbekalan ini dia boleh dibahaskan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Maksudnya ialah? Perkara-perkara di bawah Jabatan Kerja Raya dan juga Jabatan Pengaliran Saliran boleh di bahas dalam Dewan yang mulia ini?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Selagi mana yang perbelanjaannya tertakluk di bawah perbekalan tambahan. Ya.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Ok. Terima kasih Tuan Speaker. Batang Kali.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : *Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum W.B.T.* Terlebih dahulu Batang Kali ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberi laluan untuk membahaskan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tambahan 2013.

Tuan Speaker,

Batang Kali sebenarnya tiada masalah untuk menyokong Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tambahan 2013. Bagi Batang Kali, peruntukan tambahan ini mampu membawa sedikit sebanyak kesejahteraan kepada rakyat negeri Selangor. Cuma kita berharap kerajaan negeri tidak terlalu *conservative* dan terlalu berbangga dengan rizab yang sentiasa dalam keadaan menaik tetapi terus memohon bajet-bajet tambahan untuk menyelesaikan masalah rakyat dan permintaan yang saya tengok sepanjang sidang dewan ini bertubi-tubi Yang Berhormat-Yang Berhormat meminta itu ini ya. Jadi, ini akan menampakkan ketidakbijaksanaan kerajaan negeri dalam menguruskan rizab kerajaan kerana gagal membuat satu kajian dan unjuran keperluan negeri sehingga perlu membuat peruntukan tambahan yang tinggi di tengah-tengah tahun selepas sahaja membentangkan Bajet 2013 berjumlah RM1.63 billion yang kononnya sangat seimbang. Ya?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ya, Sungai Pinang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Ya, Tuan Speaker. Saya ingin tanya kepada Batang Kali. Pada mulanya Batang Kali kata tak ada masalah dengan permohonan kerajaan, tapi sekarang kata tak bijak, tak betul. Mana yang satu yang betul? Mula-mula kata tak ada masalah. Kerajaan boleh buat permintaan untuk perbekalan tambahan, tapi sekarang pula kata ada masalah.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Di mana yang betul?

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Terima kasih. Itu soalan yang bijak. Saya memberi ini dengan syarat. Bila kita katakan kita menyokong tu mesti ada syarat-syarat, mesti ada kriteria untuk membolehkan

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Jadi, ikhlas ke tak ikhlas sekarang ni?

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Dengan syarat-syarat yang saya nak terang (dengan persoalan-persoalan yang saya nak timbulkan) selepas ini. Insya-Allah. Insya-Allah.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Mohon mencelah.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Ya. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Bukit Gasing ingin mencelah, Batang Kali.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Silakan.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Bukit Gasing ingin tanya adakah Batang Kali bersetuju dengan setiap perkara yang disenaraikan bahawa kerajaan sepatutnya membelanjakan perkara tersebut?

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Ini minta maaf *redundant question*. Tadi bekas Speaker, mantan Speaker dah soal dah. Batang Kali menyoal, ada menyokong lepas tu apa ni mempersoalkan. Kan saya dah kata tadi bahawasanya dia mesti ada kriteria ya, jadi biar saya teruskan. Itulah sebabnya mengenai dengan apa tadi pendapat saya ya dan dua persoalan yang saya nak bangkitkan di sini lebih khusus saya Batang Kali ingin membawa perhatian Dewan kepada Perbekalan Tambahan No.1 Perbelanjaan Pembangunan Vot P.12 Jabatan Kerja Raya sebanyak RM76 juta dan juga Vot P.13 Jabatan atau pun JPS berjumlah RM3 juta. Mengenai dengan Vot 12 ni, saya ada satu persoalan kepada Tuan Speaker. Apakah sebenar agenda Kerajaan Negeri memohon peruntukan sejumlah RM76 juta ini. Ini kerana menurut data dari laporan Ketua Audit Negara pada 2011, Penyata Kewangan Negeri Selangor 2011 menunjukkan misalnya tahun 2010 terimaan peruntukan MARRIS adalah sebanyak RM351.66 juta dicampur dengan baki tahun 2009 iaitu RM54.41 juta maka semuanya berjumlah RM406.07 juta. Ini angka kena tengok sikit namun yang dibelanjakan hanya RM243.61 juta maka berbaki sebanyak RM162.46 juta. Iaitu hanya 69.3% yang dibelanjakan. Pada tahun 2011 pula terimaan sebanyak RM375.9 juta dicampur dengan baki RM162.46 juta maka jumlah terkumpul ialah RM538.36 juta. Namun hanya RM218.51 juta dibelanjakan. Iaitu lebih kurang 58.1% dan meninggalkan baki untuk dibawa ke tahun 2012 sebanyak RM319.85 juta. Kenapa Kerajaan Negeri gagal membelanjakan dengan cekap peruntukan yang telah disediakan ini. Sedangkan kita lihat banyak rungutan terutamanya yang dibangkitkan di dalam Dewan ini sepanjang kita punya persidangan.

Tuan Speaker, soalan yang kedua, belum soalan kedua lagi. Masih soalan yang pertama ya. Dalam masa yang sama seandainya, seandainya Vot P.12 sebanyak RM76 juta untuk JKR ni hendak juga diluluskan oleh Dewan pada hari ini, Batang Kali ingin bertanya kenapakah hanya sebahagian kecil sahaja untuk Daerah Hulu Selangor iaitu RM500,000.00 untuk menaik taraf jalan-jalan. Ini bagi saya cukup untuk korek tampal, korek tampal aje ni. Ya. Seluruh Hulu Selangor ni. Saya rasa sahabat karib saya daripada YB Kuala Kubu Bharu mungkin setuju dengan pendapat saya ni.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG** : Minta celah Tuan Timbalan Speaker.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Saya belum habis ni.

**TUAN SPEAKER** : Batang Kali nak bagi laluan ke tidak.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Kejap lagi Vot P.12 sahaja selesai lagi. Untuk Vot P.12 ini juga, saya mohonlah ya, saya mohon kalau nak diluluskan juga RM500,000.00 ni saya mohon supaya diperincikan jalan-jalan mana yang terbabit ni. Kerana kalau nak bagi Kuala Kubu tak ada taman, nak di bagi Hulu Bernam, tak banyak taman. Tetapi kalau Batang Kali, ada 43,000 pengundi dengan

jumlah taman lebih daripada 12 taman yang sekarang ni lekak-lekuk dekat sana sini. Saya rasa saya minta penjelasan supaya diperincikan dan adakah bajet yang hendak diluluskan itu turut melibatkan kawasan DUN Batang Kali serta bila nak dilaksanakan.

**TUAN SPEAKER** : KKB minta laluan Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Ok. Bersabar, ok.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG** : Terima kasih. Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin minta penjelasan daripada Batang Kali yang katakan peruntukan daripada JKR, yang kurang itu. Ya kita memang tak dapat nafikan jumlah itu adalah kurang tetapi ini adakah Batang Kali ingatkan peruntukan ini untuk Taman Perumahan. Ini bukan. Ini untuk Jalan JKR. Jadi saya harap Batang Kali boleh jawab.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN**: Ok, bagus tu soalan tu. Soalan tu bagus. Maksud saya kat sini, saya tidaklah hendak meninggalkan Kuala Kubu dengan Hulu Bernam. Maksud saya tu tidaklah mengatakan bahawa Jalan-jalan Negeri yang lain-lain ada dalam Hulu Selangor tu tak payah nak ambil kira. Yang saya nak katakan di sini, kalau boleh sebagai orang yang membahar tegak pada ketika ini inginkan RM500,000.00 tu dibawa sebanyak mungkin ke Batang Kali, itu dia. Tapi saya kesianlah mungkin boleh bagi-bagi dengan Kuala Kubu juga dengan Hulu Bernam juga. Ya. Dan itu mengenai dengan Vot P.12. Mengenai dengan Vot P.13, ni JPS ni, RM3 juta ni ya, ini juga saya nak menimbulkan satu persoalan Jabatan Pengairan Dan Saliran di peruntukan RM3 juta tetapi tiada peruntukan untuk masalah banjir yang telah dan mungkin akan berulang lagi di Hulu Selangor khususnya di kawasan Batang Kali. Ini saya dah bagi tahu, saya dah bagi tahu kepada Dewan bahawasanya setiap 6 Mei, sekejap habis ni apa soalan, perkataan tergantung ni.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM**: Peraturan Tetap.

**TUAN SPEAKER**: Ya. Sekejap. Duduk kejap ya, peraturan tetap.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM**: Peraturan Tetap 35(6) seorang ahli tidak boleh membaca ucapannya tetapi boleh membaca tapi boleh dibaca cabutan daripada buku atau surat kerana hendak menyokong hujahnya. Tuan, saya perhatikan lama, kalau dia baca sekejap, sekejap tak pe. Terlalu khusuk dengan baca dia. Jadi saya minta jangan...

**TUAN SPEAKER** : Minta Batang Kali jangan baca seluruhnya, sikit-sikit boleh...

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Dia boleh masuk peraturan lain tu. Berprasangka sebenarnya, ada tu dalam apa tu peraturan Dewan ada ya..berprasangka. Bila orang tengok teks, dia ingat membaca, padahal dia tak tau orang menengok tu sebab banyak *figure* nak *figure* ni kena cakap baik-baik ni kena tepat-tepat, tak boleh nanti salah nanti Sekinchan bangun pula bantah. Jadi bagi peluang. Bagi peluang saya tengok sebab ada *figure*. Jadi saya dah katakan dalam Dewan ini, saya dah katakan dalam Dewan ni baru-baru ni bahawasanya setiap 6 Mei

setiap tahun akan ada hari jadi banjir di kawasan Batang Kali. Maknanya semua orang dah tahu ni. Dah semua orang dah tahu pada 6 Mei akan ada hari jadi banjir di dalam kawasan Batang Kali terutamanya di kawasan Taman Batu 30. Jadi oleh itu saya bertanyalah bila tak ada bajet banjir untuk kawasan Hulu Selangor terutamanya di DUN Batang Kali ni seolah-olah Batang Kali rasa macam dinafikan dan kita ni terlepas pandang oleh Kerajaan Negeri. Saya rasa terkilan baru-baru ni apabila *actually* semalam minta maaf. Semalam EXCO yang berkenaan semasa menjawab soalan 84 Batang Kali. Mudah saja ya, mudah memberi alasan tiada senarai perbelanjaan banjir untuk PBT Hulu Selangor yang *disubmit* atau diserahkan.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Batang Kali, Kampung Tunku minta penjelasan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat daripada Batang Kali. Bagaimana Kerajaan Negeri Selangor dapat menyediakan peruntukan untuk menyelesaikan masalah banjir di kawasan DUN Batang Kali sedangkan ADUN daripada Barisan Nasional untuk kawasan Batang Kali pada penggal lepas tak sebut satu perkara pun di dalam Dewan yang mulia ini tentang masalah banjir di Batang kali. Dia asyik jual durian sahaja.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Itulah dipecat dia buat apa. Jual durianlah kerja dia. Dia tiada pendapatan. Jangan kita sebagai kerajaan yang adil kita tak boleh jadi zalim. Kita kena saksama, ya kita kena saksama bagi dia peluang.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Saksama. Saksama macam masa kalau ADUN tak bagi isu

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** aaa itulah sebabnya kalau saya baca habis ni tuan

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** lepas tu baru ada peluang untuk

**TUAN SPEAKER :** Duduk, duduk Kampung Tunku. Bagi Batang Kali habiskan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Sekarang Bukit Tunku akan tahu bukan. Kampung Tunku bukan Bukit Tunku.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** *Sorry*, minta maaf, minta maaf. Jadi inilah saya kata ya, saya rasa terkilan semalam sebab apabila EXCO yang bertanggungjawab menjawab soalan 84 saya dengan alasan tiada senarai perbelanjaan yang didapati daripada PBT Hulu Selangor mengenai dengan perbelanjaan banjir. Jadi dan beliau juga mengatakan bahawasanya 3 kawasan sahaja yang terlibat sedangkan saya kod pada 7.6.2012 Pengerusi MTD atau pun Majlis Tindakan Daerah pada ketika itu menyatakan bahawasanya ya ini Kerajaan Negeri kalau tak tahu juga tak sedar atau pun *not away off* minta maaf dengan izin mengenai perkara ini saya ragulah sebab

**TUAN SPEAKER :** Dua minit lagi Yang Berhormat

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Ya, minta laluan sikit dah nak habis dah. Jadi MTD pernah mengatakan bahawa dengan sedarnya bahawasanya pada ketika itu ada 12, 14 kawasan yang dikenal pasti sebagai *prone flat prone sorry* dengan izin. Kawasan plat banjir. 14 dan pada tahun ini daripada yang saya punya *walkabout* dengan izin tengah-tengah malam hingga ke pagi ada 8 lagi taman yang terlibat ada yang bukit-bukit taman tu tak tahu macam mana dekat bukit pun ada banjir ni. Dan satu pasar terlibat dengan banjir-banjir jadi ini

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, sekejap ya, Sijangkang hendak menjelaskan atau

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Saya nak bertanya dan juga penjelasan

**TUAN SPEAKER:** Kalau jelas nanti waktu kerajaan ada peluang kalau nak bertanya boleh.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Jawab. Boleh jawab *no problem*.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat Sejangkang ada pertanyaan ke. Ya, nak bagi ke tidak

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Dia EXCO, dia boleh jawab bila-bila

**TUAN SPEAKER** : Ok, Batang Kali tak bagi laluan.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Dia sentuh berkaitan dengan jawapan semalam.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Jadi itu yang saya nak nyatakan bahawa terdapat taman-taman baru ya, jadi data-data ini perlu adalah. Jadi saya rasa terkilannya dengan kurangnya perhatian mengenai dengan banjir ni. Jadi Tuan Speaker, dengan rizab yang banyak ni saya mohonlah, saya mohon supaya Kerajaan Negeri memikirkan kembali, memikirkan kembali keperluan Hulu Selangor ni dalam mengatasi masalah banjir di Hulu Selangor. Dengan itu saya apa ni saya ucapkan berbilang terima kasih kepada Tuan Speaker. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat bagi satu yang terakhir, Kinrara sebelum saya bagi peluang kepada Kerajaan untuk menggulung.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker kerana mengizinkan saya menyertai perbahasan dalam peruntukan tambahan ini. Kinrara ingin mengalu-alukan peruntukan tambahan sebanyak 36 juta ringgit kepada Jabatan Kerja Raya dan berharap dengan adanya peruntukan tambahan ini JKR boleh melaksanakan

projek yang amat diperlukan dengan kadar segera. Kinrara merujuk kepada Vot P.12 Item 10 dan ingin bertanya peruntukkan RM500,000 itu adakah cukup untuk menaik taraf keselamatan jalan utama Serdang Raya tersebut. Oleh kerana jalan utama Serdang Raya ini mempunyai lebih daripada lima puluh simpang dan *ceria volume* dengan izin adalah begitu tinggi. Saya bercadang lebih banyak peruntukan di perlukan untuk jalan ini pada tahun yang akan datang. Kinrara juga ingin memohon JKR mengambil perhatian tentang masalah kesesakan jalan lain yang bersambung dengan jalan utama Serdang Raya. Seperti kesesakan di Puchong, Sg. Besi By Pass setiap kali waktu puncak harus dipandang serius oleh JKR. Dan perlu mengkaji semula dengan mengambil kira pembangunan projek komersial dan kediaman yang begitu pesat di sepanjang jalan ini. Sebabnya ia sebuah jabatan kerajaan yang banyak terlibat dengan orang ramai, JKR perlu melakukan pantauan dan mempertingkatkan keselamatan ini dan keselesaan pengguna jalan raya. Dengan ini Kinrara menyokong bajet tambahan peruntukan pembangunan ini. Sekian terima kasih.

**Y.B. TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya mempersilakan pihak Kerajaan jika ingin menggulung atau memberikan apa-apa penjelasan tentang perkara-perkara yang telah di bangkitkan tadi. Di persilakan Yang Amat Berhormat Pelabuan Klang.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR :** *Bismillahir rahmanir rahim.* Timbalan Speaker, rakan-rakan sekalian saya mengucapkan terima kasih kerana penglibatan begitu intensif tentang perbincangan belanjawan dia di panggil perbelanjaan tambahan. Perbelanjaan tambahan. Dengan itu perbelanjaan tambahan bagi tahun 2013 dan saya rasa perlu saya jelaskan tentang dua perkara iaitu bezanya antara perbelanjaan tambahan dengan bajet belanjawan. Ada bezanya. Perbelanjaan tambahan itu tidak mengambil kira hasil, Kita hanya minta dewan untuk meluluskan perbelanjaan. Jadi apabila rakan-rakan membincangkan tentang sama ada belanjawan itu *surplus* atau lebihan atau seimbang atau defisit. Dia bererti dia akan menceritakan dua perkara iaitu satu hasil kedua perbelanjaan. Jadi di antara hasil dan perbelanjaan kalau lebih banyak hasil dari perbelanjaan dia di panggil *surplus* lebihan. Dari kalau kita belanja dengan hasil kita dapat sepuluh, kita belanja sepuluh itu bererti seimbang kita belanja yang berimbang atau pun kita dapat sepuluh tapi belanja dua puluh itu yang di panggil defisit. Hari ini kita bukan membincangkan tentang bajet. Kita membincangkan tentang perbelanjaan tambahan. Walau pun sudah tentu rakan-rakan akan bertanyakan sama ada perbelanjaan ini akan menghasilkan defisit kepada pendapatan negeri. Itu yang nak ditanyakan. Tapi dengan melihat angka-angka yang kita beri ini tidak boleh mengatakan sama ada bajet yang kita ada untuk tahun 2013 itu sama ada *surplus*, seimbang ataupun defisit. Jadi itu saya harap kita jelas kerana saya dapati kefahaman itu yang menyebabkan orang yang menyebabkan ada kekeliruan. Jadi oleh sebab itu lah walau pun sudah tentu tiap-tiap ahli dewan mestilah menentukan setiap ringgit yang diterima akan digunakan dengan perbelanjaannya dengan cara yang sebaik-baiknya. Jadi itu, itu yang perlu. Jadi hari ini kita akan membincangkan sama ada belanjawan ini perbelanjaan ini akan mengakibatkan defisit. Satu andaian dan yang kita boleh terima iaitu ramai ahli-ahli dewan yang mengatakan perbelanjaan ini tidak bagus kerana kita tidak boleh meneka apa yang kita buat untuk satu tahun. Maknanya kita tidak rancang

dengan betul. Jadi oleh sebab kita tak rancang dengan betul, sudah tentulah dia akan menghasilkan defisit. Kita boleh jadi terhutang sebab kita tak rancang dengan betul. Jadi jawapan itu telah dijawab oleh dewan negeri selama lima tahun. Selama lima tahun kita telah mengalami satu keadaan perbelanjaan tambahan. Tiap-tiap kali kita ada perbelanjaan tambahan. Tapi sejak daripada 20010, 2010, 2019 walau pun ada belanjawan perbelanjaan tambahan, tiap-tiap kali itu sebab rakan dari Permatang telah tengok, dia semak berapa peratus tiap-tiap tahun peningkatan dan apa semua, tapi rakan dari Permatang tidak Yang Berhormat dari Permatang tidak boleh menyatakan tak ada *surplus*. Tiap-tiap tahun 2010, 11, 12 ada *surplus*. Maknanya *surplus* itu menunjukkan perbelanjaan yang kita belanja kurang, perbelanjaan yang kita belanja itu tidak melebihi hasil yang kita dapati. Itu yang *the test of* keupayaan, *the test of* keupayaan, kita kalau dapat RM10.00 kita belanjalah RM10.00. Ah... tapi kalau dapat RM10.00 jangan belanja RM20.00 sebab dia berhutang. Tapi...

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Tuan Timbalan Speaker boleh minta penjelasan. Dengan penjelasan yang di berikan oleh YAB Menteri Besar tadi boleh tak kita mencadangkan apabila kita membenteng perbelanjaan tambahan ini kita juga menyebutkan jangkaan hasil yang kita akan terima pada hujung tahun jadi kita boleh mengatakan bahawa pada masa itu bahawa walaupun kita benteng tambahan, tapi akan kita ada sama ada bajet *surplus* ataupun *balance* bajet. Terima kasih.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih, Ah itu soalan yang bagus oleh rakan saya daripada Sungai Burong kerana soalan itu menunjukkan sama ada perjalanan pengurusan kewangan negeri mengambil kira kedua-duanya. Saya nak terangkan apabila kita bersetuju tentang perbelanjaan tambahan kita mula soalan yang pertama. Adakah kita cukup hasil tambahan untuk membuat perbelanjaan tambahan. Tapi jawapan ini tidak kita tulis dalam rekod ini sebab kita hanya cakap pasal perbelanjaan tambahan. Biasanya kita juga ada setengah negara dia terangkan juga mengapa, apa hasil daripada perbelanjaan tambahan. Tapi untuk ini seperti kebiasaan berpuluh tahun di Malaysia dia hanya Parlimen Malaysia pun hanya tulis perbelanjaan tambahan tidak bajet tambahan ha itu sebabnya. Jadi apa yang saya nak tunjukkan pada hari ini bahawa perbelanjaan tambahan kali ini ya, boleh jadi ramai yang mengatakan, eh RM700 juta, RM700 juta ini merupakan lebih daripada 40% dari perbelanjaan bajet yang kita lakukan. Benar itu, tapi sama ada pihak kerajaan dapat membuktikan ia boleh menampung keadaan ini atau pun di boleh *justification* dia pun boleh menentukan bahawa ini perlu kerana ada baiknya untuk perkara tersebut. Itu yang kita lihat. Jadi saya pertama saya nak tunjukkan ialah tentang apa perlunya kita memberikan sebanyak pinjaman sebanyak RM413 juta kepada KDEB. Apa perlunya. Keperluan itu ialah kita bukan memberi kepada KDEB kita hanya meminjamkan kepada KDEB supaya KDEB dapat menggunakan dana itu dan memulakan proses mengambil alih saham-saham yang tidak dimiliki oleh KDEB supaya, dimiliki oleh KDEB dalam Kumpulan Hartanah Selangor supaya akhirnya KDEB memiliki 100% saham dalam syarikat tersebut. Kerana apa. Pengurusan KDEB berpendapat bahawa aset Kumpulan Hartanah itu tidak di urus dengan baik dengan penguasaan 100% itu kita boleh menyusun semula aset-aset tersebut dan pengurusan KDEB telah menunjukkan kepada kita walau pun kita membelanja hampir RM400 juta tapi *net, net* apa *gross*



*development value* dalam tanah yang lebih daripada 7000 ekar itu melebihi 6,000 juta. Jadi bererti walaupun kita dapat 20% untung daripada perkara tersebut, hasil kita ialah RM1,200 juta untuk melabur sebanyak RM413 juta. Jadi ini telah dan perkara ini sudah tentu akan dipantau oleh dewan ini sebab apabila kita sudah buat ini perjumpaan masa depan sudah tentu ahli-ahli dewan akan bertanya apa jadi dengan pengambilalihan saham-saham Syarikat KHSB. Jadi jawapan itu ada. Tapi Kerajaan negeri tidak bercadang untuk membenarkan KDEB mendapat atau pun KDEB mendapat dana dari Kerajaan Negeri dengan senang. Bukan. Kedua, Kerajaan Negeri tidak hendak menolong KDEB atas dasar dia anak syarikat kita sebab KDEB ialah dalam *business* dia mesti *justify the business* yang di lalui. Jadi maknanya seperti rakan-rakan yang menanyakan buat apa kita bagi kepada KDEB sebab KDEB boleh pergi jumpa dengan bank dan dapat. Jawapan kita, kita hanya bagi apa yang dipanggil *bridging finance* maknanya sekejap, sekejap. Maknanya dia boleh buat pengumuman mengambil alih saham-saham minoriti, lepas itu dia juga diminta untuk menerbitkan saham yang di panggil pinjaman tanpa cagaran boleh tebus. Maknanya dia buat supaya dia apungkan pinjaman *paper* kertas ini supaya dia dapat mendapat dari pasaran lebih daripada RM450 juta yang akan apabila mereka selesai itu akan membayar yang pinjaman sementara oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri hanya bagi pinjaman sementara tidak lebih daripada satu tahun. Jadi kalau hari ini kita setuju dan bulan Julai tahun depan sebelum belanjawan tahun 2016 pembayaran itu sudah selesai. Itu sebab kita tentukan sekarang juga dokumen itu saya akan edarkan supaya....

**YB. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Tuan Speaker boleh minta penjelasan. Terima kasih Yang Amat Berhormat tadi membuat andaian bahawa kita bila memberikan pinjaman sebanyak RM413 juta kita menjangkakan apabila diapungkan akan memberikan nilai kepada KDEB yang lebih tinggi, andaian saya pula sekiranya ia merudum sahamnya turun apakah? jaminan untuk memastikan bahawa dalam bentuk sama ada *collateral* atau sebagainya bahawa RM413 juta ini boleh dikembalikan, terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Ha jawapannya... saya ucapkan terima kasih Sungai Burong, jawapannya saham tak payah turun sebab kita beli 100% saham, kita beli 100% saham mengapa kita beli 100% saham sebab dengan menguasai 100% kita menguasai semua harta-harta dalam syarikat tersebut. Dan kiraan kita harta-harta dalam syarikat tersebut ditolak dengan tanggungan-tanggungan itu mestilah melebihi 413 juta dan kita *test* sama ada anggapan ini kita betul, jadi *testnya* kita suruh KDEB jumpa bank kata saya nak keluarkan kertas pinjaman tanpa cagaran untuk membeli saham-saham ini, bererti kalau bank boleh bagi duit itu, maknanya bank pun sama risaunya dengan kita bahawa dia nanti tak boleh bayar tanpa cagaran dan bank sudah sanggup nak memberi ini, tapi inisiatif awal dibuat oleh negeri jadi itu sebab kita berani, saya akan edarkan *presentation of the purpose funding for the aquisition of 100%* ekuiti *KHSB*. Dan saya dah dengar 3 kali sebab saya ada kalanya saya buang kertas dia sebab tak berapa baguslah, itu sahajalah, tapi saya dengar cadangan mereka itu munasabah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang Amat Berhormat, Kota Anggerik ingin mencelah.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Tuan Timbalan Speaker, saya sangat menghormati kecekapan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dalam urusan kewangan dan saya pasti kemampuan beliau dalam pengurusan kewangan ini, cuma dalam dewan ini Tuan Speaker tiada dokumen-dokumen *suporting* yang boleh memberi satu keyakinan kepada ADUN-ADUN, yang ada hanya kertas bajet tambahan, jadi, dan sebelum ini pun tidak dibekalkan *profail syarikat, senarai aset, value aset* jadi kalau – pihak kerajaan boleh memberi *support* dokumen saya rasa memudahkan untuk ADUN-ADUN buat keputusan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Ha ini *summary* saya akan edarkan untuk rakan-rakan, kajian daripada pegawai yang dibuat oleh KDEB *Gross Development Value* hasil daripada pemilikan tersebut ialah 15,000 juta, *Gross Development Value* kos, kos untuk itu ialah 12,317 juta, *Gross Development profit* maknanya keuntungan ialah 3,586 juta dengan mengambil alih kurang daripada 500 juta kiraan kita menunjukkan bahawa usaha kita adalah munasabah, munasabah maknanya kita tidak apa sebab perkara ini tidak berlaku masa lepas.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Minta penjelasan, terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, saya ingin bertanya tadi disebut tentang *Gross Development Value* yang mencecah RM6,000.00 juta itu siapa yang mengeluarkan angka itu dan dari mana, adakah? angka itu telah diaudit oleh seorang yang *independent* atau tidak.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Ha, Terima kasih Kampung Tunku, dokumen-dokumen ini akan menjadi *public document* kerana untuk mengeluarkan apa kertas pinjaman tanpa cagaran itu dia mesti ada *public dokument*, dan *value* yang buat ini ialah *value* yang bertauliah dan nama mereka masuk dalam dokumen tersebut. *Of course* dia kena bayar lah, itu tapi nama mereka masuk dekat sini, itu sebab sekarang saya diberitahu ramai orang yang mempunyai dana ingin membeli kertas ini, sebab dia tengok dia boleh nak campur projek kita, ha jadi maknanya dulunya kita tak buat macam ini dulunya secara yang kita buat kita pilih seseorang dan lepas itu kita buat *joint venture* dalam senyap lepas itu bila projek itu terbengkalai baru kita bising.

Ha, jadi oleh sebab itu sekarang kita buat proses *open market, open market* jadi saya boleh tunjukkan bagaimana dia punya kira-kira keuntungannya, risikonya semuanya ada, itu sebab kita nak cuba cara begini, itu yang saya membaca terpaksa membaca buku yang ditulis oleh Timbalan Speaker mengenai bumiputera *on opening of mind* ha, jadi dia ada, dia tak boleh kata saya tak baca, ha..[ dewan riuh ] *than you have to open the mind* sekarang penjawat warga kerja KDEB tak boleh sorok-sorok sebab dia diadili oleh pasaran, dia diadili oleh pasaran dan cara mereka melakukannya dengan begini tetapi jawapan saudara tanya ramai yang saudara ada juga Tanya, eh kenapa kita tak rancangkan 2 tahun dulu, atau pun bila, mengapa, jawapannya kita berada dalam satu keadaan *volatility* yang tak sama kita kena tunggu keadaan yang boleh, ke 2 sama ada KDEB dan KHSSB mempunyai pegawai yang cukup untuk

mengendalikannya, itu sebabnya, tapi kita rasa sekarang mereka bolehlah lakukan, dan jadi ..

Jadi, saya akan edarkan untuk..jadi kalau begitu kita boleh tolak daripada 761 kita boleh tolak 413 sebagai pinjaman ataupun jangka pendek jadi tak ada kita boleh tolak, jadi maknanya kalau kita tolak tersebut sudah tentu sebenarnya ialah hanya perbelanjaan sementara, perbelanjaan sementara maknanya negeri bagi duit, tak sampai 7 atau 8 bulan ha...negeri dapat duit balik, jadi perbelanjaan sementara dan negeri tidak bagi percuma, negeri mengenakan faedah sebanyak 4% kalau negeri simpan duit dana *fixed deposit* dia tak dapat 3 % ataupun 3.5, kita boleh *caj base lending rate* 5 hingga 6.5% tapi sebab kita nak tunjukkan negeri percaya kepada KDEB dengan 4% jadi kalau bank pun nak dikenakan caj KDEB besok dia kena caj tak boleh jauh , jadi maknanya 4 ke 5 %, jadi 1 % kita mesti ingat 1 % sahaja perbezanya untuk setahun ialah 4 juta, ya 434 juta jadi oleh sebab itulah kita mesti jaga tentang perkara tersebut, jadi saya berharap Dewan akan meneliti tentang perkara ini.

Satu soalan yang dibangkitkan oleh Kampung Tunku tentang *timing of arrangement* yang mana kita bersetuju untuk mengambil alih pada tersebut *the timing of the Arrangement is subjected to the account of Kumpulan Hartanah*. Kumpulan Hartanah dia punya akaun tutup pada 31.12 tiap-tiap tahun, tapi bila akaun itu siap, bukan siap satu hari tapi 3 bulan lebih, jadi, apabila kita dapat akaun itu kita *declare*, kalau tidak besok orang kata kita simpan maklumat, sebab dia syarikat yang diurus niaga di pasaran saham, itu, dan adakah ? kerajaan negeri, salah dari segi *caretaker government* kita telah semak tak salah sebab ini ialah syarikat yang diurus niaga di pasaran saham, maknanya kalau macam itu, syarikat-syarikat di Menteri of Finance Corporated tak boleh niaga lah sebab semua dalam bukan sahaja di Selangor tapi di seluruh negara tak boleh berniaga, tapi soalan itu bagus, soalan itu perlu ditanya mengapa bulan ini kenapa tidak hari ini, ha jadi jawapannya *the timing* itu adalah kita selepas sahaja kita dapat akaun kita baru setuju.

Kemudian soalan yang kalau kita dah selesaikan masalah RM413 juta kita juga disoal sama ada kita merancang tentang pemberian air percuma.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang Berhormat Permatang, dipersilakan.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Saya masih belum dapat penjelasan mengenai perbezaan kerana keperluan KDEB hanyalah RM193.46 juta sahaja untuk pembelian syer itu, tapi kenapa diletakkan bajet sehingga RM431 juta, tidak berdasarkan keperluan sebenar yang diperlukan oleh KDEB.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Dia ada 2 iaitu pada 6hb. Mac, KDEB and Perangsang Selangor, KDEB anak syarikat KDEB ialah Perangsang. Anak syarikat Perangsang ialah Kumpulan Hartanah. Jadi dia ada dia punya. Jadi 1 ialah *the purchase consideration* yang RM254,562,000, 576 saham *at the minimum price* saudara telah gunakan 76 sen saya ingat. Jadi dan kemudian *maybe increase* sebab kita juga kena jaga supaya apabila kita masuk *bidding* tu dia tidak statik pada harga

tersebut. *Maybe increase up to 10% from the minimum offer price. At the request of Perangasng Selangor to reflect prevailing market value of landbank and investment properties of KDEB pursuant to the valuation carried and independent valuer yang Kampung Tunku bangkitkan is to be appointed jointly by KDEB dan Perangasng Selangor. As a result the consideration for the purchase of 100%. Bukan kita kira yang 20 ini, 100% consideration for 100%. 30% ialah RM100 juta tapi 100% ialah ditingkatkan kepada RM340 million ke RM376 million. Kita buat kiraan untuk 100%. Bukan kita buat kiraan 30% yang tinggal tapi kita buat kiraan untuk 100%. Dan itu sebab kita buat kiraan untuk 100% sebab kita tidak boleh anggap saham yang 30% sahaja. Kita mesti lihat sebagai *total investment not part investment, total investment*. Dia *must pass the 100% punya tax*. Saya teruskan.*

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Minta penjelasan. Yang Amat Berhormat, apakah *repayment period loan* itu? Dengan izin.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : *Loan? Loan?*

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Untuk KDEB.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Pinjaman tanpa cagaran ialah KDEB, *this is like pre ferential papers*. Dia boleh *cash out*. Maksudnya kita dah terbitkan semua orang setuju dan *with a coupon rate*. Bila dia nak beli, dia beli. Jadi kalau tidak

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : *So, maybe it will take forever? For KDEB* itu.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : No, KDEB *will not do it forever* sebab kalau dia dah bagus dia tak hendak bayar kadar faedah itu dia pulangkan duit baliklah. Itu aja.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Sebab apa yang kita nak ialah wang kerajaan bagi GLC *there is a allocation efficiently use the*

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : *No*.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Dengan izin. So, sebab kalau tak kita tidak akan ada disiplin kewangan kepada GLC negeri.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Tidak Puan Speaker. Minta maaf, saya *explain* tak betul. Fasal hutang, hutang dengan Kerajaan Selangor, KDEB dia mesti bayar sebelum setahun. Fasal KDEB hutang dengan orang lain itu sebab *paper* lain. Dia buat kertas pinjaman untuk mendapat RM431 juta untuk dibayar kepada kerajaan. Tapi kertas dia, dia boleh bayar bila-bila masa. Ok, dia begini. Dia ada *step* dia. KDEB boleh meminjam dari pasaran tapi dia meminjam awal daripada kerajaan. Kerajaan, Dewan ini setuju hanya untuk 1 tahun. Jadi bila dia tahu untuk 1 tahun, dia kena pergi jumpa bank untuk dapatkan RM431 juta. Bila dia dapat duit tu sebab KDEB pun jaga,

dia bayar pada negeri. Jadi negeri tak ada. Tapi KDEB dengan *financial market is on the tenure on the bond papers*. Itu sebab

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN :** Kalau lepas 1 tahun KDEB *is still* tak boleh ambil dapatkan *this* kewangan dari pasaran apakah Kerajaan Negeri akan buat tentang itu *fundering RM13 million*?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** *We liquid the asset.*

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN :** *So this avenue action is in the paper?*

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Yes, yes.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN :** *Is it return?*

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** *Yes because we owned 100%. Dan pernah kita lakukan. We liquided the asset. Jadi, tak jadi masalah. There's no issue. Dia bukan. No, that's the reason why we, the financial discipline. Dan financial discipline ini, saya hendak bagi tahu apabila saya cakap begini, ada rekod. Kedua, Perbendaharaan Negeri yang membagi, meluluskan kertas-kertas kerja ini juga kita telah bersetuju sebagai satu usaha berterusan, Perbendaharaan Negeri mesti diaudit tiap-tiap tahun oleh Audit Negara. Ada setengah Perbadanan, dia audit selepas 3 tahun sekali, 3 tahun sekali. Tapi untuk Perbendaharaan Negeri Selangor, dia diaudit tiap-tiap tahun. Dan untuk 2 tahun yang sekarang, kualiti audit atau you want to asses whether we are good or not is the highest rating is 4 star. We have 4 star, that's it. Silakan.*

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG :** Mohon izin untuk minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER :** Ia Pandamaran.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Saya ingin, saya difahamkan tadi Yang Amat Berhormat menyatakan bahawa pinjaman itu adalah membolehkan KDEB membeli 100% *share* daripada KSSB. Tetapi KDEB merupakan satu syarikat *listed company*. Jadi itu bukan 100% dimiliki oleh pihak Kerajaan Negeri. Jadi dalam keadaan tersebut sekiranya KHSB memungkirkan pembayaran dalam masa 1 tahun, Dato' Menteri Besar menyatakan bahawa Kerajaan Negeri boleh mengambil alih hartanah kerana Kerajaan Negeri merupakan pemilik 100% KHSB. Saya pohon penjelasan itu kerana saya tidak faham. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Atok dia ialah KDEB, *the grandfather* KDEB. *Then of the top of the grandfather* kita semualah, dia KDEB. Dan bawah KDEB ialah Kumpulan Perangsang. Bawah Kumpulan Perangsang ialah Kumpulan Hartanah. Tujuan kita ialah membawa semua kumpulan hartanah ini tidak lagi di bawah Kumpulan Perangsang tetapi terus di bawah KDEB. *That means we owned 100% of KDEB.* Kita tarik dia ke sana. *That's the reason.* Jadi bila kita *owned 100%, but I think* kita boleh

buat apa-apa kepada aset dan *liability* dia. *That's, so bila you* nampak tu mula-mula *you*, saya sebut fasal KDEB, saya sebut fasal Kumpulan Perangsang sebab Kumpulan Perangsang, KDEB *control only 55% of* Kumpulan Perangsang. Kumpulan Perangsang kontrol *only 52% of* Kumpulan Hartanah. Jadi kita kena bawa dia semua naik ke atas.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Minta penjelasan

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Saya akan tarik dia punya *relationship*. *Ok*.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Minta penjelasan lagi.

**TUAN SPEKAER** : Damansara Utama

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : *So KDEB want 100% hold by*

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat Damansara Utama, kalau nak berbahasa Inggeris, kena minta izin Puan Speaker.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : 100% dimiliki oleh Kerajaan Negeri. So macam mana Kerajaan Negeri sudah memiliki KDEB. Kalau KDEB tak boleh dapatkan kewangan daripada pasaran, Kerajaan Negeri tak boleh buat apa-apa sebab ini kita sudah memiliki 100% KDEB.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Tapi kenapa kita tidak boleh mendapat pinjaman daripada luar kerana kita boleh jadi tak ada aset yang cukup untuk mendapat pinjaman. Tapi kalau kita mempunyai aset yang cukup, kita boleh dapat pinjaman. Sebab KDEB tidak hendak mahu, Kerajaan Negeri tidak hendak mahu KDEB bergantung kepada kerajaan. Saudara-saudara semua setuju sebab kenyataan yang saudara bawa, jangan suruh GLC pergi cari duit sendiri. Itu, kita kata ok, boleh cari duit sendiri. Tapi ada *step* yang kedua. *Step* yang pertama kita bagi lepas tu carilah duit sendiri. *That is the way that we operate*. Jadi dengan cara itu Kerajaan Negeri jadi *catalyst*, pemangkin pembangunan syarikat-syarikat ini dan Kerajaan Negeri juga seperti Sekinchan nyatakan ada duit, bukan tak ada duit. Ada duit tapi tak boleh digunakan dengan tak betul. Itu sahaja. Dia ada duit kita. Jadi kalau banker jumpa dengan KDEB, siapa yang tolong *you finance this take over? We have already got money from the Dewan* tapi *we want to do it ourself*. So the banker cheque lah dia punya aset. Oh, boleh. Jadi dapat dia pulangkanlah duit tu. Oh, maaf itu terlalu

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Soalan tambahan sedikit.

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Puan Speaker. Saya nak tanya kalau sekiranya KDEB sudah mendapat duit daripada *banker*, bayar awal adakah *interest* itu 4% akan dipotong ataupun bayar penuh 4%. Ini penting untuk kepentingan rakyat kita.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Eh kita tak boleh. *The term* Puan Speaker *we should't be very jurist about this thing*. Kita tak boleh, kita hanya gunakan pada pegangan dia. Kalau dia pinjam 6 bulan, kita kira 6 bulan. Kita tak boleh. Lagipun akaun negeri akan diaudit dan mengatakan kita tak ikut prosedur yang betul. Jadi kita tak boleh.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER** : Ia Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat adakah KDEB sudah pun menandatangani perjanjian pinjaman dengan mana-mana bank dan jika ada berapakah pula faedahnya dan tempoh bayaran balik?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Sekarang dia mula mengadakan perbincangan. Sudah terdapat lebih daripada 7 institusi yang berminat. Jadi 7 institusi yang berminat tapi tidak, kita tidak boleh mendapat *coupon rate* 4% tak ada. *Coupon rate* melebihi 6%. Dia tak ada *coupon rate* yang 4%. Jadi, saya nak meneruskan tentang perkara yang kedua. Perkara yang kedua yang dibangkitkan oleh rakan daripada rakan-rakan ialah mengenai terutama Permatang tentang dana yang diperlukan untuk membiayai air percuma. Jadi itu. Saya tahu, saya pada tahun 2008, 2009 kita juga membiayai air percuma. Tapi kalau saudara lihat, akaun dia tidak juga masuk dalam akaun negeri. Kalau 2008 tak ada tertulis dalam bajet negeri, 2009 tak tertulis apa semua. Tapi oleh kerana kita mendapat komen dari Audit Negara ya. Audit Negara memberitahu kita, kita nyatakan kita bagi air percuma tapi kita bagi air percuma melalui KDEB. Jadi Audit Negara kata kalau bagi air percuma oleh negeri, negeri sendiri yang bayarnya. Itu sebab kita hendak, kalau tidak kita tak dapat 4 bintang. Jadi maknanya kita sendiri rekod tentang pembayaran. Kalau rekod tentang pembayaran bererti rekod ini mesti diluluskan oleh Dewan. Kalau rekod macam KDEB diluluskan oleh MBI sahaja. Tapi Audit Negara mahukan ia *very transparent*. Itu sebab sudah ada tengok baru ada. Kalau tidak tak ada. Dan apa yang saya lakukan, duit-duit yang saya bayar sebagai air percuma ini adalah pembayaran awal kita untuk mendapatkan saham SYABAS dan saham-saham konsesi-konsesi air. Apabila kita susun semula penyusunan semula industri air ini Insya-Allah ia akan siap dalam tahun ini. Kalau ini berlaku kita boleh *claim* balik 600 150 x 5 juta duit itu untuk diambil balik oleh negeri sebab kita dah bayar masukkan aset itu ke dalam SYABAS dan syarikat-syarikat air kita. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ya Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Yang Berhormat Menteri Besar, kalau 2008 hingga 2011 tadi dimaklumkan sumbangan atau pemberian air percuma tadi dibayar oleh KDEB. Adakah KDEB tadi Kerajaan Negeri tidak bayar balik kepada KDEB semua jumlah-jumlah yang sudah dibelanjakan oleh pihak KDEB untuk sumbangan air percuma kerana kalau Kerajaan Negeri membayar balik semua bayaran

balik yang dibayar balik oleh KDEB sepatutnya semua patut dimasukkan dalam belanjawan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Permatang tahu kita boleh pinjam kepada KDEB bukan untuk projek ini sebagai pinjaman biasa jadi *inter company borrowing*. Itu sebabnya Audit Negara tidak mahu apa yang kita panggil *inter company borrowing*. Jadi dia kata kalau itu kita *announce it*, kalau tidak tujuan kita ialah apabila KDEB mengambil alih konsesi air ini ia melalui *Special Purpose Vehicle* semua duit-duit yang kita pinjamkan kepada KDEB untuk bayaran air percuma ini dipulangkan balik pada negeri dan KDEB dan syarikat *Special Purpose Vehicle* itu akan menanggung bayaran tersebut. Mengapa dia boleh menanggung bayaran tersebut. Kiraan kita, aset negeri yang aset air negeri yang tidak termasuk dalam kiraan penswastan yang berlaku sekarang iaitu penswastan air ialah RM9,000 juta. Jadi kita akan menggunakan RM1,000 juta untuk menampung penggunaan pemberian air percuma ini. Kita dah pelan itu dari awal. Jadi maknanya dari 7 tahun yang akan datang ini kita dah ada orang yang akan membeli bayaran kita untuk air percuma ini.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Ya, saya masih belum dapat penjelasan lagi kerana dari segi SPV yang dimaksudkan tadi kerana ada perkembangan respons yang positif keadaan sekarang. Cuma saya maksudkan pada 2008 sehingga 2011 atau 2012 semua bayaran ini ditanggung oleh KDEB.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** KDEB dan MBI.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** KDEB dan MBI. Jadi apakah ini di bawah tanggungan KDEB ataupun kerajaan akan membayar semula wang KDEB. Itu yang saya maksudkan sebab kalau kerajaan membayar semula duit yang didahulukan oleh KDEB sepatutnya dia patut dimasukkan dalam perbelanjaan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Dalam *book keeping* saya bagi pinjam pada Yang Berhormat Sungai Pinang untuk membayar duit untuk air percuma. Tapi apabila saya jual aset air saya dapat *cash* dan *cash* itu dimasukkan ke dalam SPV ini sebab Sungai Pinang masih berhutang dengan saya. Duit ini dicancel maknanya hutang habis dibayar *cash* dapat balik ke negeri. *That's the mechanism*. Maknanya negeri dapat balik apa yang telah dibayar kepada air percuma kepada rakyat. Sebab itulah ini cerita sajalah, we buat akaun tu kalau saudara baca, dua kali iaitu sampai Mei kita *stop* lepas tu kita buat sebab *we dont want you to know* kalau Barisan tahu tentang *our strategy of claiming back* itu sebab kalau saudara tengok dia ada sekatan. Kalau saudara tengok kenapa dia buat begitu sebab kita nak tentukan kalau kita menang pilihan raya *this is the strategy*. Kalau tidak *they have to employ us to evaluate*. Jadi pendeknya ialah pemberian air percuma ini yang kita biayai ini is *claimable* dan kalau cepat kita selesaikan kita dapat duit balik. Jadi kalau kita dah gunakan RM413 juta dengan lebih dari RM110 juta sudah RM500 juta bukan perbelanjaan yang tidak dibayar. Hulu Kelang telah buat kiraan begitu. Jadi betul. Jadi oleh sebab itu yang hanya satu sahaja yang dikatakan RM80 juta yang dipinjamkan oleh PKNS untuk membeli hartanah Datum City itu peringkat yang ketiga. Yang sebenarnya pemilik tanah ini bukan orang



lain. Pemilik tanah ini ialah MPPJ jadi apabila kita pinjamkan duit pada PKNS, PKNS bayar kepada MPPJ duit itu adalah dalam kumpulan kita. Itu sebab kita bayar kita bagi pada dia. Sebab itu kita tak takut risikonya. Sebab orang yang dibayar itu orang yang sama. Tapi apabila MPPJ buat projek itu esok dan projek Datum City itu dikatakan *gross development value* RM1.5 bilion dan dia boleh meminjam daripada bank dan dibayar pada negeri. Jadi tak jadi masalah. Itu sebab pada saya RM80 juta itu ialah duit untuk pembayaran hartanah yang dimiliki oleh MPPJ yang dilantik. Itu pun bukan perbelanjaan yang hangus. Maknanya perbelanjaan yang *claimable*. Jadi perbelanjaan yang tidak *claimable* tinggal dua sahaja. Iaitu yang untuk JKR dan Jabatan Parit. Saya diberitahu oleh sebab cara kita *recording* itu yang saya diberitahu Yang Berhormat daripada Jeram, daripada Permatang mengatakan duit MARRIS itu sebenarnya perakaunan duit MARRIS itu dibuat sejak 2004, 2005 dicantumkan menjadi satu akaun bersama. Jadi duit itu dipakai. Jadi oleh sebab itu Audit Negara juga *complain* dia tak boleh buat akaun bersama. Jadi peruntukan MARRIS sekarang dah dibuat satu polisi. Peruntukan MARRIS kalau kita nak pakai duit MARRIS. Peruntukan MARRIS tidak di benar untuk bina baru melebar jalan sebab tambahan peruntukan yang diminta oleh JKR dan JPS adalah projek yang tidak boleh menggunakan peruntukan MARRIS. MARRIS tak nak kita betulkan ini dia mesti nak tumpukan pada khas untuk betulkan jalan betulkan parit. Tak boleh untuk bina baru. Itu sebab kita balik kepada negeri untuk dapat bajet baru. Itu sebab kita jumpa dan bajet baru. Itu sebab orang tanya ini duit MARRIS, duit MARRIS ada dia punya akaun jadi masa perjumpaan kita insya-Allah masa bajet akan datang saudara akan tengok akaun-akaun itu semua dan ini ialah untuk pembaharuan sebab RM500,000.00 tak percaya untuk menjaga sebab ini yang baru dibina yang *maintenance*. Jadi ada bagusnyanya supaya kita tahu berapa banyak Kerajaan Persekutuan bagi duit MARRIS di mana dia digunakan. Dulunya Kerajaan Persekutuan bagi duit MARRIS RM350 juta masuk ke dalam akaun amanah yang disatukan baru kita gunakan. Kita boleh gunakan banyak cara, ada MARRIS, ada bayar gaji orang, ada buat projek-projek tapi sekarang saya setuju kita kata duit MARRIS masuk dalam akaun amanah MARRIS dan gunanya hanyalah untuk seperti yang ditetapkan oleh MARRIS.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Mohon mencelah.

**TUAN SPEAKER :** Ya Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Terima kasih Puan Speaker. Soalan saya adakah PBT akan menjadi pelaksana untuk kerja-kerja pembaikan jalan raya menggunakan wang MARRIS ataupun adakah Kerajaan Negeri terus melalui agensinya akan menjadi pelaksana. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Puan Speaker, kita bercadang untuk menggunakan Pihak Berkuasa Tempatan kerana mereka mempunyai pegawai dan juga lebih dekat kepada usaha yang dilakukan. Tetapi masih lagi dalam perbincangan kerana terdapat sebahagian daripada kawasan-kawasan tidak bukan di bawah jagaan PBT terutama kawasan-kawasan di luar bandar. Jadi kita kena ambil kira.

Jadi menurut kiraan saya lebih yang tertinggal yang tak ada masuk dalam perbelanjaan yang kita jangkakan itu kurang daripada 5%. Jadi oleh sebab itu saya rasa kita *pass the acid test of* tidak melampau dari segi perbelanjaan yang....dan seperti Y.B. tahu saya telah umumkan dua kali dalam Dewan ini dalam masa seminggu iaitu *reserve* negeri sudah meningkat daripada 2500 juta ke 2600 juta. Jadi itu adalah lebih pendapatan dan lebih pendapatan RM100 juta itu sudah tentu boleh menampung kegunaan-kegunaan perbelanjaan tambahan dan kita tidak akan dalam keadaan deposit. Jadi itu pun....jadi Y.B.....Puan Speaker itu penjelasan saya walaupun kalau hendak kita boleh minta pegawai-pegawai secara terbuka untuk memberikan penerangan yang lebih lanjut lagi.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli YB sekalian cadangan di hadapan Dewan ialah bahawa undang-undang ini hendaklah dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli YB yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli YB yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Rang undang-undang ini bernama satu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang disatukan negeri untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2013 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Puan Speaker saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai jawatankuasa untuk menimbangkan rang undang-undang ini fasal demi fasal.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Puan Speaker saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Dewan bersidang sebagai jawatankuasa.

**SETAUSAHA DEWAN** : Fasal 1 dan Fasal 2.

**TUAN SPEAKER** : Fasal 1 dan Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang undang-undang. Ahli-ahli YB yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli YB yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETAUSAHA DEWAN** : Jadual.

**TUAN SPEAKER** : Jadual menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli YB yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli YB yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang ini seperti yang diperbincangkan dan dipersetujui dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Puan Pengerusi, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Dewan bersidang semula.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Puan Speaker saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-undang ini telah dipertimbangkan dalam jawatankuasa dan telah dipersetujui sepenuhnya tanpa pindaan. Oleh itu saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga yang diluluskan sekarang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli YB, cadangan di hadapan Dewan ialah Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli YB yang bersetuju dengan cadangan ini sila kata ya. Ahli-ahli YB yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan tambahan 2013. Aturan urusan mesyuarat seterusnya usul no. 1 tahun 2013, usul Bajet Tambahan Peruntukan Bangunan 2013.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Puan Speaker dan Ahli-ahli YB sekalian saya dengan sukacitanya memohon membawa satu usul dalam Dewan yang mulia ini yang berbunyi seperti berikut: Bahawa menurut Seksyen 9 Seksyen 4 (2) (b) dan Seksyen 4 (3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 Dewan ini membuat ketetapan bahawa peruntukan tambahan sebanyak RM79 juta yang dinyatakan dalam bajet tambahan peruntukan pembangunan nombor 1 2013 yang dibentangkan di hadapan Dewan mengikut Seksyen 4(1) Akta yang sama sepertimana terdapat di jadual hendaklah diluluskan. Jadual:

Peruntukkan tambahan no.1/2013 Perbelanjaan Pembangunan. P12 Jabatan Kerja Raya RM76 juta, P13 Jabatan Pengairan dan Saliran RM3 juta, jumlah RM79 juta.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Y.B. sekalian dalam Perundangan Dewan Negeri Selangor yang telah diadakan pada 19 November, 2012 satu usul peruntukkan pembangunan telah diluluskan berjumlah RM633 19,00 310 bagi perbelanjaan pembangunan tahun 2013. Dari jumlah tersebut sebanyak RM59, 600, 720 diuntukkan kepada P12 Jabatan Kerja Raya dan sebanyak RM44,750.000 diperuntukkan kepada P13 Jabatan Pengairan dan Saliran. Berdasarkan perbelanjaan yang telah dibuat sehingga akhir Mei 2013 terdapat keperluan peruntukkan sebanyak RM79 juta. Oleh itu satu peruntukkan tambahan bertujuan menampung kekurangan tersebut adalah diperlukan. Tambahan bagi projek pembangunan yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut: i)P12 Jabatan Kerja Raya bagi kod projek-projek di bawah pecahan kepala 1 PK1, pelbagai rancangan pecahan kepala 2 PK2 membina jambatan, pecahan kepala 3 PK3 membina jalan, pecahan kepala 4 PK4 menaik taraf jalan dan pecahan kepala 5 PK5 membina dan menaik taraf bangunan yang keseluruhannya berjumlah RM76 juta diperlukan oleh Jabatan Kerja Raya.

P13 Jabatan Pengairan dan Saliran. Bagi kod projek 01024 Menaik taraf sistem saliran bagi mengatasi masalah banjir di Kawasan Selayang Mukim Batu sebanyak RM273,397.73. Kepada projek 01040 Rancangan Tebatan Banjir Sungai Bangi sebanyak RM1,583,102.23. Projek 06014 Rancangan kawasan hakisan Pantai Morib Klanang sebanyak RM306,500.00. Kod projek 06025, Projek menaik taraf dan mendalamkan Muara Sungai Haji Dorani sebanyak RM37,000.00. Bagi Kod Projek 09902, Menaik taraf sistem saliran di Bagan Nakhoda Omar adalah sebanyak RM800,000 yang menjadikan peruntukkan tambahan keseluruhan yang diperlukan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran sebanyak RM3 juta. Memandangkan keperluan bagi tambahan peruntukkan ini maka saya ini dengan ini memohon supaya usul ini diluluskan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Puan Speaker saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli YB sekalian adapun masalah di hadapan Dewan ini adalah suatu usul yang telah dibawa oleh YAB Dato' Menteri Besar iaitu usul Bajet Tambahan peruntukkan Pembangunan 2013. Oleh itu saya kemukakan usul ini untuk dibahaskan. Ya Hulu Klang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Terima kasih Puan Speaker. Hulu Klang ingin mengambil bahagian membicarakan tentang P12 Jabatan Kerja Raya khususnya tentang kerja-kerja penyelenggaraan dan pemulihan cerun. Dalam sidang Dewan yang lalu kita telah menimbulkan isu tentang pengurusan cerun dan Dato' Menteri Besar telah berjanji menegaskan bahawa akan mewujudkan satu pasukan khas bagi penjagaan cerun. Jadi kalau dilihat dalam konteks kepala Vot 01001 hanya berjumlah RM1.6 juta maka tidak cukup dan tidak memadai dengan apa yang telah dinyatakan oleh Dato' Menteri Besar. Jadi saya ingin sekiranya satu peruntukkan yang lebih besar untuk mengatasi masalah cerun akan dapat ditangani khususnya dalam bajet yang akan datang. Dan keduanya tentang projek-projek yang berkaitan dengan kepala vot 010 kod 01002 RM1.4 juta membina jambatan seluruh Selangor. Perlu dijelaskan apakah spesifikasi jambatan kerana peruntukkan ini terlalu kecil berbanding dengan keperluan banjir-banjir yang kerap berlaku di Selangor pada tahun lalu. Seperti di Gombak, di Ampang yang telah meranapkan jambatan-jambatan. Keperluan jambatan itu melebihi daripada jumlah yang diperuntukkan. Dan di kawasan saya sendiri di Hulu Klang ada satu kampung menyeberangi sungai kecil Sg. Kemensah memerlukan pembinaan, bukan pembinaan ya pembaikan jambatan kecil. Jadi kalau boleh di....untuk ditinjau peruntukkan ini dapat disalurkan di situ. Dan....satu lagi ialah kod 01003 bernilai RM2 juta lampu....memasang lampu jalan dan lampu isyarat seluruh Selangor. Persoalan saya adakah bidang kerja ini telah melampaui bidang tugas PBT dalam konteks pencerahan malam dan pencerahan kawasan-kawasan di kawasan perumahan. Dan apakah lampu-lampu jalan ini hanya melibatkan lampu-lampu di jalan negeri ataupun kawasan-kawasan perumahan. Kemudian saya juga ingin menyentuh tentang P13 JPS Jabatan Pengairan dan Saliran iaitu tentang peruntukan yang khusus di bawah kepala PK1 dan PK6 serta PK9 melibatkan perkara-perkara yang berkaitan dengan menaik taraf sistem saliran rancangan kawalan hakisan tebatan banjir dan sebagainya. Satu peruntukkan yang mungkin telah ditetapkan dalam bajet yang lepas

adalah tentang penyeliaan dan penyelenggaraan sungai-sungai, semak-semak dan pembersihan sungai-sungai. Didapati bahawa pada umumnya kawasan-kawasan sungai kita tidak terurus. Walaupun peruntukkan telah diberikan tapi mungkin dari segi masalah pengagihan bahagian-bahagian di mana pengurusan sungai itu tidak dapat dilaksanakan dengan baik. Jadi saya menyeru dengan lulusnya usul ini satu pendekatan yang lebih teratur berjadual perlu dilakukan untuk memastikan kebersihan tebing-tebing sungai dan kawasan-kawasan tidak semak di sungai-sungai kita. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ada lagi....ya....YB Bangi.

**Y.B. TUAN MOHD SHAFEI BIN NGAH** : Terima kasih Puan Speaker. Terima kasih Y.A.B. *Assalamualaikum waramatullah.....salam sejahtera*. Bangi terima kasih banyak kerana diberi peluang untuk membahaskan sedikit mengenai rang undang-undang cadangan penghujahan tambahan ini yang saya mulakan dengan vot P12 Jabatan Kerja Raya yang melalui item no. 5 01008 bagi pengambilan balik tanah yang dicadangkan peruntukkan RM5.3 juta. Cuma saya ingin kepastian sama ada dia melibatkan satu pengambilan tanah kerajaan di Sg. Tangkas dalam kawasan Bangi yang sekarang ini telah diduduki oleh pendudukan haram. Bila ada pendudukan haram dia menyusahkan penduduk dari segi untuk keselamatan awam mengenai masalah banjir dan juga menyusahkan kerajaan sudah pastinya untuk membina kemudahan awam seperti sekolah dan masjid. Saya mohon diberikan perhatian kepada soal pengambilan tanah ini di kawasan sungai Tangkas dalam DUN Bangi. Yang kedua saya nak menarik perhatian kepada item nombor 30 iaitu 04508 yang memperuntukkan sebanyak RM500,000 bagi menaik taraf jalan-jalan di Hulu Langat. Dan saya mohon kepastian tentang di manakah jalan ini yang dilibatkan apakah dia melibatkan jalan-jalan protokol dalam Bandar Baru Bangi. Bandar Baru Bangi dalam protokol ialah mempunyai jalan yang panjang dan dia menjadi jalan utama bagi masyarakat-masyarakat awam yang melaluinya. Dan jalan ini dibina di awal tahun 70 an ketika UKM dibina hari tu. Ini menunjukkan bahawa yang ini dah terlalu lama dan simpang-simpangnya perlu diperbaiki kerana kepentingan keselamatan orang awam yang kerap kali menjadi punca kemalangan di kawasan ini. Saya mohon sekiranya perkara ini dapat dikaitkan dengan pembangunan jalan di Bandar Baru Bangi, jalan protokol terutama 3 bulatan utama dalam Bandar Baru Bangi yang semakin hari semakin sesak. Puan Speaker saya mohon seterusnya merujuk kepada peruntukkan RM3 juta bagi Jabatan Pengairan dan Saliran. Saya ucapkan terima kasih banyak keprihatinan negeri tentang peruntukan diberikan RM1.583 juta bagi Rancangan Tepatan Banjir Sungai Bangi. Apa yang ingin saya tarik perhatian ialah mengenai peruntukan bagi membaik pulih atau membersihkan kolam-kolam tadahan yang dahulunya bersifat tepatan banjir sekarang dah menjadi pusat pembiakan binatang berbisa. Dah jadi sarang ular di kawasan-kawasan yang dulunya dipanggil sebagai tepatan banjir. Kenapa, kerana tak diurus, tak dibersihkan dan dia menjadi masalah keselamatan penduduk sekitar dan juga masalah pandangan mata yang menjelikkan. Saya telah merujuk kepada JPS mengenai tanggungjawab siapakah yang patut menyelenggarakan kolam-kolam tadahan ini, bagi mereka, mereka bukan tanggungjawab kami. Merujuk kepada PBT, PBT kata bukan tanggungjawab kami, habis tanggungjawab siapa? Saya percaya ini

tanggungjawab JPS dan peruntukan harus diberikan kepada pembaikpulihan kolam tadahan ini supaya ia menjadi keutamaan. Terutama di kawasan-kawasan perumahan taman yang kebanyakan taman di syaratkan untuk menyediakan kolam tadahan ini bagi maksud pengairan atau pun tepatan banjir. Oleh sebab itu saya mohon dalam projek ini dalam rancangan ini diambil kira juga program-program pembersihan kolam-kolam tadahan ini. Saya mohon dipertimbangkan terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Puan Speaker, Yang Berhormat Rawang. Puan Speaker, Rawang ingin merujuk kepada P12 Jabatan Kerja Raya Vot 01001 untuk Membaik Pulih dan Menyelenggara Cerun Seluruh Selangor. Saya ingin menarik perhatian dewan yang mulia ini termasuk Yang Amat Berhormat Menteri Besar tentang khasnya di kawasan PBT, MPS sebab telah banyak kawasan sensitif alam di sekitar kawasan MPS ini. Dan saya mohon kalau boleh pihak kerajaan negeri tambahkan peruntukan kepada unit cerun yang telah ditubuhkan di bawah PBT, MPS ini. Termasuk juga kita fahamkan sebenarnya sekarang kelmarin juga di Rawang banyak keruntuhan di cerun berlaku disebabkan oleh projek pembangunan yang kurang penguatkuasaan dan penyeliaan sebelum ini. Tetapi kesannya ditanggung oleh PBT sekarang dan saya difahamkan sekarang sekiranya PBT ingin membaiki atau pun mengukuhkan cerun tersebut akan perlu dapat pinjaman daripada pihak kerajaan negeri, yang juga dikenakan kadar bunga 4%. Jadi saya mohon kalau boleh yang pertama pihak kerajaan negeri kaji semula dan tambahkan peruntukan kepada PBT untuk menjaga cerun ini. Dan kedua saya juga merayu kalau boleh 4% kadar bunga itu dikecualikan memandangkan ini adalah kerja segera untuk keselamatan orang awam dan orang ramai dan penduduk di sekitarnya.

Yang keduanya juga saya ingin menarik perhatian terhadap kejadian tanah runtuh yang berlaku di kilometer 12 Lebuhraya Kuala Lumpur – Rawang yang berlaku pada tahun 2009 yang mana tanah telah runtuh dan dua lorong telah ditutup. Dan sampai sekarang cerun tersebut hanya ditutup dengan *double line* sahaja. Saya difahamkan IKRAM JKR Persekutuan tiada peruntukan mencukupi dan dikatakan ini melibatkan isu tanah dan aspek kuasa siapa yang sepatutnya ambil untuk pengukuhan seterusnya. Tetapi saya bimbang kalau tiada jalan atau pun penyelesaian jangka panjang di jalankan, tanah runtuh mungkin berlaku lagi dengan keadaan cuaca dan hujan yang tidak tentu sekarang. Yang kedua Rawang ingin juga menarik perhatian terhadap P13 Jabatan Pengairan dan Saliran untuk 01024 bagi Menaik taraf Sistem Saliran bagi mengatasi masalah banjir di kawasan Selayang Mukim Batu. Saya mohon pihak kerajaan negeri untuk mengkaji semula peruntukan yang diberikan kepada JPS Daerah Gombak. Seperti yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Hulu Kelang tadi banyak sebenarnya kawasan di daerah Gombak dengan kawasan yang besar, sungai yang banyak, sistem saliran yang begitu banyak juga. Disebabkan kekurangan peruntukan banyak kerja *maintenance* dengan izin atau pun penjagaan sungai itu tidak dapat dijalankan. Jadi bila kita kemukakan masalah tentang tebing yang runtuh dan sebagainya, JPS Gombak juga terpaksa juga memohon peruntukan yang lebih daripada pihak kerajaan Selangor. Jadi saya mohon sebab ini adalah infrastruktur asas yang perlu kita sediakan kepada masyarakat umum saya harapkan pihak kerajaan Negeri Selangor boleh tambahkan peruntukan untuk JPS Gombak juga.

Dan saya juga ingin menarik perhatian bahawa JPS ini di Rawang juga baru-baru berlaku satu keretakan jambatan di disebabkan oleh *culvert* yang tidak mematuhi piawaian yang dibuat oleh pemaju sebelum ini. Dan ini juga satu perkara yang segera yang perlu perhatian untuk pembaikan dan melibatkan satu peruntukan yang agak besar juga, jadi saya mohon kalau boleh pihak kerajaan Negeri Selangor juga meluluskan dengan segera untuk membaiki dan mengkaji semula aspek dan berganti. Sebab ini perlu satu jabatan yang baru juga untuk menghubungkan lebih kurang 6 taman penduduk yang menggunakan jalan tersebut sebagai jalan utama untuk keluar masuk. Jadi itu sahaja yang ingin Rawang ingin bangkitkan, sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ya Dusun Tua.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya mengambil kesempatan daripada tambahan perbelanjaan. Yang pertamanya P12 ini sebanyak RM76 juta kepada Jabatan Kerja Raya. Kepala 04508 ini iaitu bagi Menaik taraf Jalan Di Daerah Hulu Langat seperti mana yang Bangi beritahu tadi. Saya mengambil perhatian dewan ini kerana saya tengok RM500 ribu ini untuk menaikkan taraf jalan-jalan di daerah Hulu Langat ini saya tak tahu jalan yang macam mana sebenarnya nak tampak ke atau pun jalan kerana jumlahnya terlalu sedikit. Sedangkan sesiapa pun lalu pergi ke tempat pelancongan di Dusun Tua iaitu di Sungai Congkak dan di Gabai, setiap hari atau pun setiap minggu, hari Sabtu atau hari ahad jalan sentiasa *jammed* yang teruk kerana ini telah beberapa kali dibawa dalam mesyuarat malahan wakil parlimen Hulu Langat Dr. Che Rusli Che Mat pernah bawa ke parlimen perkara ini, sampai sekarang ini jalan antara Batu 9 sampai ke Batu 14 itu tidak dapat dibesarkan jalan itu. Jadi rakyat merasakan bahawa ini satu benda yang tak sepatutnya berterusan begini kerana Yang Amat Berhormat Menteri Besar pun selalu pergi ke Hulu Langat. Dan jalan ini kalau boleh saya mohon dalam dewan ini kita buat sesuatu kerana ini adalah satu perkara yang penting malahan Hulu Langat atau pun Dusun Tua ini telah menjadi jolokan kepada pelancong dan setiap minggu ya, ramai orang berkunjung ke Dusun Tua ini.

Dan yang kedua saya terus kepada perbelanjaan yang diberi kepada JPS ini iaitu Tepatan Banjir ini, begitu juga saya tengok jumlahnya agak tambahan ini terlalu sedikit kerana di Hulu Langat juga kerap ditimpa banjir. Terutamanya baru-baru tahun yang lepas, satu tahun sampai 3 kali banjir yang mana Perdana Menteri pun dah turun ke Hulu Langat ini dan Yang Amat Berhormat pun dah turun masa banjir besar tahun lepas dan sampai sekarang ini pun kawasan itu terutama di Sungai Serai tidak dapat diselesaikan. Bila kita tanya dengan JPS, JPS tolak sana tolak sini, jadi rakyat kadang-kadang bila melihatkan keadaan ini berterusan maka dia akan menyalahkan kerajaan negeri bahawa apakah kita sudah mentadbir dua penggal, sedangkan banjir yang berlaku bukannya menelan belanja yang besar sangat tetapi kenapa tidak boleh diselesaikan. Jadi ini saya minta supaya kalau boleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dapat ambil perhatian dua perkara ini dan saya ucapkan terima kasih pada Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Sekarang saya mempersilakan pihak kerajaan jika ingin menjelaskan apa-apa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Puan Speaker saya lihat ada beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Hulu Kelang, Bangi, Rawang, Dusun Tua yang mana saya kira saya telah mengambil beberapa catatan dan Insya-Allah perkara-perkara ini akan kita lihat dan kita akan sudah tentulah ianya menjadi prioriti-prioriti kepada infrastruktur berkaitan dengan JKR dan juga JPS yang mana terutamanya berkaitan dengan kawasan-kawasan tepatan banjir yang dimaksudkan tadi. Termasuklah daripada Bangi khusus kepada kolam-kolam takungan dan saya kira kita akan lihat perkara ini dan Insya-Allah perkara-perkara ini akan dimasukkan di dalam bajet yang akan datang. Kita dapat menyelesaikan dengan bajet yang kita dapat untuk tambahan kali ini, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ada pun masalah dewan di hadapan ini ialah suatu usul yang berbunyi bahawa menurut Seksyen 9, Seksyen 4 (2b) dan Seksyen 4 (3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, dewan ini membuat ketetapan bahawa peruntukan tambahan sebanyak RM79 juta yang dinyatakan dalam bajet tambahan Peruntukan Pembangunan No.1 2013 yang dibentangkan di hadapan dewan mengikut Seksyen 4 (1) Akta yang sama seperti mana terdapat di jadual hendaklah diluluskan. Jadual Peruntukan Tambahan No.1 2013 Perbelanjaan Pembangunan Vot P12 Jabatan Kerja Raya RM76 juta, P13 Jabatan Pengairan dan Saliran RM3 juta, jumlah RM79 juta. Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat tidak bersetuju sila kata tidak, usul ini dipersetujui. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian jam sudah pun menghampiri jam 4.30 petang. Maka saya menanggungkan mesyuarat pada hari ini dan saya ingin memaklumkan bahawa saya telah menerima permohonan untuk membuat ucapan penangguhan dan bersesuaian dengan peraturan tetap 16(2) sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Kampung Tunku untuk membuat ucapan penangguhannya. Dipersilakan Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin menyampaikan ucapan penangguhan yang berbunyi seperti berikut kerajaan Selangor harus mengambil langkah-langkah bersesuaian untuk menyelesaikan hak milik tanah, tempat letak kereta, Apartmen Sea Park Jalan 21/13, Petaling Jaya secepat mungkin. Perbadanan pengurusan apartmen Sea Park di Jalan 21/13, Petaling Jaya pada hari ini telah menerima surat daripada tuan punya tanah tempat letak kereta apartmen tersebut yang mengarahkan penduduk-penduduknya menyerahkan pemilikan kosong keempat-empat bidang tanah ini kepadanya. Tanah yang menempatkan TLK Sea Park apartmen sejak tahun 1980 ini sebenarnya dipecahkan kepada empat bidang tanah yang berasingan dan didaftarkan di bawah Nombor Geran 39967 (Nombor Lot 22713), Nombor Geran 39971 (Nombor Lot 22717), Nombor Geran 39972 (Nombor Lot 22718) dan Nombor Geran 39973 (Nombor Lot 22720).



Masalah pertama ialah tanah-tanah ini sebenarnya mengelilingi enam blok apartmen mereka. Ini bermaksud setiap kali penduduk-penduduk melangkah keluar dari blok mereka, mereka dianggap telah mencerooh tanah orang lain. Masalah kedua ialah sekiranya tanah-tanah ini diambil balik oleh pemiliknya di manakah penduduk-penduduk nak meletakkan kenderaan mereka. Carian daripada Pejabat Tanah dan Daerah Petaling menunjukkan sehingga tahun 2008 keempat-empat keping tanah ini masih dipegang oleh pihak Pemaju iaitu Sea Housing Sdn Bhd, pada tahun 2008 pihak pemaju telah memindah hak milik keempat-empat tanah ini kepada seorang individu bernama Yap Say Tee. Apartmen Sea Park ialah sebuah apartmen yang dibangunkan pada tahun 1980 iaitu sebelum Akta Hak milik Strata 1985 atau Akta 318 dikuatkuasakan. Persoalannya ialah mengapakah kerajaan pada masa itu tidak meminta pemaju menyerahkan balik segala harta awam (*common properties*) termasuk keempat-empat bidang tanah ini kepada pihak pengurusan apartmen atau kerajaan?. Mengapakah kerajaan pula meluluskan pemindahan milik tanah ini daripada pemaju kepada seorang individu yang lain tanpa menjalankan siasatan dan pemeriksaan terhadap masalah ini?. Adakah kesilapan ini berlaku kerana apartmen ini dibina sebelum Akta 318 berkuatkuasa?. Sekiranya betul, bagaimana kerajaan dapat memperbetulkan situasi ini sekarang?. Adakah kerajaan Selangor boleh mengambil balik tanah ini sekarang untuk menjaga kepentingan penduduk-penduduk Sea Park Apartmen?. Jika ya, apakah prosedurnya?. Apa pun sekali, kerajaan Selangor harus campur tangan dan menyiasat perkara ini serta menyelesaikannya sebelum pemilik tanah memulakan tindakan mahkamah terhadap penduduk-penduduk yang tidak berdosa. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Dipersilakan pihak Kerajaan jika ingin memberi penjelasan di atas perkara yang telah dibangkitkan.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Terima kasih Kg. Tunku. Pihak kerajaan akan menyiasat dan akan memberi maklum balas secepat mungkin. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian maka dengan itu saya menangguhkan dewan sehingga ke hari Isnin 8 hari bulan Julai 2013 bermula jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 4.35 petang )**